KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2026 (JANUARI)

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

HARIAN METRO
02.01.2026 (JUMAAT)

TENDER RM58.45 JUTA UKM

SPRM buka fail siasat tatakelola perolehan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaksanakan siasatan tatakelola bagi meneliti sebarang aspek ketidakpatuhan dan kelemahan yang wujud membabitkan proses perolehan ke atas tender Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bernilai RM58.45 juta.

Pengarah Bahagian Penyiasatan Tatakelola (BPT) SPRM Datuk Mohd Zaki Hassan berkata, pihaknya sudah membuka satu fail penyiasatan tatakelola berhubung kes itu.

"Buat masa ini siasatan kes masih dijalankan. Ini bagi mengenal pasti sekiranya wujud kelemahan atau ketidakpatuhan sebagaimana Laporan ketua Audit Negara (LKAN) pada 21 Julai lalu yang mendedahkan tiga daripada tujuh tender perolehan UKM keseluruhan berjumlah RM58.45 juta didapati tidak mematuhi prosedur perolehan yang ditetapkan," katanya ketika dihubungi semalam.

Pada November lalu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM Datuk Zainul Darus dilaporkan berkata, pihaknya sudah memanggil lima individu untuk diambil keterangan berhubung perkara itu.

Pada Julai lalu, LKAN dilaporkan mendedahkan tiga daripada tujuh tender perolehan UKM berjumlah keseluruhan RM58.45 juta didapati tidak mematuhi prosedur perolehan yang ditetapkan.

Laporan itu mendedahkan bahawa Jawatankuasa Perolehan Tender UKM memilih syarikat yang tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal, Jawatankuasa Penilaian Kewangan dan Jawatankuasa Pra-Tender.

Menurut laporan LKAN itu, UKM juga didapati tidak melantik wakil Kementerian Kewangan sebagai ahli Jawatankuasa Perolehan, manakala wakil Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang dilantik tidak hadir dalam mesyuarat berkaitan tiga tender berkenaan.

SINAR HARIAN
03.01.2026 (SABTU)

Skandal rasuah dalam tentera

PARANG TUMPUL

JUNAIDI ALIAS

Skandal rasuah terbesar dalam ketenteraan di Amerika Syarikat yang pernah direkodkan melibatkan kontraktor ketenteraan Leonard Glenn Francis dan syarikat Glenn Defense Marine Asia (GDMA).

Francis memberi suapan dalam bentuk wang tunai, pelancongan mewah, barangan dan perkhidmatan lain kepada anggota tentera laut US Navy untuk mendapatkan maklumat sulit, memanipulasi pergerakan kapal dan menaikkan kos kontrak sokongan logistik di Asia Pasifik.

Kira-kira pada pertengahan kes tersebut, beratus pegawai, termasuk beberapa kapten kapal dan pegawai tinggi, didakwa serta dipenjara.

Di China pula pernah dilaporkan tentang Wang Shooye lebih dikenali Timbalan Komander Tentera Laut Tentera Pembebasan Rakyat China, disabitkan dengan kesalahan menyeleweng dana kerajaan sebanyak kira-kira RM1 juta yuan (RM95 juta) dan memiliki wang bunai serta aset mewah tersembunyi.

Ia dianggap antara kes rasuah terbesar dalam sejarah ketenteraan China dan Wang dijatuhkan hukuman mati, namun kemudian ditukar kepada hukuman penjara seumur hidup selepas siasatan menyeluruh dilakukan.

Pada tahun 2011, Filipina bergegar dengan Skandal Pabuan. Pegawai tertinggi Angkatan Tentera Filipina menerima duit daripada dana yang disembunyikan selepas mereka bersara. Dana tersebut dipindahkan tanpa audit dan melibatkan ratusan juta peso.

Skandal itu menyebabkan beberapa pegawai tinggi tentera dadahwa, sekaran turut mencetuskan perdebatan mengenai ketelusan sistem kewangan pertahanan Filipina.

Di United Kingdom (UK), Gordon Richmond Foxley yang merupakan Pengawal Perolehan Peluru di Kementerian Pertahanan UK, menerima rasuah jutaan pound daripada pengedar senjata untuk mempengaruhi kontrak pertahanan.

Wang yang diselewengkan itu disimpan di luar negara melalui syarikat yang berlindung di sebalik kegiatan haram.

Kes itu menyebabkan Foxley disabitkan atas 12 pertuduhan rasuah. Skandal itu menjadi lambang kelemahan sistem perolehan pertahanan UK dan menyumbang kepada laporan dalaman mengenai penipuan dalam Kementerian Pertahanan pada 1990-an.

India juga pernah terjadi skandal yang melibatkan rundingan pembelian meriam Bofors FH77 bernilai AS$285 juta pada 1986. Antara yang terlibat adalah pegawai tentera, orang tengah politik dan syarikat luar negara.

Skim West End International itu didedah melalui operasi penyamaran oleh media India untuk menunjukkan pegawai tentera mengambil rasuah bagi kontrak pertahanan.

Skandal itu menyebabkan kerajaan India menyenarai hitam firma terbabit dan kes tersebut mencetus perdebatan besar mengenai amalan kontrak pertahanan dan ketelusan dalam institusi keselamatan negara.

Yes Patria pula melibatkan tiga negara iaitu Slovenia, Finland dan Austria ia menjadikan kontroversi tuduhan rasuah yang melibatkan syarikat pertahanan Finland Patria bagi mendapatkan kontrak pembelian kenderaan berperisai di Slovenia dan negara lain.

Tuduhan dakwaan wang suapan besar diberikan kepada pegawai kerajaan dan kementerian pertahanan.

Walaupun banyak tuduhan dibentukan atau dipersoalkan kerana kekurangan bukti dan peraturan undang-undang, skandal itu mencalar reputasi dan menarik perhatian badan anti-rasuah dikantas tersebut.

Ini adalah cabaran untuk mendedahkan skandal rasuah melibatkan ketenteraan kerana kebanyakan dokumen dikategorikan sebagai rahsia sulit dan sesiapa sahaja yang mendedahkannya boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Tentunya ia pula melibatkan pembelian senjata kerana maklumat sedemikian tidak boleh jatuh ke tangan musuh.

Tetapi kalau setakat kontrak mencuci kapal terbang, membaiki benik tentera atau pembekalan makanan, ini bukanlah sampai mengejatkan keselamatan negara. Sesetelah sedalam-dalamnya dan hukumlah mereka yang terlibat.

Mantan Ahli Majlis Perbandaran Johor Bahru

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

HARIAN METRO
04.01.2026 (AHAD)

SPRM DAPAT PETUNJUK BAHARU

Ada individu lain terjebak rasuah babit pegawai kanan tentera darat

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Terdapat beberapa individu lain dikenal pasti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terbabit dalam rasuah yang dikaitkan dengan seorang pegawai kanan tenteradarat.

Petunjuk terbaru itu diketahui dalam siasatan agensi berkenaan terhadap beberapa projek tender perolehan tentera darat yang sedang giat dijalankan oleh SPRM sejak beberapa minggu lalu.

Pendedahan dibuat menerusi TikTok rasmi SPRM yang menyatakan beberapa individu lain yang dikenal pasti mempunyai kaitan dengan kes terbabit.

"Tindakan lanjut akan diambil berdasarkan hasil siasatan dan bukti yang diperoleh," katanya di sini, semalam.

"SPRM tidak boleh memaklumkan jumlah nilai aset atau akaun bank kepada media buat masa ini memandangkan proses siasatan masih berjalan dan tidak semua aset dibekukan sepenuhnya," katanya.

Menurut agensi berkenaan, setakat ini individu utama yang disyaki terbabit masih menerima rawatan perubatan.

"SPRM tidak boleh memaklumkan jumlah nilai aset atau akaun bank kepada media buat masa ini memandangkan proses siasatan masih berjalan dan tidak semua aset dibekukan sepenuhnya"

TikTok rasmi SPRM

"Oleh itu, keterangan individu berkenaan masih belum diambil sepenuhnya.

"SPRM menghormati aspek kesihatan serta hak individu terbabit selaras dengan prinsip undang-undang dan akan mengambil keterangan sebaik sahaja beliau disahkan sihat oleh pihak perubatan," katanya.

Tambahnya, tiada tempoh masa tetap ditetapkan bagi setiap fasa siasatan dilakukan pihaknya kerana ia bergantung kepada kerumitan kes, jumlah saksi serta keperluan analisis dokumen dan kewangan.

SINAR HARIAN
06.01.2026 (SELASA)

Rasuah tender perolehan Tentera Darat: SPRM siasat 26 syarikat

SHAH ALAM • Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memulakan siasatan ke atas 26 syarikat yang disyaki terlibat dalam tender perolehan Tentera Darat pada Isnin.

Menurut sumber, kesemua pemilik syarikat tersebut turut terlibat di dalam siasatan itu dan tidak menolak kemungkinan mereka akan direman bagi membantu siasatan.

"SPRM telah memulakan siasatan terhadap kesemua 26 buah syarikat tersebut kira-kira jam 11 pagi tadi di sekitar Lembah Klang, Perak dan Pulau Pinang," katanya.

AZAM

SPRM pada 23 Disember tahun lalu telah hadir ke Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan menyiasat projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

SPRM juga telah memanggil tiga individu untuk dirakam keterangan berhubung kes tersebut.

Pada 29 Disember, SPRM turut menyita enam akaun bank dipercayai milik seorang pegawai kanan Tentera Darat dan ahli keluarganya bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan perolehan projek berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan siasatan tersebut dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 17 dan 23 Akta SPRM 2009.

Sebelum itu, media melaporkan SPRM telah memulakan siasatan terhadap beberapa projek melibatkan Tentera Darat sejak 2023 berhubung tender perolehan berkenaan.

Fokus siasatan tertumpu kepada projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah PTJ Tentera Darat.

BERITA HARIAN
06.01.2026 (SELASA)

Berita Harian – 6/1/26 – Selasa

SPRM siasat 26 syarikat terbabit tender perolehan Tentera Darat

Agensi mungkin akan tahan reman semua pemilik syarikat bantu siasatan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam memulakan siasatan terhadap 26 syarikat di beberapa negeri yang disyaki terbabit dalam tender perolehan Tentera Darat.

BH difahamkan, SPRM turut menyiasat kesemua pemilik syarikat itu yang menerima tender perolehan daripada agensi kerajaan berkenaan.

Sumber berkata, SPRM berkemungkinan akan menahan reman kesemua mereka bagi membantu siasatan.

"SPRM sudah memulakan siasatan terhadap semua 26 syarikat itu kira-kira jam 11 pagi tadi (semalam) di sekitar Lembah Klang, Perak dan Pulau Pinang," kata sumber semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan siasatan itu dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 17 dan 23 Akta SPRM 2009.

BH sebelum ini melaporkan, terdapat beberapa individu lain dikenal pasti SPRM terbabit dalam rasuah yang dikaitkan dengan seorang pegawai kanan Tentera Darat.

Petunjuk terbaharu

Petunjuk terbaharu itu diketahui dalam siasatan agensi berkenaan terhadap beberapa projek tender perolehan Tentera Darat, yang sedang giat dijalankan SPRM sejak beberapa minggu lalu.

SPRM juga menyita enam akaun bank dipercayai milik seorang pegawai kanan Tentera Darat Malaysia (TDM) dan ahli keluarganya, bagi membantu siasatan dakwaan rasuah membabitkan perolehan projek TDM.

Azam ketika mengesahkan perkara itu berkata, satu kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 berhubung kes berkenaan.

SPRM pada 23 Disember tahun lalu hadir ke Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan menyiasat projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

Pada 24 Disember 2005, SPRM telah memanggil tiga individu untuk dirakam keterangan berhubung kes itu.



HARIAN METRO
07.01.2026 (RABU)

AGC bantah permohonan peguam Albert Tei cabar dua arahan SPRM

Kuala Lumpur: Jabatan Peguam Negara (AGC) membantah permohonan peguam Mahajoth Singh untuk mendapatkan kebenaran memfailkan semakan kehakiman bagi mencabar dua arahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membabitkan anak guamnya, ahli perniagaan Albert Tei.

Peguam Kanan Persekutuan Shamsul Bolhassan berhujah bahawa arahan SPRM terhadap Mahajoth, 31, untuk memeriksa beliau dan memintanya mengemukakan dokumen tidak tertakluk kepada semakan kehakiman.

"Arahan di bawah Seksyen 30(1)(a) and (b) Akta SPRM 2009 merupakan pelaksanaan fungsi dalam proses siasatan jenayah.

"Justeru, ia tidak tertakluk kepada semakan kehakiman," katanya ketika prosiding di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Alice Yoke Yee Ching, semalam.

SURENDRAN (dua dari kanan) bersama Mahajoth (dua dari kiri) dan Albert Tei (kanan) di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

Peguam N Surendran, yang mewakili Mahajoth pula berkata, arahan itu tidak sah serta tidak boleh dikuat kuasa kerana SPRM telah melanggar perlindungan statutori terhadap komunikasi terlindung antara peguam dan anak guamnya mengikut Seksyen 126 Akta Keterangan 1950 serta Seksyen 46(2) Akta SPRM 2009.

Mahkamah menetapkan 28 Januari depan untuk memutuskan permohonan Mahajoth yang difailkan pada 9 Disember lalu.

Antara barangan yang diminta SPRM dalam arahan itu ialah telefon bimbit Tei, dokumen berkaitan pembelian perabot, pakaian, kamera serta salinan perbualan WhatsApp antara Tei dan beberapa individu.

PENGARAH IPTA DIREMAN

Lantik syarikat anak bekal kain batik

Sungai Petani: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah menahan reman pengarah sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri itu kerana disyaki menyalahgunakan kedudukan dengan melantik syarikat milik anaknya bagi kerja pembekalan kain batik bernilai kira-kira RM16,000.

RM16,000
Nilai kain batik dibekalkan syarikat anak suspek

Sumber memaklumkan perintah reman sehingga 10 Januari ini terhadap wanita itu dikeluarkan oleh Majistret Muhammad Syaiful Akmal Mohamad Razi selepas permohonan dibuat di Mahkamah Majistret Sungai Petani, pagi semalam.

Suspek berusia 50-an itu ditahan kira-kira 1 tengah hari semalam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Sungai Petani.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan itu atas kapasiti sebagai pengerusi koperasi di IPTA itu pada Ogos 2024 apabila pembekalan kain batik dibuat bagi tujuan pembuatan baju batik tenaga pengajar dan petugas institusi terbabit," menurut sumber.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah Datuk Nazli Rasyid Sulong ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

BERITA HARIAN
07.01.2026 (RABU)

17 pengarah syarikat disyaki terbabit kartel tender Tentera Darat ditahan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman 17 pengarah syarikat kerana disyaki terbabit dalam rangkaian kartel tender perolehan Tentera Darat.

Perintah reman selama lima hari sehingga 10 Januari ini terhadap semua suspek dikeluarkan Majistret, Ezrene Zakariah, selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pagi semalam.

SPRM dalam kenyataannya, menyatakan suspek terdiri daripada sembilan lelaki dan lapan wanita berusia lingkungan 20 hingga 60an itu ditahan di antara jam 8.30 hingga 11.30 malam kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Putrajaya.

Siasatan awal mendapati kesemua suspek disyaki membayar wang rasuah kepada pegawai kanan Tentera Darat Malaysia (TDM) sebagai balasan mendapatkan projek-projek pembekalan dan penyelenggaraan dengan TDM.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan, Datuk Zainul Darus, ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit, memaklumkan kes itu disiasat mengikut Seksyen 16(b) Akta SPRM 2009.

BERITA HARIAN
07.01.2026 (RABU)

Dari isu 'keranda terbang' ke kes rasuah calar imej ATM

ANALISIS

Oleh Ilah Hafiz Aziz

Mutakhir ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjadi tumpuan masyarakat berikutan beberapa isu rasuah yang dilihat menjejaskan imej pasukan pertahanan utama negara.

Sepanjang tahun lalu, beberapa kes telah menjejaskan reputasi wira negara, yang kini diburukkan lagi dengan pendedahan baharu membabitkan seorang pegawai kanan ATM.

Kes itu turut memaksa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu aset Kementerian Pertahanan (MINDEF).

Isu itu timbul selepas aktivis Badrul Hisham Shaharin, atau Chegubard, mendedahkan dakwaan aliran masuk tunai berskala besar ke dalam akaun seorang pegawai kanan tentera.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan pendedahan itu dan meminta Ketua BERSATU Bahagian Port Dickson hadir ke pejabat SPRM untuk mengemukakan bukti.

Susulan itu, SPRM membuka siasatan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 selepas hadir ke MINDEF pada 23 Disember lalu bagi menyiasat projek yang dilaksanakan melalui perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

Siasatan itu menyebabkan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, mengeluarkan kenyataan merehatkan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Muhammad Hafizuddesin Jantan, bagi memberi laluan SPRM menjalankan siasatan. Walaupun kes itu masih berjalan dan SPRM belum merekodkan sepenuhnya kenyataan Muhammad Hafizuddeain yang difahamkan jatuh sakit secara tiba-tiba, imej ATM turut diburukkan dengan beberapa dakwaan di media sosial, termasuk tuduhan rasuah membabitkan Presiden Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS), Laksamana Madya Datuk Sabri Zali.

Selain itu, beberapa pendedahan mengenai aktiviti tidak bermoral dalam kem tentera turut mencalar imej ATM, sehingga MINDEF mengarahkan pasukan itu menjalankan siasatan dalaman bagi menilai kesahihan dakwaan yang dikatakan mencalar disiplin, profesionalisme dan pematuhan ketat tentera.

Terbaharu, kelmarin, SPRM mengesahkan pasukan siasatan memulakan siasatan terhadap 26 syarikat di beberapa negeri yang disyaki terbabit dalam tender perolehan Tentera Darat.

Batal cadangan beli aset

Menyelusuri isu tender perolehan, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, pada Ogos lalu turut menitahkan MINDEF membatalkan cadangan pembelian helikopter Black Hawk lama yang berusia lebih 30 tahun.

Baginda, yang juga pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), mengingatkan MINDEF supaya tidak mengulangi kesilapan lalu dan memberi amaran supaya tidak meletakkan nyawa juruterbang ke dalam keranda terbang.

Dalam titah Sultan Ibrahim, baginda membangkitkan mengenai kewujudan 'ejen' atau bekas jeneral yang menjadi 'salesman' termasuk kehadiran syarikat penjual kain yang mahu menjual 'drone'.

"Kalau semua pembelian kena ikut harga orang tengah, maka peruntukan yang ada tidak akan cukup. Oleh itu, jangan cuba nak temberang saya. Jika tidak mahu dengar cakap saya, selepas ini saya tidak akan menegur lagi," titah baginda seperti dikongsi di Facebook, semalam.

Tahun 2025 dilihat sebagai tahun paling mencabar bagi ATM dalam mengekalkan imejnya apabila sekumpulan pegawai kanan ditahan SPRM dalam Ops Sohor, selepas dipercayai menjual kedaulatan negara.

Lima pegawai kanan tentera, termasuk dari bahagian perisikan ATM, ditugaskan memantau dan mengekang aktiviti penyeludupan. Namun, hasil siasatan SPRM mendapati mereka bersekongkol dengan sindikat sejak lima tahun lalu dan disyaki mengumpul hasil rasuah melebihi RM3 juta.

Mereka juga disyaki membocorkan maklumat operasi ketenteraan kepada penyeludup dan membawa masuk barangan larangan seperti dadah, rokok serta barangan lain dari negara jiran ke Malaysia, dengan anggaran nilai RM5 juta sebulan.

Deretan kes membabitkan ATM sepanjang tahun lalu pastinya memberi kesan kepada benteng pertahanan negara, memandangkan pasukan itu perlu terus dihormati dan digeruni musuh.

Oleh itu, MINDEF khususnya ATM melaksanakan penambahbaikan segera, terutama membabitkan perolehan projek berisiko tinggi.

BERITA HARIAN
07.01.2026 (RABU)

'Dasyarina isteri saya yang sah'

Sariman berkata dia bernikah dengan wanita itu ikut syarak di luar negara pada 25 Februari 2025

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

KUALA LUMPUR - Seorang lelaki mendakwa dirinya masih suami sah kepada seorang wanita didakwa terkait dengan skandal melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) baru-baru ini.

Usahawan, Sariman Bakar, 52, berkata, dia dan wanita berkenaan, Dasyarina Sarilah Daud telah bernikah secara sah mengikut hukum syarak di luar negara pada 25 Februari 2025, dengan wali pernikahan merupakan bapa kandung wanita tersebut sendiri.

Ujar Sariman, dia dan isterinya terlibat bersama dalam beberapa urusan perniagaan termasuk salah satu tugasan syarikat, di mana wanita berkenaan telah berkenalan dengan pegawai kanan ATM itu atas dasar urusan kerja.

"Selepas perkenalan tersebut, saya mendapati berlaku perubahan ketara dalam sikap isteri (Dasyarina).

"Berasa tidak berpuas hati dengan perubahan itu, saya telah menjalankan siasatan sendiri dan menemui mesej-mesej berunsur mesra antara mereka," katanya dalam satu sidang akhbar di sebuah restoran pada Selasa.

Sebelum ini, Dasyarina menafikan dakwaan mempunyai hubungan peribadi dengan pegawai terbabit, sebaliknya menyatakan mereka hanya kenalan dan rakan golf serta menegaskan tidak pernah menerima sebarang projek kerajaan.

> "Berasa tidak berpuas hati dengan perubahan itu, saya telah menjalankan siasatan sendiri dan menemui mesej-mesej berunsur mesra antara mereka."
>
> **-Sariman**

Sariman (kiri) ketika sidang akhbar di sebuah restoran pada Selasa.

Sariman turut mendakwa telah menghubungi pegawai kanan berkenaan secara peribadi bagi mendapatkan penjelasan, namun keadaan masih tidak berubah.

Pada Disember tahun lalu, aktivis politik Badrul Hisham Shaharin atau Chegubard mendakwa seorang pegawai kanan ATM terlibat dalam kesalahan berkaitan rasuah dengan mendedahkan satu set dokumen yang kononnya merangkumi kertas siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), yang didakwa diterima oleh Pertubuhan Pembela Tanah Air (PETA) pada Mei 2024.

Dakwaan itu turut memetik nama Dasyarina dengan dakwaan hubungan peribadi.

SINAR HARIAN
07.01.2026 (RABU)

Pegawai dan isteri, dua penguat kuasa direman

Disyaki terima suapan lindungi majikan gajikan PATI tanpa permit

Oleh NORAFIZA JAAFAR

AYER KEROH - Seorang pegawai kanan dan dua penguat kuasa daripada sebuah agensi penguatkuasaan di Melaka direman enam hari bagi membantu siasatan menerima suapan untuk melindungi pendatang asing tanpa izin (PATI).

Turut direman ialah isteri kepada pegawai kanan berkenaan berusia 37 tahun yang disyaki bersubahat dengan suaminya, termasuk membantu mengurus serta menerima wang suapan daripada beberapa majikan.

Perintah reman sehingga 11 Januari 2026 ke atas empat suspek itu dikeluarkan oleh Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman di Mahkamah Majistret di sini pada Selasa.

Kesemua suspek tiba di mahkamah sekitar jam 9 pagi dengan menaiki kenderaan khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, pegawai kanan itu bersama isterinya serta seorang penguat kuasa dipercayai menerima wang suapan sekitar RM20,000 sebulan daripada beberapa majikan sekitar Melaka.

Ia sebagai balasan melindungi premis terbabit agar tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan menggaji PATI tanpa permit kerja sah.

Perbuatan itu dipercayai dilakukan antara 2021 hingga 2025.

Pembayaran wang suapan dipercayai dibuat secara tunai serta melalui transaksi ke akaun bank.

Sementara itu, seorang lagi penguat kuasa disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM1,950 secara keseluruhan daripada seorang pengurus restoran antara Januari hingga Julai tahun lalu bagi tujuan sama.

Kesemua suspek berusia antara 30 hingga 50 tahun ditahan di pejabat SPRM Melaka antara jam 11.50 pagi hingga 4.50 petang, Isnin.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Datuk Adi Supian Shafie mengesahkan tangkapan tersebut dan memaklumkan kes itu disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Beliau turut memaklumkan operasi tersebut dijalankan hasil kerjasama risikan antara SPRM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kesemua pegawai terbabit difahamkan masih berkhidmat setakat ini.

Kesemua suspek tiba di Mahkamah Majistret Melaka pada Selasa.

SINAR HARIAN
07.01.2026 (RABU)

Ops Hiroshima bongkar perolehan ATM

Chegubard dakwa diugut, diancam dan ditawar jutaan ringgit dedah rasuah serta salah guna kuasa

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI dan MUKHRIZ MAT HUSIN

KUALA LUMPUR - Aktivis Pembela Tanah Air (PETA), Badrul Hisham Shaharin atau dikenali sebagai Chegubard memberi bayangan lebih banyak pendedahan berkaitan dakwaan penipuan dalam pembekalan dan perolehan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam masa terdekat.

Beliau berkata, satu operasi khas yang dinamakan Ops Hiroshima akan dilancarkan bagi mendedahkan kontraktor-kontraktor yang didakwa terlibat dalam salah guna kuasa dan penipuan membabitkan perolehan melibatkan ketenteraan.

"Bersedialah kerana kami akan mendedahkan pembekalan dan perolehan tentera yang penuh dengan penipuan," katanya pada sidang akhbar di sini pada Selasa.

Menurut Badrul Hisham, antara penyelewengan yang dikenal pasti termasuk kes barangan yang langsung tidak dihantar tetapi bayaran telah dibuat.

"Ini juga melibatkan pembekalan peralatan yang gagal ujian kualiti namun masih diarahkan untuk diterima dan digunakan.

"Ada juga kes barang dibekalkan tetapi gagal dalam ujian kualiti. Walaupun gagal ujian, barang itu tetap diarahkan supaya dihantar," dakwanya.

Beliau turut mendakwa, pemotongan kualiti peralatan akibat rasuah telah mengundang risiko besar kepada keselamatan anggota tentera.

Sementara itu Chegubard mendedahkan beliau bukan sahaja diugut dan diancam malah ditawarkan sehingga jutaan ringgit ketika mendedahkan isu rasuah serta salah guna kuasa membabitkan ATM.

Menurutnya, ugutan dan tawaran lumayan itu bagaimanapun tidak sedikit pun menggoyahkan pendiriannya kerana beliau berpegang teguh kepada sumpah yang pernah dilafazkan kepada arwah bapanya.

Katanya, Selasa merupakan ulang tahun ketiga pemergian bapanya, Shaharin Sharif yang menjadi titik tolak kepada perjuangan yang sedang digerakkan hari ini.

"Saya bersumpah di hadapan arwah bapa saya ketika saya memegang tangannya selama 20 hingga 30 minit sebelum beliau menghembuskan nafas terakhir," katanya lagi.

Badrul Hisham berkata, ketika detik itu beliau berjanji kepada arwah bapanya bahawa dirinya 'diwakafkan' sepenuhnya untuk memperjuangkan kebenaran dan keadilan.

"Segala yang saya lakukan insya-ALLAH adalah ibadah dan amal. Semua ini menjadi peneman untuknya di sana. Lillahi ta'ala.

"Kami orang miskin. Bapa saya bekerja memanjat tiang Tenaga Nasional Berhad (TNB), manakala ibu saya pula seorang pencuci di hospital," katanya.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada seluruh warga ATM termasuk anggota yang sedang bertugas, para pegawai serta veteran tentera yang tanpa henti menyalurkan sokongan dan maklumat berkaitan isu yang didedahkannya.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh anggota tentera, pegawai dan veteran yang menghantar sokongan serta pelbagai maklumat.

"Saya memberi jaminan bahawa tiada sesiapa pun akan mengetahui identiti sumber. Walau digantung terbalik sekalipun, saya tidak akan mendedahkan siapa sumber tersebut," tegasnya.

BADRUL HISHAM

Mengulas lanjut, Badrul Hisham berkata, pendedahan yang dibuat bukan bersifat peribadi, sebaliknya lahir daripada keprihatinan terhadap nasib anggota bawahan dan veteran ATM yang didakwanya terhimpit dengan tekanan hidup.

"Ia menjadi lebih pedih apabila kita menziarahi rumah-rumah veteran dan keluarga anggota tentera yang hidup dalam keadaan sangat terhimpit dan bergelut dengan tekanan hidup.

"Mereka berdepan pelbagai cabaran tugas, keluar bertugas, pulang seketika untuk makan dan melihat anak-anak, kemudian keluar bertugas semula," katanya.

Menurutnya, keadaan itu amat bertentangan dengan apa yang didakwanya berlaku di peringkat atasan apabila terdapat pihak tertentu yang hidup mewah dan menyalahgunakan kedudukan.

"Dalam masa yang sama, ada pihak di atas yang sedang berseronok menyakau, menjual kedudukan dan menggunakan pelbagai cara demi kepentingan peribadi," katanya.

Beliau menegaskan akan terus bersuara dan mendedahkan sebarang salah laku yang dipercayai berlaku demi menjaga kebajikan anggota ATM serta memelihara maruah institusi pertahanan negara.

SINAR HARIAN
07.01.2026 (RABU)

Lejar transaksi RM1.1 juta didakwa kait ketua bahagian parti didedah

KUALA LUMPUR - Ketua Penerangan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Bahagian Hulu Langat, Mohamad Shafiq Abdul Halim mendedahkan satu dokumen lejar didakwa mengandungi rekod transaksi kewangan melibatkan penerimaan wang tunai dan aset mewah berjumlah RM1.1 juta oleh seorang ketua bahagian parti.

Mohamad Shafiq berkata, susulan itu beliau akan membuat laporan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan berhubung kesahihan dokumen berkenaan dan meneliti sama ada wujud unsur rasuah atau pecah amanah.

"Dokumen itu dipercayai daripada sebuah syarikat yang terlibat dengan Program Jana Wibawa yang ketika ini sedang dibicarakan di mahkamah berhubung kes satu projek bernilai RM232 juta," katanya dalam satu sidang akhbar di sebuah restoran pada Selasa.

Mohamad Shafiq yang juga bekas Ketua Biro Penyelidikan dan Analisis Data Penerangan Bersatu Selangor berkata, antara yang direkodkan dalam lejar itu didakwa melibatkan pemberian wang tunai berjumlah RM774,500, dua unit telefon bimbit, dua buah komputer riba, sebuah kenderaan jenama tempatan dan sebuah lagi kereta mewah yang keseluruhannya bernilai kira-kira RM1.1 juta.



Shafiq (kanan) dan Chegubard menunjukkan dokumen lejar didakwa mengandungi rekod transaksi kewangan melibatkan penerimaan wang tunai dan aset mewah berjumlah RM1.1 juta oleh seorang ketua bahagian parti.

Beliau berkata, dokumen berkenan turut didakwa mengandungi butiran seperti nombor cek dan nama individu lain yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes yang sedang dibicarakan di mahkamah ketika ini.

Sehubungan itu, Mohamad Shafiq berkata, dokumen berkenaan akan diserahkan kepada pihak berkuasa dibuat bagi membolehkan siasatan bebas dan menyeluruh dijalankan, tanpa sebarang niat untuk menuduh mana-mana pihak.

"Saya juga ingin memaklumkan salinan dokumen lejar dan bahan sokongan lain telah diserahkan kepada pihak berkuasa sebagai bukti awal.

"Saksi yang menyerahkan dokumen ini juga turut menawarkan diri bagi membantu siasatan pihak PDRM dan SPRM," ujarnya.

HARIAN METRO
08.01.2026 (KHAMIS)

Oleh Zanariah Abd Mutalib
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

ABU Sahid (duduk) mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan melakukan pecah amanah pada 8 September lalu.

KES RASUAH MEX II

SPRM jejak aset Abu Sahid di luar negara

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengesan aset Pengarah Maju Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Abu Sahid Mohamed di luar negara dianggarkan bernilai jutaan ringgit dalam siasatan kes pecah amanah dan pengubahan wang haram berkaitan cadangan projek pembinaan Lebuh Raya Putrajaya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) (MEX II).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki memaklumkan pihaknya sedang bekerjasama dengan agensi luar negara, terutama dari United Kingdom (UK) untuk mendapatkan kembali aset berkenaan, yang dijangka membabitkan jumlah lebih besar.

"Banyak proses yang perlu kita patuhi di bawah bantuan perundangan bersama antara negara, yang mana ini membabitkan pihak Jabatan Peguam Negara (AGC).

"Pihak kami sudah menyediakan draf kepada AGC bagi memohon maklumat daripada pihak luar negara, terutama sekali daripada The International Anti-Corruption Coordination Centre (IACCC) dari UK," katanya kepada pemberita selepas membuat lawatan ke Media Prima Berhad (MPB) di sini, semalam.

Ketibaan beliau disambut Pengerusi Kumpulan MPB, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid; Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Rafiq Razali; Pengarang Urusan Kumpulan, Berita dan Hal Ehwal Semasa, Jasbant Singh dan Pengarang Kumpulan BH, Zulkifli Jalil.

Pada 8 September lalu, Abu Sahid mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas empat pertuduhan melakukan pecah amanah, membabitkan wang berjumlah RM313 juta dan 13 pertuduhan pengubahan wang haram sebanyak RM139 juta.

Semua pertuduhan terbabit adalah berkaitan cadangan projek pembinaan KLIA MEX II, bermula dari persimpangan Putrajaya dan berakhir di KLIA, bagi pihak Maju Holdings.

> "Banyak proses dipatuhi di bawah bantuan perundangan bersama antara negara
> Azam

Sementara itu, Azam berkata, SPRM sudah mengambil keterangan Timbalan Ketua Bahagian BERSATU Segambut, Adam Radlan Adam Muhammad pada Disember lalu bagi membantu siasatan kes.

Katanya, Adam Radlan diminta membantu menerangkan mengenai jumlah wang yang dikeluarkan tertuduh, sama ada untuk beliau atau pihak lain.

"Adam Radlan ialah saksi, jadi beliau bebas keluar masuk dalam negara dan siasatan membabitkan MEX II ini masih diteruskan.

"Ia bukan membabitkan beliau seorang saja tetapi beberapa saksi lain, lebih kurang 29 atau 30 orang, yang mana ada wang diberikan pihak tertuduh sebelum ini dan ini menjadi satu perkara subjek yang kita nak tahu berapa banyak wang sebenarnya sudah dikeluarkan," katanya.

SINAR HARIAN
08.01.2026 (KHAMIS)

Sinar Harian
8/1/26
Khamis

SPRM jejaki aset Abu Sahid di luar negara

Siasatan berkaitan skandal projek Lebuhraya MEX II

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

KUALA LUMPUR - Aset Pengarah Maju Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Abu Sahid Mohamed yang dianggarkan bernilai jutaan ringgit di luar negara sedang dikesan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tindakan itu dilaporkan sebagai sebahagian siasatan kes pecah amanah dan pengubahan wang haram berkaitan cadangan projek pembinaan Lebuh Raya Putrajaya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) (MEX II).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, terdapat beberapa proses yang perlu dipatuhi di bawah bantuan perundangan bersama antara negara membabitkan Jabatan Peguam Negara.

"SPRM sedang bekerjasama dengan agensi luar negara terutama dari United Kingdom (UK) bagi mendapatkan kembali aset berkenaan yang dijangka membabitkan jumlah lebih besar.

"SPRM juga telah menyediakan draf kepada Jabatan Peguam Negara untuk memohon maklumat daripada pihak luar negara termasuk daripada The International Anti-Corruption Coordination Centre (IACCC) dari UK," katanya menerusi laporan sebuah media tempatan pada Rabu.

Pada 8 September lalu, Abu Sahid mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas empat pertuduhan pecah amanah lebih RM313 juta dan 13 pertuduhan ubah wang haram RM139.2 juta, berkaitan projek Lebuhraya MEX II.

SPRM turut menyita pelbagai aset bernilai kira-kira RM32 juta milik individu berkenaan termasuk beg tangan berjenama, barang kemas, kenderaan mewah, jam tangan dan wang tunai.

Sementara itu, SPRM memaklumkan, Timbalan Ketua Bahagian Bersatu Segambut, Adam Radlan Adam Muhammad telah dirakam keterangan Disember lalu bagi membantu siasatan kes sama.

ABU SAHID ADAM RADLAN

Katanya, Adam Radlan dipanggil bagi memberi penjelasan berhubung jumlah wang yang didakwa dikeluarkan tertuduh.

"Ia termasuk sama ada wang berkenaan digunakan untuk dirinya atau disalurkan kepada pihak lain.

"Adam Radlan ialah saksi, jadi beliau bebas keluar masuk dalam negara dan siasatan membabitkan MEX II ini masih diteruskan," katanya.

Azam menjelaskan, siasatan itu tidak hanya melibatkan seorang individu sebaliknya turut membabitkan beberapa saksi lain lebih kurang 29 atau 30 orang.

SINAR HARIAN
08.01.2026 (KHAMIS)

Agong zahir nasihat tegas kepada Panglima Tentera Darat baharu

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menzahirkan nasihat tegas kepada Panglima Tentera Darat (PTD) baharu, Jeneral Datuk Azhan Md Othman, supaya memastikan seluruh warga Tentera Darat Malaysia (TDM) berpegang teguh kepada nilai integriti dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab.

Menerusi hantaran di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, Seri Paduka Baginda menegaskan bahawa rasuah merupakan musuh utama kepada kekuatan dan kredibiliti angkatan pertahanan negara, dan sebarang bentuk salah guna kuasa atau penyelewengan tidak boleh diterima sama sekali.

Seri Paduka Baginda, selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia, turut mengingatkan bahawa kepemimpinan yang berintegriti bermula dari peringkat tertinggi, dan PTD hendaklah menjadi contoh teladan dalam membudayakan tadbir urus yang bersih, telus serta bertanggungjawab.

Menurut hantaran berkenaan, Seri Paduka Baginda menzahirkan harapan agar TDM terus dihormati dan diyakini rakyat sebagai angkatan yang profesional serta bebas amalan rasuah demi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara.

"Sebelum ini, sudah beberapa kali saya menegaskan mengenai 'orang tengah' atau ejen di Kementerian Pertahanan...sepatutnya mereka semua ini tidak boleh dibenarkan masuk," titah Sultan Ibrahim.

Terdahulu, Seri Paduka Baginda turut berkenan menerima menghadap PTD yang baharu di Istana Bukit Tunku di sini pada Rabu.

Azhan secara rasmi dilantik sebagai PTD ke-31 berkuat kuasa 1 Januari lepas.

Pelantikan itu adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera ke-631 yang bersidang pada 19 November 2025 dan diperkenankan Sultan Ibrahim pada 1 Disember 2025.

Beberapa keping foto pertemuan Sultan Ibrahim dengan Azhan turut dimuat naik bersama hantaran berkenaan. - *Bernama*

FOTO: FACEBOOK SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR

Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Azhan di Istana Bukit Tunku pada Rabu.

SINAR HARIAN
08.01.2026 (KHAMIS)

SPRM kesan wang tunai RM2.4 juta cuba dilarikan

Dipercayai mempunyai kaitan dengan siasatan kes tender perolehan Tentera Darat

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

KUALA LUMPUR - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki mendedahkan terdapat cubaan memindahkan wang tunai berjumlah kira-kira RM2.4 juta dipercayai mempunyai kaitan dengan siasatan kes tender perolehan Tentera Darat.

Beliau berkata, wang tunai berkenaan dikesan hasil maklumat risikan terbaharu yang diterima SPRM.

Menurutnya, wang tersebut ditemui ketika seorang suspek awam dipercayai cuba melarikan wang berkenaan dari sebuah rumah ke kediaman lain.

"Saya dimaklumkan mengenai wang yang dirampas, lebih kurang RM2.4 juta dalam bentuk tunai.

"Ini adalah antara wang salah seorang subjek yang terbabit dalam kes ini yang cuba dilarikan dari satu rumah ke rumah lain," katanya menerusi satu laporan media tempatan pada Rabu.

AZAM

Sinar Harian pada Selasa melaporkan seramai 17 pengarah syarikat direman selama lima hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan rangkaian kartel tender perolehan Tentera Darat.

Menurut SPRM, kesemua suspek terdiri daripada sembilan lelaki dan lapan wanita berusia lingkungan 20 hingga 60-an ditahan antara jam 8.30 hingga 11.30 malam Isnin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Putrajaya.

SPRM memaklumkan siasatan awal mendapati kesemua pengarah syarikat terbabit disyaki membayar wang rasuah kepada pegawai kanan Tentera Darat Malaysia (TDM) sebagai balasan mendapatkan projek pembekalan dan penyelenggaraan melibatkan TDM.

SPRM sebelum ini telah memulakan siasatan terhadap beberapa projek melibatkan TDM sejak 2023.

Sumber itu memaklumkan fokus siasatan tertumpu kepada projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab Tentera Darat.

Sementara itu, Azam memaklumkan, pegawai kanan tentera yang sedang disiasat SPRM sebelum dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) sejak 28 Disember lalu difahamkan telah keluar hospital pada Selasa.

SINAR HARIAN
08.01.2026 (KHAMIS)

Bekas Panglima Tentera Darat hadir ke ibu pejabat SPRM

FOTO: BERNAMA

Kenderaan yang dinaiki bekas Muhammad Hafizuddeain tiba di Ibu Pejabat SPRM pada jam 3.10 petang Rabu. Beliau dipercayai hadir bagi membantu siasatan kes tender perolehan TDM.

PUTRAJAYA – Bekas Panglima Tentera Darat Malaysia (TDM), Jeneral Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan hadir di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) petang Rabu, dipercayai bagi memberi keterangan berhubung siasatan kes rasuah tender perolehan TDM.

Beliau dilihat tiba pada jam 3.10 petang dengan diiringi beberapa individu ketika memasuki bangunan ibu pejabat SPRM, lapor *Bernama*.

Sebelum ini, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, Muhammad Hafizuddeain telah diarah bercuti sehingga pihak berkuasa selesai menjalankan siasatan berhubung dakwaan membabitkan beliau.

Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia Leftenan Jeneral Datuk Azhan Md Othman kemudian dilantik Panglima Tentera Darat ke-31, berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Pada 23 Disember lepas, pegawai SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan dan tumpuan terarah kepada projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab Tentera Darat.

Pada Selasa, SPRM menahan reman 17 pengarah syarikat yang disyaki terlibat dalam rangkaian kartel tender perolehan Tentera Darat.

HARIAN METRO
08.01.2026 (KHAMIS)

Pastikan TDM pegang teguh nilai integriti

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim menzahirkan nasihat tegas kepada Panglima Tentera Darat (PTD) baharu, Jeneral Datuk Azhan Md Othman, supaya memastikan seluruh warga Tentera Darat Malaysia (TDM) berpegang teguh kepada nilai integriti dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab.

Menerusi hantaran di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, Seri Paduka Baginda menegaskan bahawa rasuah adalah musuh utama kepada kekuatan dan kredibiliti angkatan pertahanan negara dan sebarang bentuk salah guna kuasa atau penyelewengan tidak boleh diterima sama sekali.

Seri Paduka Baginda, selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia turut mengingatkan bahawa kepemimpinan yang berintegriti bermula dari peringkat tertinggi, dan PTD hendaklah menjadi contoh teladan dalam membudayakan tadbir urus yang bersih, telus serta bertanggungjawab.

Menurut hantaran berkenaan, Seri Paduka Baginda menzahirkan harapan supaya TDM terus dihormati dan diyakini rakyat sebagai angkatan yang profesional serta bebas amalan rasuah demi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara.

"Sebelum ini, sudah beberapa kali saya menegaskan berkenaan 'orang tengah' atau ejen di Kementerian Pertahanan...sepatutnya mereka semua ini tidak boleh dibenarkan masuk," titah Sultan Ibrahim.

Terdahulu, Seri Paduka Baginda turut berkenan menerima menghadap PTD yang baharu di Istana Bukit Tunku semalam.

Azhan secara rasmi dilantik sebagai PTD ke-31 berkuat kuasa 1 Januari lalu.

HARIAN METRO
08.01.2026 (KHAMIS)

AZAM (kiri) bersama Syed Hussian Aljunid dianam di studio Buletin Utama ketika lawatan korpetal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Balai Berita Bangsar. Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi Media Prima Omnia, Datuk Mohd Efendi Omar (dua dari kanan) dan Pengarang Urusan Kumpulan, Berita dan Hal Ehwal Semasa Media Prima, Jasbant Singh (tiga dari kiri).

Suspek, isteri beri keterangan

Bekas pegawai kanan tentera darat hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya semalam

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mengambil keterangan bekas pegawai kanan tentera darat dan isteri bagi membantu siasatan perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM), semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, ia susulan individu itu dibenarkan keluar dari hospital selepas menerima rawatan akibat tekanan darah tinggi.

"Keterangan suspek sudah diraikamkan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya hari ini (semalam).

"SPRM juga akan membuat permohonan reman terhadap isteri suspek yang ditahan sebelum ini," katanya ketika ditemui selepas mengadakan kunjungan hormat ke Balai Berita Bangsar, semalam.

Ketibaan beliau disambut Pengerusi Kumpulan MPB Datuk Seri Syed Hussian Aljunid, Pengarah Urusan Kumpulan MPB Datuk Rafiq Razali, Ketua Pegawai Operasi (Direct Solutions), Media Prima Omnia Datuk Mohd Efendi Omar serta Pengarang Urusan Kumpulan, Berita dan Hal Ehwal Semasa Media Prima Jasbant Singh.

Kelmarin, SPRM menahan reman 17 pengarah syarikat kerana disyaki terlibat dalam rangkaian kartel tender projek perolehan.

Azam berkata, buat masa ini, beliau tidak boleh membuat sebarang spekulasi, sama ada suspek akan ditangkap atau sebaliknya.

"Kita sudah maklumkan kepada pegawai beliau, beliau perlu hadir kerana sebelum ini, dikatakan beliau tidak begitu sihat dan dimasukkan ke hospital.

"Jadi, saya dapat maklumat bahawa beliau sudah kembali sihat dan perlu datang ke pejabat," katanya.

Sementara itu, Azam berkata, salah seorang isteri suspek yang sudah ditahan SPRM, terpaksa dibawa semula ke hospital kerana mengalami tekanan darah tinggi.

"Beliau dikatakan kurang sihat. Walau apa pun, tugas kami adalah membawa beliau ke hospital dan kita tunggu laporan doktor.

"Bagaimanapun, penahanan tetap dibuat namun jika ada keperluan untuk meremand beliau di hospital, kita akan lakukan proses seperti mana yang yang dikehendaki undang-undang," katanya.

Sebelum ini, SPRM mengenal pasti beberapa individu yang disyaki terlibat kes rasuah membabitkan tender perolehan TDM.

SPRM berkata, individu terlibat disyaki mempunyai kaitan dengan kes berkenaan selain seorang pegawai kanan TDM yang juga suspek utama.

"Selain suspek utama, SPRM mengenal pasti beberapa individu lain yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes ini, dan tindakan lanjut akan diambil berdasarkan hasil siasatan dan bukti yang diperoleh.

"Dalam pada itu, SPRM mengesahkan tindakan pengesanan dan sekatan aset sedang dijalankan.

"Namun, jumlah nilai aset atau akaun bank tidak didedahkan buat masa ini memandangkan proses siasatan masih berjalan dan tidak semua aset dibekukan sepenuhnya," katanya.

TENDER PEROLEHAN TDM

Ada cubaan pindah RM2.4 juta

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan cubaan memindahkan wang tunai berjumlah kira-kira RM2.4 juta yang dipercayai mempunyai kaitan dengan siasatan kes tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mendedahkan wang tunai berkenaan ditemui hasil maklumat risikan terbaharu yang diterima pihaknya kelmarin.

Menurutnya, wang itu dijumpai ketika seorang suspek awam cuba melarikan wang berkenaan dari sebuah rumah ke kediaman lain.

"Pagi tadi (semalam) saya dimaklumkan mengenai wang yang dirampas, lebih kurang RM2.4 juta dalam bentuk tunai.

"Ini adalah antara wang salah seorang subjek yang terlibat dalam kes ini yang cuba dilarikan dari satu rumah ke rumah lain," katanya ketika ditemui semalam.

Terdahulu Azam mengadakan kunjungan hormat ke Balai Berita Bangsar.

Ketibaan beliau disambut Pengerusi Kumpulan MPB Datuk Seri Syed Hussian Aljunid, Pengarah Urusan Kumpulan MPB Datuk Rafiq Razali, Ketua Pegawai Operasi (Direct Solutions), Media Prima Omnia Datuk Mohd Efendi Omar serta Pengarang Urusan Kumpulan, Berita dan Hal Ehwal Semasa Media Prima Jasbant Singh.

Beliau turut dibawa melawat Media Prima Audio yang menempatkan stesen radio MPB serta studio penyiaran TV3.

Kelmarin, SPRM menahan reman 17 pengarah syarikat kerana disyaki terlibat dalam rangkaian kartel tender projek perolehan itu.

Tiba naik kereta mewah jam 3.10 petang

Bekas pegawai kanan tentera darat tiba di Ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada jam 3.10 petang semalam, dipercayai membantu siasatan kes tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Beliau hadir dengan menaiki sebuah kereta mewah berwarna putih, berpakaian kemeja putih dan seluar hitam.

Pegawai kanan itu kelihatan diiringi beberapa individu kemudian memasuki bangunan Ibu pejabat SPRM.

Turut dilihat mengiringi kereta mewah berkenaan beberapa kereta yang dipercayai dinaiki pegawai SPRM.

Media sebelum ini melaporkan pegawai kanan tentera yang sedang disiasat SPRM berkatan aset nilai besar dalam akaun bank milikinya akan memberi keterangan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, suspek yang dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) di sebuah hospital sejak 28 Disember lalu, sudah dibenarkan keluar kelmarin.

BERITA HARIAN
08.01.2026 (KHAMIS)

Kes seleweng dana cadangan pembinaan MEX II

SPRM kesan aset milik Abu Sahid dianggar RM224.3j di luar negara

Suruhanjaya jalin kerjasama dengan agensi asing dapatkan kembali aset

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Azam bersama Syed Hussian ketika melawat MPB, Balai Berita, semalam. Yang turut hadir, Rafiq, Jasbant dan Zulkifli. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengesan aset Pengarah Maju Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Abu Sahid Mohamed, di luar negara yang dianggarkan bernilai RM224.3 juta yang terbabit dalam siasatan kes pecah amanah dan pengubahan wang haram berkaitan cadangan projek pembinaan Lebuh Raya Putrajaya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) (MEX II).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata aset berkenaan dikenal pasti berada tiga negara, dengan sebahagian besar di United Kingdom (UK) bernilai kira-kira RM145 juta, selain Switzerland dan Singapura, yang diperoleh tertuduh di antara 2017 hingga 2024.

Azam berkata, pihaknya sedang bekerjasama dengan agensi luar negara, terutama dari UK untuk mendapatkan kembali aset itu.

"Banyak proses yang perlu SPRM patuhi di bawah bantuan perundangan bersama di antara negara, yang mana ini membabitkan pihak Jabatan Peguam Negara (AGC).

"Kami sudah menyediakan draf kepada AGC bagi memohon maklumat daripada pihak luar negara, terutama sekali daripada The International Anti-Corruption Coordination Centre (IACCC) dari UK," katanya kepada pemberita selepas membuat lawatan ke Media Prima Berhad (MPB) di sini, semalam.

Terdahulu, ketibaan beliau disambut Pengerusi Kumpulan MPB, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid; Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Rafiq Razali; Pengarang Urusan Kumpulan, Berita dan Hal Ehwal Semasa, Jasbant Singh dan Pengarang Kumpulan BH, Zulkifli Jalil.

Pada 8 September lalu, Abu Sahid mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas empat pertuduhan melakukan pecah amanah, membabitkan wang berjumlah RM313 juta dan 13 pertuduhan pengubahan wang haram sebanyak RM139 juta.

Semua pertuduhan terbabit adalah berkaitan cadangan projek pembinaan KLIA MEX II, bermula dari persimpangan Putrajaya dan berakhir di KLIA, bagi pihak Maju Holdings.

Adam Radlan saksi

Sementara itu, Azam memaklumkan, SPRM sudah mengambil keterangan Timbalan Ketua Bahagian BERSATU Segambut, Adam Radlan Adam Muhammad, pada Disember lalu bagi membantu siasatan kes.

Katanya, Adam Radlan diminta membantu menerangkan mengenai jumlah wang yang dikeluarkan tertuduh, sama ada untuk beliau atau pihak lain.

"Adam Radlan ialah saksi, jadi beliau bebas keluar masuk dalam negara dan siasatan membabitkan MEX II masih diteruskan.

"Ia bukan membabitkan beliau seorang sahaja, tetapi beberapa saksi lain, lebih kurang 29 atau 30 orang, yang mana ada wang diberikan pihak tertuduh sebelum ini dan ini menjadi satu perkara subjek yang kita nak tahu berapa banyak wang sebenarnya sudah dikeluarkan," katanya.

BERITA HARIAN
08.01.2026 (KHAMIS)

Kes rasuah tender perolehan TDM

Bekas panglima, dua isteri ditahan SPRM

Kuala Lumpur: Seorang bekas panglima bersama dua isterinya, ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan lanjut kes rasuah perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM) malam tadi.

Bekas pegawai kanan itu ditahan kira-kira jam 7 malam, selepas hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM di Putrajaya bagi membantu siasatan yang dijalankan mulai jam 3.10 petang semalam.

Susulan tangkapan terbabit, pasangan itu dijangka dihadapkan ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk tahanan reman pagi ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, ketika mengesahkan tindakan itu, berkata sehingga jam 7 malam tadi, SPRM menahan pegawai kanan itu bersama dua wanita yang juga isteri-isterinya.

Beliau berkata, kelmarin pihaknya menahan seorang lagi lelaki bersama isteri yang disyaki bersubahat untuk melarikan wang tunai berjumlah RM2.4 juta secara memindahnya daripada sebuah kediaman ke kediaman lain bagi mengelak tindakan SPRM.

"Semalam (kelmarin) pegawai kita (SPRM) dapat maklumat dan pagi tadi (semalam) saya dimaklumkan bahawa kita menjumpai lebih kurang RM2.4 juta wang tunai yang cuba dilarikan seorang subjek yang dikenal pasti sebagai orang awam yang ada kaitan dalam kes ini.

"Ini antara wang seorang subjek yang terbabit dalam kes ini yang cuba dilarikan dari satu kediaman ke kediaman lain. Kita syak wang ini adalah antara yang menjadi subjek dalam siasatan SPRM," katanya.

Kelmarin, seramai 17 daripada 26 pengarah syarikat disyaki terbabit dalam rangkaian kartel tender perolehan TDM direman oleh SPRM selama lima hari sehingga Sabtu ini.

Difahamkan, semua suspek yang terdiri daripada sembilan lelaki dan lapan wanita berusia lingkungan 20 hingga 60-an itu ditahan malam Isnin lalu ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM.

BH juga dimaklumkan, siasatan awal mendapati semua suspek disyaki membayar wang rasuah kepada pegawai kanan TDM sebagai balasan untuk mendapatkan projek pembekalan dan penyelenggaraan dengan agensi itu.

Azam berkata, seorang bekas pegawai kanan TDM yang dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) sebuah hospital sejak 28 Disember lalu, sudah dibenarkan keluar kelmarin dan diarah tampil memberi keterangan kepada SPRM semalam.

Sebelum ini, SPRM memaklumkan, bekas pegawai kanan itu dikehendaki memberi keterangan di ibu pejabat SPRM, Putrajaya pada 28 Disember lalu, namun tidak dapat berbuat demikian kerana dimasukkan ke hospital.

Siasatan SPRM memberi tumpuan kepada aliran wang yang disyaki masuk ke dalam akaun pegawai terbabit, yang kini di siasat sebagai suspek dalam kes rasuah membabitkan projek perolehan TDM.

Pada 29 Disember lalu, Azam memaklumkan, SPRM menyita enam akaun bank milik bekas pegawai berkenaan dan ahli keluarganya bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Sementara itu, Azam memaklumkan, isteri seorang suspek turut ditahan SPRM, tetapi terpaksa dirujuk ke hospital selepas mengalami tekanan darah tinggi.

BERITA HARIAN
08.01.2026 (KHAMIS)

Seri Paduka ingatkan Panglima Tentera Darat patut jadi contoh

Sultan Ibrahim zahir harapan agar TDM terus dihormati dan diyakini rakyat

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menzahirkan nasihat tegas kepada kepemimpinan Tentera Darat Malaysia (TDM) bahawa integriti mesti bermula dari peringkat tertinggi dengan Panglima Tentera Darat (PTD) perlu menjadi contoh teladan dalam membudayakan tadbir urus yang bersih, telus serta bertanggungjawab.

Seri Paduka menzahirkan harapan agar TDM terus dihormati dan diyakini rakyat sebagai angkatan yang profesional serta bebas amalan rasuah demi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara.

"Sebelum ini, sudah beberapa kali saya menegaskan mengenai 'orang tengah' atau ejen di Kementerian Pertahanan sepatutnya mereka semua ini tidak boleh dibenarkan masuk.

"Rasuah adalah musuh utama kepada kekuatan dan kredibiliti angkatan pertahanan negara dan sebarang bentuk salah guna kuasa atau penyelewengan tidak boleh diterima sama sekali," titah baginda.

Rasuah musuh utama

Terdahulu, Seri Paduka berkenan menerima menghadap PTD yang baharu dilantik, Jeneral Datuk Azhan Md Othman di Istana Bukit Tunku, di sini semalam.

Dalam pertemuan itu, baginda selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), mengingatkan Azhan supaya memastikan seluruh warga TDM berpegang teguh kepada nilai integriti dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab.

Berkongsi pertemuan itu di Facebook, Sultan Ibrahim mengingatkan bahawa rasuah adalah musuh utama kepada kekuatan dan kredibiliti angkatan pertahanan negara ini dan sebarang bentuk salah guna kuasa atau penyelewengan tidak boleh diterima sama sekali.

Azhan secara rasmi dilantik sebagai PTD ke-31 berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Pelantikan beliau selaras keputusan Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera ke-631 yang bersidang pada 19 November 2025 dan diperkenankan Sultan Ibrahim pada 1 Disember 2025.

Sultan Ibrahim menerima menghadap Azhan di Istana Bukit Tunku, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar)

BERITA HARIAN
08.01.2026 (KHAMIS)

TUDM tak kompromi isu disiplin, integriti

Kuala Lumpur: Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menegaskan tidak akan berkompromi terhadap sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin, termasuk dakwaan kemasukan individu tidak berkaitan serta aktiviti tidak bermoral di kem tentera baru-baru ini.

Panglima Tentera Udara, Datuk Seri Muhamad Norazlan Aris, berkata siasatan menyeluruh sedang dijalankan dan tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang didapati bertanggungjawab, termasuk pemberhentian daripada perkhidmatan sekiranya bersalah.

Muhamad Norazlan Aris

"Saya selaku Panglima Tentera Udara berasa kesal dan menegaskan bahawa TUDM tidak akan berkompromi dengan sebarang salah laku dan pelanggaran disiplin.

"Tindakan tegas akan diambil selaras dengan peraturan dan perkhidmatan demi memelihara imej, maruah serta profesionalisme TUDM," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau menekankan sebarang aktiviti tidak bermoral di dalam pangkalan tentera adalah dilarang sama sekali kerana ia mencemarkan imej dan maruah TUDM.

Katanya, setiap isu berkaitan disiplin dan integriti pegawai serta anggota akan dipandang serius.

Pada Isnin lalu, Kementerian Pertahanan (MINDEF) mengarahkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjalankan siasatan dalaman berhubung dakwaan kemasukan individu luar serta wujudnya aktiviti tidak bermoral di kem tentera, yang tular di media sosial sejak Ahad lalu.

Sejak itu, beberapa dakwaan mengenai aktiviti tidak bermoral membabitkan individu luar dan pegawai tentera menjadi tular di media sosial.

BERNAMA

Kartel perolehan, salah laku pegawai atasan beri kesan domino kepada ATM

Kuala Lumpur: Pembabitan pegawai atasan yang tidak berdisiplin atau terbabit dalam salah laku dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) boleh mencetuskan kesan domino yang serius terhadap institusi pertahanan negara.

Pakar Geostrategi, Prof Dr Azmi Hassan, berkata jika perkara itu berlaku secara sistematik, ia bukan sahaja menjejaskan integriti individu, malah berpotensi menggugat kesiapsiagaan dan keselamatan negara.

"Sekiranya ia berlaku secara sistematik, kesiapsiagaan keselamatan negara boleh terjejas. Seperti isu kartel dalam kontrak ATM, ia bukan sekadar membabitkan salah laku individu, tetapi mungkin membabitkan pegawai di peringkat atasan.

"Walaupun belum dibuktikan sepenuhnya, kemungkinan itu wujud. Justeru, amat penting untuk angkatan tentera mempunyai pegawai yang berdisiplin, khususnya dalam aspek perolehan peralatan pertahanan," katanya kepada *BH*.

Mengulas lanjut, Azmi berkata, kontrak dan tender terdahulu perlu dinilai semula bagi memastikan ia dianugerahkan berdasarkan keupayaan sebenar syarikat, bukannya dipengaruhi unsur rasuah.

"Jika kartel memberi rasuah kepada pegawai yang bertanggungjawab, tender aset pertahanan mungkin diberikan bukan atas keupayaan, sebaliknya kerana sogokan. Keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan pertahanan negara," katanya.

Pada masa sama, beliau menyifatkan pelantikan muka baharu dalam kepemimpinan tertinggi ATM, termasuk Panglima Tentera Darat (PTD), sebagai langkah penting untuk menggantikan kepimpinan lama.

Bagaimanapun, Azmi menegaskan struktur hierarki dalam ATM tidak membenarkan kenaikan pangkat secara tergesa-gesa kerana masih terdapat ramai pegawai lain pada peringkat lebih tinggi.

"Pelantikan muka baharu seperti yang dilaksanakan ketika ini wajar diteruskan, namun perlu mematuhi hierarki. Terlalu banyak 'lompat bendul' boleh mencetuskan masalah disiplin pada masa hadapan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, isu berkenaan turut memberi kesan besar terhadap persepsi dan keyakinan masyarakat terhadap ATM.

"Apabila masyarakat mula meragui profesionalisme dan keupayaan teknikal ATM, ia bukan sekadar isu imej, tetapi turut membabitkan keyakinan terhadap doktrin pertahanan serta keselamatan negara," katanya.

> "Sekiranya ia berlaku secara sistematik, kesiapsiagaan keselamatan negara boleh terjejas. Seperti isu kartel dalam kontrak ATM, ia bukan sekadar membabitkan salah laku individu, tetapi mungkin membabitkan pegawai di peringkat atasan"

Azmi Hassan, Pakar Geostrategi

SINAR HARIAN
09.01.2026 (JUMAAT)

Agong zahir nasihat penjawat awam kekal integriti, perkukuh tadbir urus

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim menzahirkan nasihat kepada seluruh penjawat awam supaya sentiasa mengekalkan integriti serta amanah dalam melaksanakan tanggungjawab demi kepentingan rakyat dan negara.

Menerusi perkongsian di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, Seri Paduka Baginda bertitah penjawat awam merupakan tunjang utama pentadbiran negara serta memainkan peranan penting dalam memastikan dasar dan perancangan kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Baginda turut menekankan kepentingan budaya kerja berteraskan nilai kejujuran, ketelusan dan kecekapan selain menolak sebarang bentuk salah guna kuasa, rasuah serta penyelewengan hingga boleh menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap institusi awam.

Titah nasihat itu dizahirkan ketika Seri Paduka Baginda berkenan menerima menghadap Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar di Istana Bukit Tunku di sini pada Khamis.

Pada pertemuan itu, Sultan Ibrahim turut berkenan dipersembahkan taklimat mengenai isu semasa perkhidmatan awam termasuk usaha memperkasa tatakelola dan pengukuhan tadbir urus.

Sementara itu, hantaran berasingan memaklumkan Seri Paduka Baginda turut berkenan menerima menghadap Pengarah Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia, Datuk Ibrahim Darus yang berlangsung di lokasi sama pada Khamis. - *Bernama*

FOTO: FB SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR

Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Shamsul Azri di Istana Bukit Tunku, Kuala Lumpur.

SINAR HARIAN
09.01.2026 (JUMAAT)

5 kes rasuah Shamsul Iskandar dibicara bersama

KUALA LUMPUR - Kes rasuah Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin di Mahkamah Sesyen Shah Alam akan dibicarakan bersama empat lagi pertuduhan rasuah melibatkan kelulusan lesen penerokaan mineral di Sabah yang dihadapinya di Mahkamah Sesyen di sini.

Hakim Suzana Hussin memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Farah Ezlin Yusop Khan untuk memindahkan kes berkenaan dan ia tidak dibantah peguam Datuk Amer Hamzah Arshad yang mewakili bekas Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri itu.

"Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk kes terbabit dibicarakan bersama dan menetapkan 11 Mac ini untuk sebutan kes bagi serahan dokumen," kata Suzana.

Terdahulu, Farah Ezlin memohon lanjutan masa untuk pihak pendakwaan menyerahkan dokumen berkaitan kes kepada mahkamah dan pihak pembelaan kerana pendakwaan perlu melihat dokumen mana yang akan digunakan untuk perbicaraan kelak.

Mahkamah menetapkan 11 Mac ini untuk sebutan semula kes Shamsul Iskandar.

Amer Hamzah berkata, pihaknya tidak membantah permohonan berkenaan, namun memohon agar dokumen yang sudah tersedia diserahkan terlebih dahulu kepada mereka.

"Selepas teliti dokumen, kami akan mempertimbangkan untuk kemuka representasi jika terdapat sebarang kelemahan atau isu berbangkit.

"Kami juga sedang mengkaji kemungkinan akan memfailkan permohonan untuk memindahkan kes itu ke Mahkamah Tinggi kerana terdapat isu undang-undang berkaitan pertuduhan yang akan dicabar," kata Amer Hamzah.

Di Mahkamah Sesyen berasingan, Hakim Rosli Ahmad membenarkan permohonan pihak pendakwaan supaya kes membabitkan Albert Tei di Mahkamah Sesyen Shah Alam dibicarakan bersama empat lagi pertuduhan rasuah yang dihadapinya di Mahkamah Sesyen di sini.

Rosli menetapkan 13 Mac ini sebagai tarikh sebutan semula kes untuk serahan dokumen. kumen. - *Bernama*

SINAR HARIAN
09.01.2026 (JUMAAT)

Bekas Panglima Tentera Darat, dua isteri direman

Bagi bantu siasatan kes rasuah tender perolehan TDM

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

Seorang bekas Panglima Tentera Darat dan dua isterinya tiba di Kompleks Mahkamah Majistret Putrajaya bagi prosiding reman untuk membantu siasatan kes rasuah tender perolehan TDM.

PUTRAJAYA - Seragam celoreng tentera yang suatu ketika dahulu melambangkan kuasa, disiplin dan kedaulatan negara seolah-olah bertukar wajah.

Bekas Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan, yang pernah berdiri di barisan tertinggi kepimpinan ketenteraan, melangkah masuk ke Mahkamah Majistret Putrajaya dengan baju lokap oren Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan tangan bergari.

Beliau direman selama tujuh hari bermula Khamis hingga Rabu depan bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Dua isterinya yang turut ditahan bersama masing-masing direman enam hari dan tiga hari.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Ezrene Zakariah selepas membenarkan permohonan SPRM.

Ketiga-tiga individu berusia 20-an hingga 50-an berkenaan dibawa ke Kompleks Mahkamah Majistret Putrajaya kira-kira jam 10 pagi selepas ditahan di ibu Pejabat SPRM kira-kira 7 malam, Rabu.

Mereka kelihatan memakai baju lokap SPRM berwarna oren dan digari ketika diiring masuk oleh pegawai penyiasat, sekali gus mencun tumpuan umum terhadap kes yang disifatkan antara siasatan paling serius membabitkan kepimpinan tertinggi Tentera Darat.

LAPORAN MUKA DEPAN

Peguam Nizamuddin Hamid yang mewakili Muhammad Hafizuddeain berkata, anak guamnya masih belum sihat sepenuhnya dan sedang dalam proses pemulihan.

"Pihak kami memberi ruang untuk pihak SPRM melakukan siasatan, dan kami juga memohon kepada mahkamah agar beliau mendapat akses kepada peguam semasa siasatan dijalankan," katanya kepada pemberita selepas prosiding reman selesai.

Difahamkan, permohonan reman itu bagi membolehkan SPRM meneliti dan merujuk sejumlah besar dokumen berkaitan tender perolehan Tentera Darat.

Ia juga bertujuan mengesan individu lain dipercayai terlibat serta menjejaki aset dan proksi disyaki digunakan, selain menghalang sebarang kemungkinan suspek menghubungi saksi atau mengganggu termasuk memusnahkan bahan bukti yang masih belum diperoleh sepenuhnya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi *Sinar Harian* mengesahkan penahanan reman tersebut dan meminta orang ramai memberi ruang kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh.

Bekas Panglima Tentera Darat itu sebelum ini dikehendaki hadir memberi keterangan pada 28 Disember lalu, namun tidak dapat berbuat demikian kerana dimasukkan ke hospital dan dilaporkan menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Siasatan kes ini memasuki fasa baharu pada 23 Disember lalu apabila pegawai SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan (Mindef) di Kuala Lumpur bagi menjalankan siasatan awal terhadap beberapa projek perolehan Tentera Darat sejak 2023.

Siasatan tertumpu kepada projek yang dilaksanakan melalui kaedah tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

Pada 29 Disember, SPRM menjalankan penggeledahan hampir tujuh jam di pejabat Tentera Darat di Mindef serta kediaman rasmi seorang pegawai kanan Tentera Darat.

Serbuan itu tidak menemukan wang tunai, namun membawa kepada sitaan beberapa barangan mewah bernilai tinggi termasuk jam tangan dan beg tangan yang dipercayai mempunyai kaitan dengan siasatan.

Enam akaun bank milik seorang pegawai kanan Tentera Darat dan ahli keluarganya turut disita bagi membantu siasatan.

Pada Rabu, Azam Baki memberitahu bahawa siasatan turut melibatkan satu tangkapan berasingan ke atas sepasang suami isteri yang disyaki bersubahat melarikan wang tunai berjumlah RM2.4 juta.

Beliau memaklumkan, penahanan itu adalah sebahagian daripada siasatan menyeluruh terhadap rangkaian kes rasuah perolehan TDM dan tidak tertumpu kepada satu individu semata-mata.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin sebelum ini mengesahkan Muhammad Hafizuddeain diarahkan bercuti serta-merta sehingga siasatan selesai.

INFO

REMAN BEKAS PANGLIMA TENTERA

SIAPA: Jeneral Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan

REMAN:
Hafizuddeain: 7 hari
Isteri 1: 6 hari
Isteri 2: 3 hari

TUJUAN: Bagi membantu siasatan kes rasuah tender perolehan Tentera Darat Malaysia

SEKILAS APA YANG DIDEDAH SPRM SEBELUM INI

- RM2.4 juta - wang disyaki dilarikan, melibatkan tangkapan berasingan sepasang suami isteri
- 6 akaun bank disita
- 26-40 syarikat disiasat
- 17 pengarah syarikat ditahan reman sebelum ini
- Siasatan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009

BERITA HARIAN
09.01.2026 (JUMAAT)

Kes rasuah tender perolehan TDM

SPRM kesan wujud aktiviti terima suapan secara terancang

Siasatan dakwaan rangkaian rasuah dalam tentera darat jadi tumpuan ketika ini

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Siasatan awal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kes rasuah perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM), mendapati wujud aktiviti penerimaan suapan secara terancang berlaku dalam kalangan pegawai tentera.

BH difahamkan, tumpuan SPRM ketika ini adalah menyiasat dakwaan rangkaian rasuah yang berlaku dalam pasukan berkenaan.

Sumber berkata, siasatan SPRM mengesan terdapat kemungkinan beberapa pegawai tentera lain turut memainkan peranan dalam kes rasuah itu.

"Permohonan reman tujuh hari membabitkan bekas panglima yang juga suspek utama kes itu adalah bertujuan untuk menyiasat dakwaan penerimaan wang rasuah yang dilakukan secara terancang.

"SPRM juga sedang mengesan pembabitan beberapa pegawai lain, sekali gus menunjukkan wujudnya rangkaian rasuah lebih luas dalam aktiviti perolehan agensi berkenaan," katanya kepada *BH*, semalam.

Terdahulu di Mahkamah Putrajaya pagi semalam, Majistret Ezrene Zakariah membenarkan SPRM menahan reman seorang bekas Panglima TDM bergelar Tan Sri, selama tujuh hari bermula semalam sehingga Rabu depan.

Sementara, dua isterinya yang turut ditahan SPRM, masing-masing dikenakan tahanan reman selama tiga dan enam hari bagi membantu siasatan kes sama.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman itu.

"Orang ramai diminta memberi ruang kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh serta tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menjejaskan proses siasatan," katanya.

EKSKLUSIF

Terdahulu, ketiga-tiga suspek itu dibawa ke Mahkamah Putrajaya pada jam 10.02 pagi untuk proses permohonan reman bagi membantu siasatan kes rasuah yang membabitkan seorang pegawai kanan ATM.

Sebelum itu, ketiga-tiga mereka dilihat memakai baju tahanan berwarna oren serta bergari, tiba di Kompleks Mahkamah Putrajaya pada jam 10.02 pagi tadi sebelum dibawa masuk ke pekarangan mahkamah.

Selain tiga individu itu, sepasang suami isteri yang juga pemilik sebuah syarikat turut direman selama tujuh hari.

Ia menjadikan seramai lima individu ditahan SPRM setakat ini, bagi membantu siasatan kes rasuah berkenaan.

Kesemua suspek berusia di antara 20 hingga 50-an ditahan kira-kira jam 3 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Putrajaya.

Tangkapan itu adalah susulan terhadap siasatan dijalankan SPRM terhadap dakwaan rasuah dalam tender perolehan TDM sejak beberapa minggu lalu.

Enam akaun bank dibeku

Susulan tangkapan itu juga, SPRM membekukan enam akaun bank dipercayai milik seorang bekas pegawai kanan TDM dan ahli keluarganya bagi membantu siasatan dakwaan rasuah membabitkan perolehan itu.

Azam ketika mengesahkan perkara itu, berkata satu kertas siasatan telah dibuka bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 berhubung kes berkenaan.

Pasukan penyiasat SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan (MINDEF) pada 23 Disember lalu, bagi menyiasat projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) TDM sejak 2023.

Susulan itu, pada 24 Disember SPRM memanggil tiga individu untuk dirakam keterangan berhubung kes tersebut.

Pada 6 Januari lalu, SPRM memperoleh perintah menahan reman 17 pengarah syarikat berusia 20 hingga 60an, selama lima hari sehingga Sabtu ini, kerana disyaki terlibat dalam rangkaian kartel tender perolehan TDM.

Tangkapan itu dibuat selepas SPRM menjalankan siasatan terhadap 26 syarikat yang terbabit dalam tender perolehan TDM di Lembah Klang, Perak dan Pulau Pinang.

Bekas Panglima Tentera Darat bersama dua isteri dibawa ke Mahkamah Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

BH difahamkan, siasatan awal mendapati kesemua suspek disyaki membayar wang rasuah kepada pegawai kanan TDM sebagai balasan mendapatkan projek pembekalan dan penyelenggaraan dengan agensi itu.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan, Datuk Zainul Darus, yang mengesahkan penahanan reman 17 pengarah syarikat berkenaan, berkata mereka disiasat mengikut Seksyen 16(b) Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO
09.01.2026 (JUMAAT)

Agong nasihat penjawat awam kekal integriti

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim menzahirkan nasihat kepada seluruh penjawat awam supaya sentiasa mengekalkan integriti serta amanah dalam melaksanakan tanggungjawab demi kepentingan rakyat dan negara.

Menerusi perkongsian di Facebook semalam, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, Seri Paduka Baginda bertitah penjawat awam adalah tunjang utama pentadbiran negara serta memainkan peranan penting dalam memastikan dasar dan perancangan kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Baginda turut menekankan kepentingan budaya kerja berteraskan nilai kejujuran, ketelusan dan kecekapan selain menolak sebarang bentuk salah guna kuasa, rasuah serta penyelewengan hingga boleh menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap institusi awam.

Titah nasihat itu dizahirkan ketika Seri Paduka Baginda berkenan menerima mengadap Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar di Istana Bukit Tunku, semalam.

Pada pertemuan itu, Sultan Ibrahim turut berkenan dipersembahkan taklimat mengenai isu semasa perkhidmatan awam termasuk usaha memperkasa tatakelola dan pengukuhan tadbir urus.

Sementara itu, hantaran berasingan memaklumkan Seri Paduka Baginda turut berkenan menerima mengadap Pengarah Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia Datuk Ibrahim Darus, yang berlangsung di lokasi sama semalam. - BERNAMA

HARIAN METRO
09.01.2026 (JUMAAT)

Bekas PTD, dua isteri kena reman

Bantu siasatan kes rasuah babit tender perolehan Tentera Darat Malaysia

Bernama

Putrajaya

Bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan direman tujuh hari manakala kedua-dua isterinya masing-masing direman enam dan tiga hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Perintah itu dikeluarkan oleh Majistret Ezrene Zakariah yang membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Terdahulu, ketiga-tiga individu dibawa ke Kompleks Mahkamah Majistret di sini jam 10 pagi selepas ditahan di Ibu Pejabat SPRM petang kelmarin.

Ketiga-tiga individu, yang memakai baju lokap SPRM berwarna oren dan bergari, kemudian dibawa memasuki kompleks mahkamah oleh pegawai SPRM.

Sementara itu, peguam Nizamuddin Hamid yang mewakili bekas PTD berkenaan berkata, anak guamnya belum sihat sepenuhnya dan dalam proses pemulihan.

"Pihak kami memberi ruang untuk pihak SPRM melakukan siasatan dan kami juga memohon kepada mahkamah agar beliau mendapat akses kepada peguam semasa siasatan dijalankan," katanya kepada pemberita selepas proses reman itu selesai.

Kelmarin, bekas PTD berkenaan bersama kedua-dua isterinya ditahan pada 7 malam selepas hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM di sini.

Pada 23 Disember lalu, pegawai SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan dan tumpuan terarah kepada projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab Tentera Darat.

Pada Selasa, SPRM menahan reman 17 pengarah syarikat yang disyaki terlibat dalam rangkaian kartel tender perolehan TDM.

MUHAMMAD Hafizuddeain bersama isteri-isteri tiba jam 10 pagi dengan diiringi pegawai SPRM untuk permohonan reman bagi membantu siasatan kes tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM). - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

HARIAN METRO
09.01.2026 (JUMAAT)

Konstabel nafi tipu wanita berkaitan saman

AWANG Azizan didakwa atas pertuduhan menipu seorang wanita berkaitan penyelesaian bayaran saman dua tahun lalu.

Butterworth: Seorang konstabel polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menipu seorang wanita berkaitan penyelesaian bayaran saman dua tahun lalu.

Tertuduh, Awang Azizan Awang Jana, 44, mohon kesnya dibicarakan ketika pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan, bapa tiga cahaya mata itu didakwa dengan curang menipu seorang wanita berusia 53 tahun bahawa tertuduh boleh menyelesaikan empat saman Polis Diraja Malaysia berjumlah RM850 milik adik lelaki mangsa dengan bayaran RM620.

Perbuatan itu mendorong mangsa membuat bayaran seperti yang dinyatakan ke dalam akaun bank tertuduh.

Kesalahan berkenaan didakwa dilakukan di sebuah bank di Nibong Tebal dalam daerah Seberang Perai Selatan pada 12 Jun 2024.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Noor Azura Zulkiflee dan Nurnajihatul Idayu Mohd Azuyar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Ketika prosiding, pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM4,000 serta meminta tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga perbicaraan kes selesai.

Bagaimanapun tertuduh dalam rayuannya meminta ikat jamin minimum dengan alasan perlu menyara isteri dan tiga anak termasuk seorang adik yang menghidap kanser.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin dan mengenakan syarat tambahan iaitu melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setiap bulan serta diminta menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga perbicaraan selesai.

Kes akan disebut semula pada **9 Februari depan**.

BERITA HARIAN
10.01.2026 (SABTU)

Kes rasuah tender perolehan TDM

Seorang lagi pegawai kanan ATM dalam 'radar' SPRM

Beberapa individu lain mungkin dipanggil untuk beri keterangan

Oleh Hah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang lagi pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berada dalam 'radar' siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipercayai berkait dengan penyelewengan perolehan dalam pasukan itu.

BH difahamkan, SPRM ketika ini sudah mula menjalankan siasatan terhadap individu terbabit dan individu itu yang berusia 50-an dijangka dipanggil untuk memberi keterangan dalam tempoh terdekat.

Sebelum ini, SPRM sudah menahan seorang pegawai kanan ATM berhubung siasatan perolehan dalam pasukan berkenaan.

Malah, *BH* difahamkan ada beberapa lagi individu lain dalam ATM yang mungkin dipanggil membantu siasatan pembabitan mereka dalam perolehan pasukan.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, ketika dihubungi *BH*, mengesahkan siasatan terhadap pegawai kanan yang lain dalam ATM.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut, namun berkata, siasatan adalah bertujuan memastikan keadilan ditegakkan di negara ini dan ruang rasuah perlu ditutup.

Keratan akhbar BH semalam

"Saya minta semua pihak memberi ruang kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh serta tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menjejaskan proses siasatan," katanya.

BH semalam mendedahkan, siasatan awal SPRM dalam kes rasuah membabitkan pegawai kanan Tentera Darat Malaysia (TDM) turut mendapati ada aktiviti penerimaan rasuah secara terancang berlaku dalam kalangan pegawai tentera.

Malah, difahamkan fokus SPRM ketika ini adalah untuk menyiasat dakwaan rangkaian rasuah yang berlaku itu dalam agensi berkenaan.

Rangkaian lain jika jual

Sumber berkata, siasatan SPRM mengesan ada kemungkinan beberapa pegawai tentera lain dipercayai turut memainkan peranan dalam kes berkenaan.

"Permohonan reman tujuh hari membabitkan pegawai kanan itu yang juga suspek utama kes adalah juga untuk menyiasat aspek penerimaan rasuah yang dilakukan secara terancang.

"SPRM juga sedang mengesan pembabitan beberapa pegawai lain, sekali gus menunjukkan adanya rangkaian rasuah lebih luas dalam perolehan agensi berkenaan," katanya kepada *BH*, semalam.

Di Mahkamah Putrajaya kelmarin, Majistret Ezrene Zakariah membenarkan SPRM menahan reman bekas Panglima TDM selama tujuh hari bermula kelmarin sehingga Rabu depan bagi membantu siasatan.

Isterinya yang turut ditahan SPRM pula direman selama enam hari bermula kelmarin hingga Selasa, manakala seorang lagi isterinya direman selama tiga hari sehingga Sabtu ini.

BH sebelum ini melaporkan terdapat beberapa individu lain dikenal pasti SPRM terbabit dalam rasuah yang dikaitkan dengan seorang pegawai kanan Tentera Darat.

Petunjuk terbaharu itu diketahui dalam siasatan agensi berkenaan terhadap beberapa projek tender perolehan TDM yang sedang giat dijalankan SPRM sejak beberapa minggu lalu.

SPRM juga menyita enam akaun bank dipercayai milik seorang pegawai kanan Tentera Darat dan ahli keluarganya bagi membantu siasatan dakwaan rasuah membabitkan perolehan projek TDM.

> Saya minta semua pihak memberi ruang kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh serta tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh jejaskan proses siasatan
>
> **Azam Baki,**
> *Ketua Pesuruhjaya SPRM*

EKSKLUSIF

BERITA HARIAN
10.01.2026 (SABTU)

3 jongkong emas RM1.8j antara aset kena sita

Kuala Lumpur: Tiga jongkong emas masing-masing seberat satu kilogram bernilai kira-kira RM1.8 juta antara aset disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam siasatan terhadap suspek projek tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Jongkong emas itu adalah antara sitaan bernilai kira-kira RM6.9 juta dalam siasatan yang bermula sejak hujung tahun lalu.

Selain emas, turut disita adalah kenderaan utiliti sukan berprestasi tinggi (SVR) dan wang tunai dalam pelbagai mata wang.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Zainul Darus, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu, namun enggan mengulas lanjut.

"Semua sitaan itu disiasat mengikut Seksyen 16(b) Akta SPRM 2009," katanya semalam.

Dalam perkembangan itu, sumber berkata, wang tunai yang disita itu meliputi dolar Amerika Syarikat (AS), euro, pound, yen (Jepun) dan riyal (Arab Saudi).

"Bagi sitaan kenderaan mewah pula, ia hasil pemeriksaan di sebuah bengkel sekitar Lembah Klang yang dipercayai ditinggalkan untuk tujuan pembaikan.

"Emas yang disita pula adalah tiga unit jongkong emas 999 yang setiap satunya seberat satu kilogram, di mana nilai semasanya adalah sekitar RM1.8 juta.

"Selain itu, turut disita adalah sembilan keping emas setiap satunya seberat 100 gram, yang nilai semasanya adalah lebih RM500,000 di samping SVR yang dianggarkan bernilai kira-kira RM360,000 dan dipercayai dibeli secara tunai," kata sumber.

HARIAN METRO
10.01.2026 (SABTU)

KES RASUAH KEMENTAH

LAGI PEGAWAI ATM DIDAKWA

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Muhaamad Hafis Nawawi dan Suharmin Yusuf
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Seorang lagi pegawai pengurusan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan bakal cituduh di mahkamah dalam masa terdekat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan membabitkan individu terbabit sudah sampai ke penghujung.

"Jika dipersetujui Peguam Negara, pegawai pengurusan tertinggi ATM terbabit akan dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan," katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan identiti atau jawatan disandang pegawai pengurusan tertinggi terbabit.

"Ini satu perkara yang tidak boleh dibiarkan (rasuah). Kalau saya tidak ambil tindakan akan timbul persepsi dan keduanya, saya akan berasa bersalah apabila tanggungjawab saya tidak tertunai. Seolah-olah kes besar lepas kes kecil tidak lepas... ini adalah ketidakadilan," katanya eksklusif kepada Harian Metro selepas menerima kunjungan rasmi di Ibu Pejabat SPRM, kelmarin.

Azam berkata, beliau tidak mahu bercakap banyak mengenai keadilan kerana nanti akan banyak yang berhujah.

"Tetapi pandangan saya keadilan ini bergantung pada situasi, dalam hal ini semakin besar pangkatnya jika dia melakukan kesalahan kena bawa ke mahkamah. Beliau (pegawai tertinggi) akan dituduh terus. Saya akan minta AG (Peguam Negara) cadangan untuk menuduh, setakat tangkap itu tangkaplah, tetapi lepas tangkap kita tidak mahu simpan lama sebaliknya akan terus dituduh," katanya.

Beliau berkata, individu terbabit disiasat berkaitan isu rasuah membabitkan Kementerian Pertahanan (KEMENTAH).

Ditanya mengenai jumlah wang rasuah terbabit, Azam berkata, jumlahnya masih belum boleh didedahkan namun yang penting pangkatnya.

"Dan kes yang disiasat juga berlainan dengan siasatan dijalankan ke atas bekas Panglima Tentera Darat (PTD)," katanya.

Kelmarin seorang bekas Panglima Tentera Darat (PTD) direman tujuh hari manakala kedua-dua isterinya masing-masing direman enam dan tiga hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Pada 23 Disember lalu, pegawai SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan dan tumpuan terarah kepada projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab Tentera Darat.

Pada Selasa lalu, SPRM menahan reman 17 pengarah syarikat yang disyaki terlibat dalam rangkaian kartel tender perolehan TDM.

SPRM jejak wang di sebalik lukisan 1MDB

Putrajaya: Usaha mengembalikan aset lukisan berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kini menjadi fokus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan tumpuan utama kepada wang hasil transaksi aset berkenaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, penyiasatan sudah dijalankan bersama pihak berkuasa di Amerika Syarikat (AS) termasuk Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) dan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ).

"Menerusi permohonan kami, membabitkan *Mutual Legal Assistance* (MLA), kita sebut dalam media adalah untuk membawa balik lukisan. Tetapi yang penting di sini ialah transaksi wang sudah berlaku. Kalau secara fizikal, ya, kita boleh bawa balik. Tetapi sebenarnya, lukisan itu tidak bergerak ke mana-mana pun," katanya kepada Harian Metro ketika kunjungan rasmi di Ibu Pejabat SPRM, di sini, semalam.

Azam berkata, isu lukisan hanya timbul kerana ia menjadi tajuk berita, tetapi perkara sebenar transaksi wang membabitkan aset itu.

"Lukisan itu jadi tajuk utama, tetapi isu sebenar ialah transaksi wang, bukan lukisan itu sendiri. Bila kita cakap pasal lukisan itu, sebenarnya ia membabitkan isu pencucian wang (*money laundering*) menggunakan satu bahan untuk membuat transaksi," katanya.

Menurutnya, perbincangan sudah diadakan bagi memastikan wang dan aset boleh dipulangkan ke Malaysia mengikut prosedur sah.

"Perbincangan sudah diadakan tentang cara membawa lukisan itu dengan nilainya balik ke Malaysia," katanya.

Terdahulu Harian Metro melaporkan usaha pemulihan aset 1Malaysia Development Berhad (1MDB) terus diperkukuh apabila DOJ bersetuju mengembalikan koleksi lukisan bernilai lebih AS$30 juta (lebih RM122 juta) kepada Malaysia.

SPRM dilaporkan berkata, perkara itu dipersetujui hasil dua siri perbincangan rasmi pihaknya bersama Biro Penyiasatan FBI dan DOJ yang berlangsung di Washington dan New York pada 9 dan 11 Disember lalu.

MUHAMAD Safar (dua dari kanan) menerima cenderamata daripada Azam sambil disaksikan Yusri (kanan). - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

HARIAN METRO
10.01.2026 (SABTU)

Hubungan HM, SPRM terus diperkukuh

Putrajaya: Harian Metro (HM) terus memperkukuhkan hubungan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi kunjungan rasmi ke ibu pejabat suruhanjaya itu yang turut disusuli rakaman podcast (audio siar) eksklusif bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

Kunjungan diketuai Pengarang Eksekutif (Kandungan) HM Muhamad Safar Ahmad bersama barisan pengurusan lain sebagai platform memperkukuh hubungan strategik antara SPRM dan media arus perdana.

Perjumpaan itu turut disi dengan sesi *hi-tea* yang memfokuskan perbincangan berkaitan hubungan kerjasama antara media arus perdana dan SPRM dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat.

Dalam sesi itu, Azam berkata, beliau menghargai peranan HM disifatkan konsisten menyampaikan laporan berdasarkan fakta dan pengesahan, khusus dalam liputan berkaitan SPRM.

Menurutnya, ketepatan pelaporan amat penting bagi memastikan maklumat berkaitan SPRM tidak mengelirukan masyarakat.

"Saya berterima kasih kepada agensi media terutama Harian Metro menyokong SPRM membantu menyampai maklumat tepat kepada masyarakat.

"Dalam era ini, akses dan kerjasama dengan media membantu kami menyebar informasi dengan cara yang betul," katanya ketika kunjungan HM di Ibu Pejabat SPRM di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengarang Eksekutif (Pengeluaran) HM Yusri Abdul Malek; Pengarang Berita HM, Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Ketua Unit Video New Straits Times Press (NSTP) Asmizan Mohd Samiran dan Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik (BKS) SPRM Hisyam Mohd Yusoff.

Mengulas lanjut, Azam berkata, landskap media semakin mencabar berikutan perkembangan teknologi dan media sosial.

Bagaimanapun, beliau berkata, media arus perdana masih berperanan penting sebagai rujukan utama masyarakat.

"Saya menghargai agensi media menyiarkan kenyataan kami secara tepat tanpa memutarbelitkan maklumat," katanya.

Katanya, hubungan baik SPRM dan media amat penting dalam memastikan penyampaian maklumat yang tepat, berimbang dan bertanggungjawab kepada masyarakat.

Sementara itu, Muhamad Safar berkata, kerjasama dan keterbukaan SPRM amat membantu media dalam menyampaikan maklumat yang tepat, berimbang dan bertanggungjawab kepada pembaca.

"SPRM sangat terbuka dan sedia memberi penjelasan, ini memudahkan kami menyalurkan maklumat dengan tepat.

"Kerjasama SPRM membantu kami memastikan berita yang disiarkan kepada pembaca tidak disalah tafsir," katanya.

Beliau menegaskan hubungan rapat dengan SPRM membolehkan HM menjalankan liputan yang lebih mendalam dan berkesan terutama berkaitan isu rasuah.

HARIAN METRO
10.01.2026 (SABTU)

Emas, wang asing lebih RM6 juta dalam SVR

Pemeriksaan dijalankan selepas kenderaan berkenaan ditemui di sebuah bengkel sekitar Lembah Klang

INFO

Sitaan:

- Wang tunai yang disita melibatkan beberapa mata wang asing
- Tiga jongkong emas 999 setiap satu seberat 1kg dengan nilai semasa RM1.8 juta
- Sembilan keping emas yang setiap satu seberat 100 gram dengan nilai semasa lebih RM500,000
- Sebuah kenderaan SVR bernilai kira-kira RM360,000

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

KUALA LUMPUR – Pemeriksaan sebuah kenderaan utiliti sukan berprestasi tinggi (SVR) susulan siasatan kes rasuah membabitkan perolehan projek Tentera Darat (TDM) membawa kepada penemuan emas serta wang tunai dalam pelbagai mata wang asing yang dianggarkan bernilai kira-kira RM6.9 juta.

Sumber memaklumkan, pemeriksaan tersebut dijalankan selepas kenderaan berkenaan ditemui di sebuah bengkel sekitar Lembah Klang, dipercayai ditinggalkan bagi tujuan pembaikan.

"Hasil pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan itu membawa kepada sitaan wang tunai dan barangan kemas yang disyaki mempunyai kaitan dengan siasatan kes berkenaan.

"Wang tunai yang disita melibatkan beberapa mata wang asing termasuk dolar Amerika Syarikat (A$$), euro, pound, yen Jepun dan riyal Arab Saudi," katanya pada Sabtu.

Katanya, antara sitaan utama ialah tiga unit jongkong emas 999 yang setiap satunya seberat satu kilogram dengan nilai semasa dianggarkan kira-kira RM1.8 juta.

KARTEL TENDER PEROLEHAN TDM

"Turut disita, sembilan keping emas yang setiap satunya seberat 100 gram dengan nilai semasa dianggarkan melebihi RM500,000.

"Sebuah kenderaan SVR turut disita dan dianggarkan bernilai kira-kira RM360,000 dipercayai dibeli secara tunai dan keseluruhan sitaan melibatkan emas, wang tunai dan kenderaan itu dianggarkan mencecah nilai kira-kira RM6.9 juta," jelasnya.

ZAINUL

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan sitaan itu.

Beliau berkata, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 16(b) Akta SPRM 2009.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan, seorang bekas Panglima Tentera Darat direman selama tujuh hari bermula Khamis bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan rangkaian kartel tender perolehan TDM.

Perintah reman selama tiga hari dan enam hari turut dikenakan kepada isteri pertama dan kedua bekas pegawai tertinggi TDM tersebut.

BERITA HARIAN
11.01.2026 (AHAD)

Skandal perolehan TDM

23 jam Rolex di rumah isteri kedua pegawai kanan TDM

SPRM turut sita barang kemas bernilai kira-kira RM225,000

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam menemukan 23 jam tangan mewah berjenama Rolex bernilai sekitar RM2 juta dalam serbuan di sebuah kediaman dipercayai milik isteri kedua seorang pegawai kanan Tentera Darat Malaysia (TDM) yang sedang disiasat berkaitan skandal perolehan pasukan itu.

Jam tangan pelbagai model itu ditemui dalam dua bagasi ketika penggeledahan dilakukan di kediaman dipercayai milik wanita itu di sebuah negeri di Pantai Timur.

Dalam operasi itu, pegawai penyiasat SPRM turut menyita beberapa barangan kemas milik seorang individu yang dipercayai bersubahat, dianggarkan bernilai kira-kira RM225,000.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan serbuan dan penemuan barangan berharga itu.

Kelmarin, pegawai penyiasat SPRM turut menyita tiga jongkong emas seberat satu kilogram setiap satu yang bernilai sekitar RM1.8 juta daripada suspek yang disiasat berhubung tender perolehan TDM.

Jongkong emas itu adalah antara sitaan aset bernilai kira-kira RM6.9 juta dalam siasatan membabitkan pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bermula sejak hujung tahun lalu.

Sita kenderaan SVR

Selain emas, turut disita adalah kenderaan utiliti sukan berprestasi tinggi (SVR) bernilai kira-kira RM360,000 yang dipercayai dibeli secara tunai dan wang tunai dalam pelbagai mata wang, meliputi dolar Amerika Syarikat (AS), euro, pound, yen (Jepun) dan riyal (Arab Saudi).

Semua sitaan itu disiasat di bawah Seksyen 16(b) Akta SPRM 2009.

SPRM sebelum ini menyita enam akaun bank dipercayai milik seorang pegawai kanan TDM dan ahli keluarganya, bagi membantu siasatan dakwaan skandal itu.

SPRM pada 23 Disember tahun lalu hadir ke Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan menyiasat projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

Pada 24 Disember 2005, SPRM telah memanggil tiga individu untuk dirakam keterangan berhubung kes itu.

Sehingga ini, SPRM menahan seorang pegawai kanan TDM serta dua isterinya untuk membantu siasatan kes berkenaan.

BERITA HARIAN
11.01.2026 (AHAD)

Seorang lagi pegawai tinggi ATM mungkin dituduh

Kuala Lumpur: Seorang pegawai tinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang disiasat dalam penyelewengan dana dijangka didakwa di mahkamah dalam tempoh terdekat.

BH difahamkan, pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah melengkapkan kertas siasatan dan tindakan selanjutnya termasuk arahan pendakwaan oleh Peguam Negara, sedang dilaksanakan.

Bagaimanapun, difahamkan kes membabitkan pegawai tinggi itu adalah berbeza dengan kes bekas Panglima Tentera Darat (PTD) yang sedang disiasat oleh SPRM ketika ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan berkata siasatan kes itu sudah hampir lengkap.

"SPRM akan kemukakan cadangan untuk pertuduhan kepada Peguam Negara apabila kertas siasatan lengkap," katanya semalam.

BH sebelum ini melaporkan mengenai siasatan SPRM terhadap pegawai kanan Tentera Darat Malaysia (TDM) yang dipercayai terbabit dalam skandal perolehan pasukan itu.

Sehingga ini, seorang pegawai kanan TDM ditahan reman bersama dua isterinya untuk membantu siasatan kes itu.

Siasatan SPRM juga mendapati wujud kegiatan rasuah secara terancang dalam skandal itu membabitkan pegawai ATM.

Malah, SPRM tidak menolak kemungkinan memanggil beberapa lagi pegawai kanan lain untuk diambil keterangan.

HARIAN METRO
11.01.2026 (AHAD)

SYOK 'BEDAL' DUIT CROWDFUNDING

Ketiadaan undang-undang khusus kawal kutipan dana awam dalam talian buka ruang kepada penyelewengan

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Muhaamad Hafis Nawawi dan Suharmin Yusuf
am@hmetro.com.my

Putrajaya

"Ada yang konon-nya kutip derma atau dana awam untuk mendirikan masjid, tetapi wang diperoleh sebaliknya diberikan kepada isteri. Ini amat menyedihkan," ujar Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki.

Menurut Azam, penyelewengan atau salah guna dana awam atas nama sumbangan kebajikan atau derma sesuatu yang amat menyedihkan.

Beliau mengulas pendedahan eksklusif Harian Metro kelmarin, berkaitan tindakan bakal diambil SPRM terhadap pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan yayasan berdaftar yang menyalahgunakan dana awam untuk kepentingan peribadi.

Mengulas lanjut, Azam berkata, ketiadaan undang-undang khusus bagi mengawal kutipan dana awam secara dalam talian dikenal pasti sebagai kelompangan serius yang membuka ruang kepada penyalahgunaan wang masyarakat melalui medium media sosial.

Kata beliau, sehingga kini, tiada peruntukan undang-undang yang boleh mengekang aktiviti kutipan dana wang menggunakan konsep *crowdfunding* yang semakin berleluasa.

"Ini (kutipan ini) sekarang memang tak ada undang-undang. Masalah ini ialah tentang kutipan wang melalui *online payment* (pembayaran dalam talian) dan sebagainya.

"Individu-individu tertentu mencipta dan memanggilnya sebagai *crowdfunding*. Tetapi, setakat ini, tiada undang-undang yang boleh mengekang walaupun ia dibuat secara terbuka," katanya eksklusif kepada Harian Metro, Khamis lalu.

> "Setakat ini, tiada undang-undang yang boleh mengekang
> Azam

Azam berkata, media sosial hanya digunakan sebagai platform namun ketiadaan undang-undang menyebabkan aktiviti kutipan dana awam dilakukan secara bebas.

Kata beliau, kebanyakan rakyat Malaysia hanya menggunakan tiga platform utama, sekali gus memudahkan kutipan dana dilakukan secara meluas dan berulang.

"Orang Malaysia ini kebanyakannya hanya *surfing* (melayari) tiga platform sahaja iaitu Instagram, Facebook dan TikTok.

"Sebab itu, kutipan dana awam banyak berlaku di situ, bila nampak sahaja terus masuk RM10, RM20.

"Selain media sosial, kutipan dana awam ini juga dibuat melalui aplikasi WhatsApp. Saya sendiri terima WhatsApp yang menyatakan nama dan sebagainya," katanya.

Menurut Azam, walaupun analisis dilakukan terhadap beberapa organisasi, ketiadaan undang-undang khusus berkaitan *crowdfunding* terus menjadi kekangan utama.

Berhubung perkara itu, Azam menegaskan, isu kutipan dana awam secara dalam talian tidak boleh dipikul oleh satu agensi semata-mata, sebaliknya memerlukan pembahitan serta pemantauan bersama agensi berkaitan bagi memastikan wang orang ramai dilindungi daripada disalahgunakan.

"Agensi-agensi berkaitan yang sepatutnya melihat perkara ini dan menyelamatkan duit masyarakat, bukan semuanya diletakkan atas bahu saya (SPRM).

"Saya hanya boleh ambil tindakan berdasarkan realiti dan secara masa nyata sahaja," katanya.

Menurut Azam, pihak yang ingin mengutip dana awam perlu mendapat kelulusan rasmi daripada pihak kementerian atau badan berkaitan dan memastikan akaun kutipan adalah sah serta disahkan.

DERMA RAKYAT DISALAH GUNA

3 NGO DALAM RADAR SPRM

LAPORAN Harian Metro, semalam.

HARIAN METRO
11.01.2026 (AHAD)

KES RASUAH BEKAS PANGLIMA TENTERA DARAT

SPRM sita 23 jam tangan Rolex bernilai RM2 juta di rumah isteri kedua

Kuala Lumpur: Aset mewah bernilai lebih RM2.2 juta disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan tindakan menggeledah kediaman milik isteri kedua bekas Panglima Tentera Darat (PTD) yang terletak di pantai timur.

Menurut sumber penggeledahan yang dibuat pagi semalam menjumpai dua bagasi yang dipercayai digunakan untuk menyimpan barangan itu.

"Hasil pemeriksaan menemui 23 unit jam tangan jenama Rolex pelbagai model dengan anggaran nilai pasaran semasa berjumlah kira-kira RM2 juta.

"SPRM turut menyita beberapa barangan kemas milik seorang individu yang dipercayai bersubahat dianggarkan bernilai kira-kira RM225,000," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan perkara berkenaan.

Harian Metro kelmarin, melaporkan SPRM menyita emas, kenderaan utiliti sukan berprestasi tinggi (SVR) dan wang tunai pelbagai mata wang asing dianggarkan bernilai kira-kira RM6.9 juta susulan siasatan projek tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Sumber berkata, wang tunai yang disita itu meliputi nilai dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat (USD), Euro, Pound, Yen (Jepun), dan Riyal (Arab Saudi).

Katanya, sitaan berkenaan adalah hasil pemeriksaan SVR di sebuah bengkel sekitar Lembah Klang yang dipercayai ditinggalkan untuk pembaikan.

"Barang kemas yang disita adalah tiga unit jongkong emas 999 yang setiap satu seberat satu kilogram (kg) yang nilai semasanya kira-kira RM1.8 juta.

"Turut disita sembilan keping emas yang setiap satunya seberat 100 gram (g) yang nilai semasanya adalah lebih setengah juta ringgit (lebih RM500,000) di samping SVR dianggarkan bernilai RM360,000 dan dipercayai dibeli secara tunai," katanya.

SPRM pada 23 Disember tahun lalu hadir ke Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan menyiasat projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

SINAR HARIAN
11.01.2026 (AHAD)

Seorang lagi pegawai kanan ATM dalam siasatan SPRM

KUALA LUMPUR - Siasatan berkaitan dakwaan salah guna dana Kementerian Pertahanan (Mindef) yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijangka merungkai pembabitan seorang lagi pegawai pengurusan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Menurut sumber, individu terbabit kini berada dalam siasatan SPRM dan siasatan berkenaan sudah berada di peringkat akhir.

"Pegawai terbabit sedang disiasat dan kertas siasatan hampir dilengkapkan.

"Cadangan pertuduhan dijangka akan dikemukakan dalam masa terdekat," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki turut mengesahkan pihaknya ada menjalankan siasatan terhadap beberapa pegawai kanan ATM berkaitan kes itu.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut berhubung siasatan yang dijalankan selain memaklumkan proses siasatan kini sudah berada di peringkat akhir.

Menurutnya, siasatan dakwaan salah guna dana awam itu tidak boleh dipandang ringan dan perlu diambil tindakan tegas sekiranya wujud elemen kesalahan.

Azam berkata, kertas siasatan hampir dilengkapkan dan akan dikemukakan dengan cadangan pertuduhan dalam masa terdekat.

Beliau berkata, sekiranya cadangan pertuduhan itu dipersetujui oleh Peguam Negara, individu terbabit akan dibawa ke mahkamah untuk tujuan pendakwaan.

Menurutnya lagi, siasatan akan dimulakan terhadap individu berkenaan terlebih dahulu sebelum disusuli dengan siasatan lain yang berkaitan.

Dalam masa sama, beliau meminta semua pihak memberi ruang kepada SPRM untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh serta tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menjejaskan siasatan.

Tegasnya, siasatan dijalankan bagi memastikan sebarang salah guna kuasa dan dana awam ditangani secara berlandaskan undang-undang tanpa mengira pangkat atau kedudukan.

Media sebelum ini melaporkan, SPRM mendapati terdapat aktiviti penerimaan rasuah secara terancang berlaku dalam kalangan pegawai tentera.

Sumber memaklumkan, siasatan SPRM turut mengesan beberapa pegawai tentera dipercayai memainkan peranan dalam kes berkenaan.

> Individu terbabit kini berada dalam siasatan SPRM dan siasatan berkenaan sudah berada di peringkat akhir."

Difahamkan, SPRM ketika ini memberi tumpuan untuk menyiasat dakwaan kewujudan rangkaian rasuah yang berlaku dalam agensi terbabit.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan seorang bekas Panglima Tentera Darat direman selama tujuh hari bermula Khamis bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan rangkaian kartel tender perolehan Tentera Darat.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat oleh SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Ezrene turut mengeluarkan perintah reman selama tiga hari dan enam hari masing-masing terhadap isteri pertama dan kedua bekas pegawai tertinggi Tentera Darat tersebut.

Pada Selasa, media melaporkan, seramai 17 pengarah syarikat direman lima hari bagi membantu siasatan kes sama.

Menurut SPRM, kesemua suspek terdiri daripada sembilan lelaki dan lapan wanita berusia lingkungan 20-an hingga 60-an, yang ditahan antara jam 8.30 malam hingga 11.30 malam Isnin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Putrajaya.

Sebelum ini, SPRM memaklumkan bekas Panglima Tentera Darat itu dikehendaki memberi keterangan pada 28 Disember 2024, namun tidak dapat berbuat demikian kerana dimasukkan ke hospital.

SINAR HARIAN
11.01.2026 (AHAD)

23 jam Rolex dalam dua bagasi

Bernilai RM2 juta, ditemui di rumah isteri kedua bekas PTD

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita aset mewah bernilai lebih RM2.2 juta susulan penggeledahan di sebuah kediaman isteri kedua bekas Panglima Tentera Darat (PTD) di sebuah negeri di Pantai Timur pada Sabtu.

Menurut sumber, penggeledahan yang dibuat menjumpai dua bagasi yang dipercayai digunakan untuk menyimpan barangan tersebut.

"Hasil pemeriksaan menemui 23 unit jam tangan jenama Rolex pelbagai model dengan anggaran nilai pasaran semasa kira-kira RM2 juta," katanya.

Ujar sumber, SPRM turut menyita beberapa barangan kemas milik seorang individu yang dipercayai bersubahat dianggarkan bernilai kira-kira RM225,000.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan perkara tersebut.

Sebelum ini, media melaporkan, bekas PTD yang disiasat dalam kes rasuah membabitkan tender perolehan Tentera Darat direman tujuh hari bermula 8 Januari bagi membantu siasatan.

Seorang daripada isterinya yang turut ditahan SPRM pula direman enam hari, manakala seorang lagi isterinya direman tiga hari.

Pada Jumaat, media melaporkan, SPRM telah menyita wang tunai, kenderaan utiliti sukan berprestasi tinggi (SVR) dan emas kira-kira RM6.9 juta melibatkan kes terbabit.

Sumber dilaporkan berkata, wang tunai yang disita itu meliputi nilai dalam mata wang dolar Amerika Syarikat (AS$), euro, pound, yen (Jepun), dan riyal (Arab Saudi).

Kes disiasat di bawah Seksyen 16(b) Akta SPRM 2009.

Pada 23 Disember lalu, pegawai SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan dan tumpuan terarah kepada projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab Tentera Darat.

Emas, wang asing lebih RM6 juta dalam SVR

Laporan *Sinar Harian* pada Sabtu.

Aktiviti tidak bermoral: 20 pegawai akan diambil tindakan - PTD

MUHAMAD NURAZLAN

SHAH ALAM - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan mengambil tindakan tegas terhadap 20 pegawainya yang dikenal pasti terlibat secara langsung dalam aktiviti tidak bermoral di pangkalannya.

Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Muhamad Nurazlan Aris berkata, TUDM akan memastikan pelaku dibicara dan diadili menurut lunas dan peruntukan Perundangan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Siasatan awal mendapati seramai 20 orang pegawai TUDM yang telah terlibat secara langsung di dalam aktiviti tidak bermoral ini.

"Perlu ditegaskan, budaya tidak sihat tersebut bukanlah suatu amalan bagi TUDM," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Tambahnya, TUDM memandang serius sebarang perlanggaran terhadap perintah, direktif dan peraturan serta tindakan tegas akan diambil tanpa kompromi.

Tegas beliau, pucuk pimpinan TUDM menzahirkan rasa kesal dengan kejadian yang berlaku dan pihak yang gagal melaksanakan arahan juga akan diambil tindakan sewajarnya.

Sebelum ini, Kementerian Pertahanan mengarahkan siasatan dalaman segera dijalankan susulan dakwaan yang tular di media sosial membabitkan beberapa kem tentera.

Menurut kementerian itu, ATM telah diarahkan menjalankan siasatan dalaman secara menyeluruh bagi menentukan kesahihan dakwaan berkenaan bersandarkan kepada beberapa video dan gambar yang memaparkan wanita berpakaian mencolok mata.

Dakwaan yang tular itu juga mendakwa penganjuran 'parti' dengan membawa wanita ke dalam kawasan kem.

BERITA HARIAN
12.01.2026 (ISNIN)

SPRM syor guna DPA selesai kes rasuah lebih RM100 juta

Mekanisme tidak perlu melalui proses perbicaraan penuh elak ambil masa lama

Oleh Suzalina Halid dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perjanjian Pendakwaan Tertunda (DPA) yang dijangka dibentangkan pada sidang Dewan Rakyat tahun ini akan mencadangkan tindakan penyelesaian dan penalti ke atas kes rasuah berskala besar membabitkan nilai RM100 juta dan ke atas.

Ia bermaksud kes rasuah mega, khususnya membabitkan entiti korporat boleh diselesaikan melalui mekanisme DPA tanpa perlu melalui proses perbicaraan penuh yang selalunya mengambil masa lama.

Penyelesaian itu bagaimanapun tetap tertakluk pada pematuhan senarai syarat yang ditetapkan pihak pendakwaan dan agensi penyiasat.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, memaklumkan penyelesaian melalui DPA tidak akan membabitkan kes rasuah dan penyelewengan biasa, sebaliknya dengan nilai rasuah atau kerugian terlalu besar kepada negara.

Selain entiti korporat, katanya, DPA di Malaysia akan dicadang digunakan dalam kes individu yang bertanggungjawab melakukan rasuah membabitkan nilai yang ditakrif sebagai sangat besar.

Katanya, adalah penting untuk peruntukan undang-undang DPA dipercepatkan dalam usaha memastikan rasuah mega di Malaysia tidak lagi berlarutan sehingga merugikan banyak pihak, khususnya kerajaan.

Beliau menjelaskan, ketika ini DPA masih pada peringkat draf dan pihaknya sedang berbincang dengan Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk dibentangkan pada sesi kedua sidang Parlimen tahun ini yang dijadualkan bermula Jun depan.

"Ia akan dibentangkan tahun ini pada sidang Dewan Rakyat selepas setahun dicadangkan. Walaupun agak lewat bagi saya, keperluan ini perlu dilaksanakan.

"DPA sudah dimasukkan di banyak negara maju seperti United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) untuk menyelesaikan kes berkait entiti korporat. Di Malaysia, kita juga akan cadang ia digunakan untuk kes berprofil tinggi membabitkan individu.

"Penggunaan DPA ini mesti untuk yang ada kes (rasuah)," katanya dalam Podcast Borak Harini terbitan *BH*.

Azam memberi contoh, dalam kes Airbus, tindakan dikenakan pihak berkuasa dirujuk sebagai 'ditangguhkan' atau *deferred* melalui penalti kira-kira tiga bilion euro, selain dipantau agar mematuhi syarat tertentu selama dua tahun oleh pihak berkuasa.

Beliau merujuk kes rasuah Airbus melibatkan Perancis, UK dan AS dengan pengeluar pesawat komersial utama dunia itu mengaku bersalah atas tuduhan rasuah dan sogokan untuk mendapatkan kontrak jualan pesawat.

"Kaedah sama akan digunakan di Malaysia, kita akan cadangkan DPA dikenakan untuk kes rasuah dengan nilai ambang cecah RM100 juta dan ke atas dan mempunyai kes (rasuah) untuk dituduh di mahkamah," katanya.

Wajib patuhi syarat

Azam berkata, antara kelebihan DPA adalah pihak dikenakan tindakan wajib mematuhi syarat pematuhan ketat, termasuk membayar ganti rugi kepada mangsa yang terkesan dalam penyelewengan dilakukan.

"Selain penalti, tindakan pemantauan perlu dilaksanakan terhadap entiti itu dan mereka harus patuh dalam tempoh tertentu," katanya.

Contoh, katanya, sekiranya DPA wujud ketika isu pencemaran Sungai Kim Kim di Johor sebelum ini, syarikat penyebab pencemaran bukan sahaja boleh dikenakan penalti, malah membayar kos pembersihan sungai dan kerugian ditanggung penduduk.

Mengenai jangkaan persepsi terhadap DPA, beliau percaya akan ada banyak pandangan negatif terhadap perundangan baharu itu, namun yakin ia akan membawa penyelesaian kepada banyak isu penyelewengan dan rasuah.

"Undang-undang ini tidak hanya memberi manfaat kepada SPRM, malah agensi penguatkuasaan lain secara keseluruhan.

"Sekarang di Malaysia, mungkin tahap pemahaman rendah dan saya percaya akan ada banyak persepsi negatif berbanding positif.

"Negara maju seperti AS juga menghadapi perkara sama, tetapi DPA di negara itu wujud sejak 1999 lagi dan sudah mencecah 35 tahun, sedangkan kita baru nak mula.

"Jadi kalau kita masih memikirkan mengenai persepsi, bila nak selesai?

"Tanggungjawab kami untuk yakinkan Ahli Parlimen apabila DPA ini dibentangkan. Ia mungkin ambil masa, tetapi kita perlu bermula dengan sesuatu," katanya.

Antara kes rasuah membabitkan nilai lebih RM100 juta dilaporkan di Malaysia sebelum ini adalah skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan kerugian RM52 billion, dan SRC International (RM4.6 billion), selain dakwaan penyelewengan serta pemerolehan hartanah dalam FGV Holdings dan FELDA.

Selain itu, penemuan wang tunai dan aset lebih RM169 juta dalam siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram dikaitkan dengan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Dakwaan pengubahan wang haram RM500 juta membabitkan Sapura Energy Bhd dan RM139.2 juta berkait projek Lebuhraya MEX II yang turut mengandungi tuduhan pecah amanah lebih RM113 juta dikaitkan dengan Pengarah Maju Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Abu Sahid Mohamed.

Dalam kes membabitkan dana Persekutuan, siasatan ke atas Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) melibatkan dana lebih RM3.3 billion, selain Op Jana Wibawa 3 membabitkan nilai RM4.79 billion dikaitkan dengan ahli perniagaan, Adam Radlan Adam Muhamad.

Selain itu, bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dituduh menggunakan kedudukan untuk suapan RM232.5 juta, manakala Datin Sri Rosmah Mansor didakwa meminta RM167.5 juta dan menerima rasuah RM1.5 juta berhubung projek solar hibrid di 369 sekolah luar bandar di Sarawak.

1MDB antara kes rasuah babitkan nilai lebih RM100 juta yang pernah berlaku di Malaysia

EKSKLUSIF

BERITA HARIAN
12.01.2026 (ISNIN)

Skandal perolehan TDM

Seorang lagi pegawai tinggi ATM dipanggil bantu siasatan

Tiada tangkapan dilakukan, siasatan skandal perolehan masih berjalan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnew@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang lagi pegawai tinggi tentera dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membantu siasatan kes dakwaan rasuah terbaharu membabitkan pasukan pertahanan negara itu.

Pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam lingkungan usia 60-an itu tiba di Ibu Pejabat SPRM pada jam 11 pagi semalam.

Setakat jam 6.30 petang semalam, tiada tangkapan dilakukan oleh pegawai penyiasat kes itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

"Hari ini (semalam), kita panggil beliau untuk membantu siasatan dan rakaman percakapan bermula jam 11 pagi.

"Setakat ini, tiada tangkapan dilakukan," katanya.

Kelmarin *BH* mendedahkan seorang lagi pegawai tertinggi dalam ATM berada dalam siasatan SPRM kerana disyaki terpalit skandal penyelewengan perolehan dalam pasukan berkenaan.

Penerimaan suapan terancang

BH sebelum ini melaporkan siasatan awal SPRM dalam kes dakwaan rasuah perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM), mendapati wujud penerimaan suapan secara terancang dalam kalangan pegawai.

Khamis lalu di Putrajaya, Majistret Ezrene Zakariah membenarkan SPRM menahan reman bekas Panglima Tentera Darat selama tujuh hari sehingga Rabu ini.

Isterinya yang turut ditahan SPRM pula direman selama enam hari hingga Selasa, manakala seorang lagi isterinya direman selama tiga hari.

BH sebelum ini melaporkan terdapat beberapa individu lain yang dikenal pasti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terbabit dalam rasuah yang dikaitkan dengan seorang pegawai kanan Tentera Darat.

Petunjuk terbaharu itu diketahui dalam siasatan agensi berkenaan terhadap beberapa projek tender perolehan Tentera Darat yang dijalankan SPRM sejak beberapa minggu lalu.

SPRM juga menyita enam akaun bank dipercayai milik seorang pegawai kanan Tentera Darat dan ahli keluarganya bagi membantu siasatan dakwaan rasuah membabitkan perolehan projek tentera.

HARIAN METRO
12.01.2026 (ISNIN)

KES SALAH GUNA DANA

Pegawai tertinggi ATM dirakam keterangan

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Putrajaya

Pegawai pengurusan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan salah guna dana dirakam keterangan semalam bagi membantu siasatan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pegawai itu dipanggil ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya jam 11 pagi untuk melengkapkan siasatan berhubung isu salah guna dana.

"Hari ini (semalam) kami panggil beliau untuk membantu siasatan dan rakaman percakapan bermula jam 11 pagi.

"Setakat ini tiada tangkapan dilakukan namun rakaman percakapan masih berjalan"

Azam

"Setakat ini tiada tangkapan dilakukan, namun rakaman percakapan masih berjalan," katanya ketika dihubungi semalam.

Azam berkata, setakat ini, hanya beliau seorang yang dipanggil bagi merakamkan percakapan.

Harian Metro sebelum ini melaporkan seorang lagi pegawai pengurusan tertinggi ATM disiasat SPRM dan akan dituduh dalam masa terdekat berkaitan isu rasuah.

Azam dilaporkan berkata, siasatan membabitkan individu terbabit sudah sampai ke penghujung dan jika dipersetujui Peguam Negara, pegawai pengurusan tertinggi terbabit akan dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan.

HARIAN METRO
12.01.2026 (ISNIN)

SPRM DEDAH KES SYARIKAT LARI CUKAI

Penalti RM900 juta

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin, Muhaamad Hafis Nawawi dan Suharmin Yusuf
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan ada sebuah syarikat terbabit dalam kes lari cukai dan dikenakan tindakan membayar penalti termasuk kompaun mencecah RM900 juta, baru-baru ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, hasil kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), syarikat itu dikenakan tindakan penalti RM600 juta manakala kompaun pula RM300 juta menjadikan keseluruhan RM900 juta.

Menurutnya, SPRM bersama polis mengutip semula hasil cukai dibawa lari syarikat terbabit dengan jumlah sebanyak itu.

"Itu baru satu syarikat, tetapi saya tak boleh namakan syarikat berkenaan. Ada satu lagi syarikat dikenakan bayar cukai RM20 juta dan kompaun oleh SPRM sebanyak RM8 juta menjadikan jumlahnya RM28 juta.

"Kutipan ini pula hasil kerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (Hasil) disebabkan syarikat itu lari cukai selama beberapa tahun," katanya menerusi temu bual eksklusif di Podcast Apa-Apa Saja Harian Metro di Ibu Pejabat SPRM di sini.

> *Itu baru satu syarikat, tetapi saya tak boleh namakan syarikat berkenaan. Ada satu lagi syarikat dikenakan bayar cukai RM20 juta dan kompaun oleh SPRM sebanyak RM8 juta"*
>
> **Azam Baki**

Azam berkata, tindakan itu diambil kerana kesukaran membuktikan syarikat itu membayar rasuah.

"Sukar untuk kita buktikan. Siapa yang dia bayar (kerana) bila kata dia bayar itu kena buktikan mana duit itu.

"Katakan dah bayar (rasuah) tengok-tengok duit dah habis. Nampak tak kesukaran itu...jadi lebih baik saya memilih jalan dapatkan duit melalui tindakan kompaun dan bayar semula cukai dilarikan, tetapi syarikat tetap dikenakan tindakan penguatkuasaan lain," katanya.

Beliau berkata, pihaknya membuat keputusan mendapatkan semula wang yang mana kerajaan boleh menerimanya pada bila-bila masa.

"Jika tuduh di mahkamah, dia kena hukuman sebat (dan) denda, lepas itu pesalah kata tidak boleh bayar, dan jika syarikat pula nak tuduh siapa...pengarah urusan, pengerusi atau ahli lembaga pengarah...siapa yang nak dituduh.

"Jadi lebih baik kita dapatkan RM900 juta itu dengan dikembalikan kepada kerajaan," katanya.

HARIAN METRO
12.01.2026 (ISNIN)

Orang muda lihat rasuah peluang, bukan kesalahan jenayah

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati pemikiran golongan muda yang melihat rasuah sebagai peluang dan bukan kesalahan jenayah adalah hasil kegagalan kolektif membentuk nilai integriti dalam masyarakat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, perkara itu berpunca daripada pembentukan masyarakat yang disifatkan sebagai *corrupt managed society* sejak sekian lama.

"Mereka melihat rasuah sebagai satu peluang mungkin memberi mereka 'pendapatan' dan ia (dianggap) bukan satu kesalahan jenayah.

"Sebenarnya, saya salahkan kita semua. Kita mengacukan rakyat kita menjadi *corrupt managed society* (masyarakat yang diurus secara rasuah)," katanya eksklusif dalam Podcast Apa-Apa Sahaja Harian Metro di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Azam berkata, kesan pembentukan masyarakat sedemikian dapat dilihat melalui dapatan kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sekitar 2003 hingga 2004.

"Pada tahun 2003-2004, UKM buat soal selidik dalam kalangan mahasiswa. 30 peratus mengatakan sanggup ambil rasuah sekira diberi peluang," katanya.

Beliau berkata, kumpulan mahasiswa kini sudah berada dalam pelbagai sektor penting negara.

"Di mana mereka sekarang? Mereka berada dalam pasaran pekerjaan sebagai ahli politik, pegawai kerajaan, pegawai bank dan rakyat biasa.

"Jangan lupa, penjenayah. Semua punya pemikiran sama perkara yang salah dibolehkan," katanya.

Menurutnya, pembentukan masyarakat yang diurus secara rasuah itu berlaku apabila masyarakat terlalu menekankan kebendaan berbanding integriti.

HARIAN METRO
12.01.2026 (ISNIN)

Orang muda lihat rasuah peluang, bukan kesalahan jenayah

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati pemikiran golongan muda yang melihat rasuah sebagai peluang dan bukan kesalahan jenayah adalah hasil kegagalan kolektif membentuk nilai integriti dalam masyarakat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, perkara itu berpunca daripada pembentukan masyarakat yang disifatkan sebagai *corrupt managed society* sejak sekian lama.

"Mereka melihat rasuah sebagai satu peluang mungkin memberi mereka 'pendapatan' dan ia (dianggap) bukan satu kesalahan jenayah.

"Sebenarnya, saya salahkan kita semua. Kita mengacukan rakyat kita menjadi *corrupt managed society* (masyarakat yang diurus secara rasuah)," katanya eksklusif dalam Podcast Apa-Apa Sahaja Harian Metro di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Azam berkata, kesan pembentukan masyarakat sedemikian dapat dilihat melalui dapatan kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sekitar 2003 hingga 2004.

"Pada tahun 2003-2004, UKM buat soal selidik dalam kalangan mahasiswa. 30 peratus mengatakan sanggup ambil rasuah sekira diberi peluang," katanya.

Beliau berkata, kumpulan mahasiswa kini sudah berada dalam pelbagai sektor penting negara.

"Di mana mereka sekarang? Mereka berada dalam pasaran pekerjaan sebagai ahli politik, pegawai kerajaan, pegawai bank dan rakyat biasa.

"Jangan lupa, penjenayah. Semua punya pemikiran sama perkara yang salah dibolehkan," katanya.

Menurutnya, pembentukan masyarakat yang diurus secara rasuah itu berlaku apabila masyarakat terlalu menekankan kebendaan berbanding integriti.

SINAR HARIAN
12.01.2026 (ISNIN)

Lagi pegawai kanan ATM dirakam keterangan

Siasatan penyalahgunaan dana Mindef kini di peringkat akhir

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

PUTRAJAYA - Seorang lagi pegawai kanan pengurusan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dirakam keterangan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada Ahad bagi siasatan berkaitan penyalahgunaan dana Kementerian Pertahanan (Mindef).

Ketua Pesuruhjaya SPRM , Tan Sri Azam Baki, berkata, individu terbabit dirakam keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Tiada tangkapan dijalankan setakat ini dan beliau tiba untuk direkod keterangan kira-kira jam 11 pagi.

"Sebarang maklumat atau perkembangan lanjut akan dimaklumkan kelak," katanya pada Ahad.

Menurut Azam, buat masa ini hanya individu terbabit dipanggil untuk dirakam keterangan berkaitan siasatan yang dijalankan.

"Cukup sekadar saya nyatakan bahawa beliau dipanggil untuk membantu selesaikan satu isu ataupun dakwaan penyelewengan yang menggunakan dana," katanya.

Terdahulu, media melaporkan siasatan SPRM berkaitan dakwaan salah guna dana Mindef dijangka merungkai pembabitan seorang pegawai kanan pengurusan tertinggi ATM.

Menurut sumber, individu berkenaan kini dalam siasatan dan proses tersebut telah berada di peringkat akhir.

Dalam pada itu, Azam turut mengesahkan bahawa SPRM sedang menyiasat beberapa pegawai kanan ATM berkaitan kes berkenaan, namun enggan mengulas lanjut demi menjaga integriti siasatan.

Katanya, siasatan berkaitan dakwaan salah guna dana awam tidak boleh dipandang ringan dan tindakan tegas akan diambil sekiranya wujud elemen kesalahan.

"Kertas siasatan hampir dilengkapkan dan akan dikemukakan bersama cadangan pertuduhan dalam masa terdekat.

"Sekiranya cadangan pertuduhan itu dipersetujui oleh Peguam Negara, individu terbabit akan dibawa ke mahkamah untuk proses pendakwaan," katanya.

Tambah beliau, siasatan terhadap individu terbabit akan didahulukan sebelum diperluas kepada pihak lain yang berkaitan.

Pada masa sama, beliau meminta semua pihak memberi ruang kepada SPRM untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh serta tidak membuat spekulasi yang boleh menjejaskan proses tersebut.

Tegasnya, siasatan dijalankan bagi memastikan sebarang salah guna kuasa dan dana awam ditangani secara berlandaskan undang-undang tanpa mengira pangkat atau kedudukan.

Media sebelum ini turut melaporkan bahawa SPRM mengesan aktiviti penerimaan rasuah secara terancang dalam kalangan pegawai tentera, dan beberapa individu dipercayai memainkan peranan dalam kes berkenaan.

Difahamkan, SPRM kini menumpukan siasatan terhadap kewujudan rangkaian rasuah dalam agensi tersebut.

> Tiada tangkapan dijalankan setakat ini dan beliau tiba untuk direkod keterangan kira-kira jam 11 pagi."
> **- Azam Baki**

SINAR HARIAN
13.01.2026 (SELASA)

Skandal perolehan ATM

Siasatan lengkap pegawai tertinggi ATM dijangka siap seminggu lagi

Kemas kini berkaitan kes dimaklumkan dari semasa ke semasa

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijangka melengkapkan siasatan terhadap seorang pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berhubung dakwaan penyalahgunaan dana pasukan itu dalam tempoh seminggu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata sebarang perkembangan berkaitan siasatan terhadap pegawai kanan berusia lingkungan 60-an itu akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Beliau berkata, rakaman percakapan terhadap individu berkenaan telah selesai kira-kira jam 5 petang semalam.

"SPRM selesai merakam percakapan pegawai tertinggi ATM bagi hari ini (semalam) dan beliau dilepaskan pada kira-kira jam 5 petang.

"Siasatan dijangka lengkap dalam tempoh seminggu dan sebarang kemas kini berkaitan kes ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ketibaan tak dikesan [illegible]

Difahamkan, tiada lagi kenyataan tambahan akan dirakam daripada pegawai tertinggi tentera berkenaan.

Terdahulu, pegawai tertinggi tentera itu tiba di ibu pejabat SPRM di sini kira-kira jam 10.10 pagi bagi meneruskan keterangannya bagi membantu siasatan terhadap dakwaan kes rasuah terbaharu membabitkan ATM.

Bagaimanapun, ketibaan pegawai tertinggi ATM berusia dalam lingkungan 60-an itu tidak disedari petugas media yang menunggu sewaai jam 9.20 pagi sehingga beliau sudah memasuki pejabat SPRM kerana tiada maklumat mengenai kenderaan yang dinaikinya.

Difahamkan, individu itu tiba menaiki sebuah kenderaan utiliti sukan berwarna gelap kira-kira jam 10.10 pagi.

Kelmarin, pegawai itu diambil keterangan selama kira-kira 13 jam selepas hadir ke Ibu Pejabat SPRM pada jam 11 pagi.

Azam ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan memaklumkan, pegawai penyiasatnya masih memerlukan keterangannya dalam membantu siasatan kes berkenaan.

"SPRM melepaskan beliau pada tengah malam tadi (kelmarin) namun keterangannya akan disambung pagi ini," katanya ringkas kepada *BH*, di sini, semalam.

SINAR HARIAN
13.01.2026 (SELASA)

Tak mengaku seleweng wang derma untuk Palestin

Bekas pengerusi NGO didakwa salah guna wang sumbangan orang ramai berjumlah RM207,000

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR - Seorang bekas pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) mengaku tidak bersalah menyalahgunakan wang diperuntukkan bagi misi kemanusiaan ke Palestin di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin.

Tertuduh, Mohd Hakim Mohd Nor, 39, secara tidak jujur menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai berjumlah RM207,000 milik Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim bagi tujuan misi kemanusiaan dengan kerjasama NGO di empat negara termasuk Syria, Myanmar dan Yaman.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah bank di Jalan Sultan Hishamuddin di sini pada 27 Disember 2019.

Bapa kepada tiga anak itu dituduh mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun, denda dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Asmaa' Zamri di hadapan Hakim Azrul Darus.

Terdahulu, pihak pendakwaan mencadangkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan lain.

Bagaimanapun, peguam Azizzul Shariman Mat Yusoff yang mewakili tertuduh berhujah jumlah tersebut terlalu tinggi memandangkan anak guamnya memberi kerjasama penuh sepanjang siasatan.

Menurut Azizzul, anak guamnya tiba seawal jam 8 pagi di mahkamah selain menghadapi pertuduhan lain di Melaka dan Perak pada hari berikutnya, sekali gus menunjukkan risiko melarikan diri adalah rendah.

"Kadar terlalu tinggi menyukarkan tertuduh mengumpul wang sebelum menghadapi pertuduhan lain di dua negeri tersebut," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin selain mematuhi syarat tambahan dicadangkan pihak pendakwaan dan menetapkan 11 Mac sebagai tarikh sebutan semula kes.

Sebelum ini, media melaporkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya membongkar kegiatan penyelewengan dana sebuah NGO membabitkan sumbangan orang ramai dianggarkan bernilai RM26 juta menerusi Op Serantau.

Lima individu termasuk pengerusi, setiausaha, bendahari dan pegawai kewangan pertubuhan itu ditahan manakala pelbagai aset bernilai lebih RM8 juta disita.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki juga memaklumkan antara aset disita termasuk barang kemas bernilai RM100,000, wang tunai melebihi RM1 juta, akaun kripto bernilai RM650,000 serta empat rumah dengan anggaran nilai melebihi RM1.4 juta.

Mohd Hakim (tengah) dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Isnin.

SINAR HARIAN
13.01.2026 (SELASA)

Pegawai 'yeye' bakal disingkir

Salah laku moral dan penyalahgunaan kuasa dalam kem tidak akan dikompromi

LAPORAN MUKA DEPAN

KUALA LUMPUR – Pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terlibat dalam budaya 'yeye', buli, penindasan dan sebarang salah laku moral bakal berdepan tindakan tegas sehingga penyingkiran daripada perkhidmatan, kata Menteri Pertahanan, Mohamed Khaled Nordin.

Beliau menegaskan, segala bentuk aktiviti tidak bermoral dan berunsur hedonisme itu telah lama diharamkan di semua kem ATM di seluruh negara, selain berpegang dengan disiplin ketenteraan serta nilai hidup berakhlak.

"Panggillah dengan apanama sekalipun, 'yeye', 'yaya' atau apa sahaja, ia adalah perkara keji, tidak bermoral dan bertentangan dengan tradisi hidup Islam.

"Lebih-lebih lagi dengan penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang sepatutnya membendung apa-apa unsur yang mungkar dalam kalangan anggota kita," katanya ketika berucap pada Perutusan Tahun Baharu 2026 di Wisma Perwira, di sini, pada Isnin.

Mohamed Khaled berkata, aktiviti haram dan tidak bermoral sedemikian tidak sepatutnya berlaku di mana-mana kem ATM, malah menjejaskan maruah institusi pertahanan negara.

"Tiada sesiapa harus menerima segala bentuk perlecehan hak asasi. Tiada wanita harus dijadikan objek seks dan hiburan di mess dan Wisma Perwira kita.

"Kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam semua kemungkaran moral ini, yang merosakkan imej mulia ATM, kita akan pastikan anda semua dihukum dan disingkir dengan keji dari perkhidmatan," ujarnya.

Beliau menegaskan, kementerian tidak teragak-agak mengenakan tindakan tegas dan hukuman berat terhadap mana-mana pihak yang melakukan kesalahan sedemikian.

"Jadi, jangan fikir ini amaran kosong. Begitu juga mereka yang menghabiskan masa dengan golf di luar waktu yang dibenarkan atau sembang kosong di kedai kopi semasa waktu bekerja, disiplin ketenteraan akan kita tegaskan dan kuatkuasakan.

Laporan *Sinar Harian* pada 6 Januari lalu.

"Masa bekerja ialah masa untuk kerja yang bermanfaat dan membangun, bukan sebaliknya," katanya.

Mohamed Khaled turut mengingatkan anggota ATM supaya kembali mematuhi waktu kerja sebenar dan menghayati peranan sebagai pahlawan yang beretika.

"Masa bekerja juga bukan untuk bersosial di media sosial dan segala pandangan kita di media sosial mesti memaparkan etika sebagai anggota pertahanan negara. Jangan sebarkan berita tidak benar, komen yang tidak sahih dan prejudis yang merosakkan perpaduan negara," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau meminta masyarakat supaya tidak menuding jari dan menyalahkan keseluruhan warga ATM berhubung isu integriti dan budaya tidak sihat yang dilaporkan kebelakangan ini.

Menurutnya, kes 'yeye' yang tular di media sosial melibatkan pelanggaran peraturan oleh sebahagian kecil pegawai dan bukan mencerminkan budaya keseluruhan ATM.

"Saya kesal melihat maklum balas sebahagian rakyat Malaysia yang seolah-olah menyifatkan kejadian itu adalah satu budaya yang wujud sejak sekian lama dalam kalangan semua warga ATM.

"Saya harap semua pihak tidak menyalahkan atau menuding ke arah ATM seolah-olah semua warganya begitu," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis berkenaan.

Beliau berkata, pihak kementerian tidak mahu moral dan semangat anggota ATM terjejas akibat persepsi serta kutukan yang tidak rasional, sebaliknya berharap rakyat menyokong usaha MINDEF dan pimpinan ATM mengambil tindakan sewajarnya.

"Adalah tidak adil untuk menyalahkan semua anggota ATM kerana sebahagian besar daripada mereka berkorban untuk negara," ujarnya.

Mengulas siasatan berkaitan isu 'yeye', Mohamed Khaled berkata, penyiasatan terhadap 21 pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) hampir selesai dijalankan.

Menurutnya, siasatan turut melibatkan aspek pelanggaran peraturan termasuk larangan membawa minuman keras serta membawa tetamu yang bukan dalam kalangan ahli keluarga ke kawasan pangkalan.

"Perkara ini memang ada peraturannya dan sebarang pelanggaran peraturan bakal berhadapan dengan hukuman maksimum dibuang kerja," katanya.

Beliau berkata, kejadian berkenaan dilaporkan berlaku di Pangkalan Udara Subang.

SINAR HARIAN
13.01.2026 (SELASA)

Siasatan kes pegawai tertinggi ATM dilengkapkan dalam seminggu

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan melengkapkan siasatan dalam tempoh seminggu berkenaan kes melibatkan seorang pegawai pengurusan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang disiasat berkaitan salah guna dana.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, SPRM telah selesai merakam percakapan pegawai terbabit pada Isnin.

"Beliau telah dilepaskan kira-kira jam 5 petang.

"SPRM akan melengkapkan siasatan dalam tempoh seminggu dan setakat kemas kini mengenai siasatan kes ini akan dimaklumkan kemudian dari masa ke masa," katanya pada Isnin.

Sebelum itu, difahamkan pegawai terbabit telah hadir semula ke Ibu Pejabat SPRM, kira-kira jam 10 pagi pada Isnin bagi disambung rekod keterangan.

Media tempatan sebelum ini melaporkan seorang pegawai pengurusan tertinggi ATM disiasat SPRM dan akan dituduh dalam masa terdekat.

AZAM

Azam dilaporkan berkata, siasatan membabitkan individu terbabit sudah sampai ke penghujung dan jika dipersetujui Peguam Negara, pegawai pengurusan tertinggi terbabit akan dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan.

SINAR HARIAN
13.01.2026 (SELASA)

Mindef rombak total sistem tender

Menteri ikrar pembersihan menyeluruh sistem pertahanan

LAPORAN MUKA DEPAN

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertahanan (Mindef) akan melaksanakan rombakan besar-besaran Pelan Anti Rasuah kementerian itu pada tahun ini sebagai usaha membanteras rasuah serta segala bentuk kecurangan kuasa yang membarah dalam sistem pertahanan nasional.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, rombakan berkenaan melibatkan semakan menyeluruh terhadap semua proses tender dan perolehan agar selari dengan amalan terbaik, selain menjadi antara empat teras utama pelarasan Mindef bagi tahun 2026.

"Rasuah atau persepsi rasuah, dalam apa jua bentuk di Mindef ini harus berakhir. Tidak akan ada toleransi terhadap apa jua kecurangan. Bersedialah untuk kehilangan segalanya jika anda adalah penyebab sektor keselamatan kita dikompromi," katanya ketika berucap pada Perutusan Tahun Baharu Menteri Pertahanan 2026 di Wisma Perwira di sini, pada Isnin.

Menurut beliau, amalan rasuah bukan sahaja menafikan negara daripada memiliki aset pertahanan yang bermutu, malah mengancam keselamatan anggota tentera di lapangan.

"Rasuah ialah ancaman dari dalam yang akan menewaskan kita tanpa perlu ke medan peperangan sebenar. Rasuah menyebabkan pembaziran dan ketidakcekapan serta mengurangkan keberkesanan kita sebagai agensi pertahanan nasional yang utama," ujarnya.

Mohamed Khaled berkata, rasuah turut merosakkan keperibadian anggota yang terdidik dengan disiplin tinggi serta menjejaskan keupayaan negara untuk bersaing sebagai sebuah kuasa pertengahan.

"Rasuah merupakan barah yang menyebabkan kita tidak mampu bersaing sebagai sebuah negara kuasa pertengahan.

"Kerana rasuah, berlaku ketirisan dan akhirnya kita tidak mampu memberikan yang terbaik kepada tanah air dan anggota kita," katanya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan Mindef akan terus memperkukuh penguatkuasaan peraturan serta aspek disiplin dengan lebih tegas bagi membanteras rasuah dan salah guna kuasa dalam sistem pertahanan negara.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak Ahad menyambung rakaman keterangan terhadap seorang lagi pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membantu siasatan berkaitan dakwaan penyalahgunaan dana.

Pada 8 Januari lalu, seorang bekas Panglima Tentera Darat direman selama tujuh hari, manakala kedua-dua isterinya masing-masing direman selama enam dan tiga hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan tender perolehan Tentera Darat Malaysia.

SPRM turut menyita emas, kenderaan utiliti sukan berprestasi tinggi, wang tunai dalam pelbagai mata wang asing dianggarkan bernilai RM6.9 juta serta 23 utas jam tangan jenama Rolex pelbagai model dengan anggaran nilai pasaran kira-kira RM2 juta dipercayai berkaitan siasatan kes berkenaan.

FOTO: BERNAMA

Mohamed Khaled (dua dari kiri) bergambar bersama pada Majlis Perutusan Tahun Baharu 2026 Menteri Pertahanan di Wisma Perwira, Kuala Lumpur pada Isnin. Turut serta Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari (dua dari kanan) dan Pemangku Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Dr Zulhelmy Ithnain (kiri).

BERITA HARIAN
14.01.2026 (RABU)

Bekas Pengerusi Serantau Muslim didakwa lagi

Mohd Hakim tak mengaku salah 6 tuduhan seleweng derma lebih RM570,000

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Melaka: Bekas Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim (PKSM) dituduh lagi atas enam pertuduhan menyalahgunakan harta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan nilai lebih RM570,000.

Mohd Hakim Mohd Nor, 39, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan, di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, di sini semalam.

Mengikut pertuduhan pertama hingga keenam, dia didakwa secara tidak jujur menyalahgunakan harta milik Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim, iaitu wang derma bantuan misi kemanusiaan dengan kerjasama NGO di Myanmar, Yaman, Syria dan Palestin berjumlah RM576,995.40.

Keratan akhbar BH, semalam

Dia dituduh melakukan semua kesalahan itu di Maybank Islamic Berhad, Cawangan Merlimau, Jasin, pada tarikh berbeza antara Jun 2019 hingga Mei 2021.

Mohd Hakim dituduh mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara minimum enam bulan dan maksimum lima tahun, sebat dan denda, jika disabitkan kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muaz Ahmad Khairuddin dan Asmaa' Zamri mencadangkan jaminan RM200,000 dengan mengambil kira keseriusan pertuduhan dihadapi tertuduh.

Rayu kurangkan jaminan

Peguam Azizzul Shariman Mat Yusoff yang mewakili tertuduh berhujah bahawa jaminan dicadangkan terlalu tinggi dan merayu dikurangkan antara RM20,000 hingga RM30,000 atas beberapa alasan termasuk Mohd Hakim sudah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, kelmarin atas kesalahan seksyen sama dan dibenarkan ikat jamin RM10,000.

Katanya, tertuduh yang kini berniaga secara dalam talian akan dijamin oleh isterinya yang berpendapatan RM1,500 sebulan, selain mereka turut menanggung lima anak yang masih belajar.

Peguam juga memberitahu tertuduh dijangka dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh, Perak hari ini berkaitan kes sama.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dilepaskan dengan ikat jamin RM35,000 sementara menunggu perbicaraan selesai serta menetapkan sebutan semula kes itu pada 13 Mac depan bagi serahan dokumen.

Kelmarin, Mohd Hakim dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dakwaan menyalahgunakan wang derma bantuan misi kemanusiaan berjumlah RM207,000, tujuh tahun lalu.

Harta yang didakwa disalahgunakan itu membabitkan wang derma bantuan misi kemanusiaan dengan kerjasama NGO di Myanmar, Yaman, Syria dan Palestin.

HARIAN METRO
14.01.2026 (RABU)

ASP direman empat hari bantu siasatan terima rasuah lebih RM20k

Georgetown: Seorang pegawai polis berpangkat asisten superintendan ***(gambar)*** direman empat hari bagi membantu siasatan menerima rasuah lebih RM20,000.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Nadratun Naim Mohd Saidi bermula semalam hingga 16 Januari selepas permohonan dibuat pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Suspek yang berusia 58 tahun dan berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang itu ditahan kelmarin selepas hadir memberi keterangan di pejabat SPRM kira-kira jam 10.30 malam, kelmarin.

Difahamkan aduan diterima SPRM berhubung kegiatan suspek dan risikan dijalankan beberapa tahun sebelum tangkapan dilakukan.

Suspek dikatakan menerima rasuah lebih RM20,000 antara tahun 2016 hingga 2021 daripada lima individu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO
14.01.2026 (RABU)

BEKAS MENTERI DISYAKI TERIMA RASUAH RM5 JUTA

Sila tunggu sidang media SPRM esok

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Siasatan terhadap seorang bekas menteri kerana disyaki menerima rasuah kira-kira RM5 juta serta kereta mewah membabitkan projek papan iklan dan pemindahan tanah di ibu negara masih berjalan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, perkembangan kes itu akan dimaklum nanti.

"Sidang media akan diadakan pada 15 Januari ini untuk memberikan perkembangan terkini merangkumi tempoh sejak tahun lalu hingga awal tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas majlis pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) SPRM dan HELP University di sini, semalam.

AZAM bertemu anggota media selepas majlis pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) SPRM dan HELP University, semalam. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

Sebelum ini, media melaporkan SPRM menyiasat bekas menteri berkenaan kerana didakwa menerima wang kira-kira RM5 juta daripada syarikat pemaju.

Selain itu, beliau juga didakwa menerima kereta mewah Lamborghini daripada syarikat pembuat papan iklan.

Bekas menteri itu sudah hadir ke Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya bagi dirakam keterangan dan siasatan sedang dijalankan untuk mengesan punca pembayaran kereta mewah berkenaan.

Bagi kes tanah pula, siasatan awal mendapati tanah yang sebelum ini digazetkan untuk pembinaan surau dipindah milik kepada syarikat proksi.

Dalam pada itu, seramai 16 saksi yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan pemilik syarikat dirakam keterangan bagi membantu siasatan terhadap kedua-dua kes.

HARIAN METRO
14.01.2026 (RABU)

Keputusan sambung reman bekas PTD ikut keperluan siasatan

Kuala Lumpur: Keputusan sama ada bekas Panglima Tentera Darat (PTD) akan disambung reman atau tidak bergantung kepada keperluan siasatan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, buat masa ini, beliau tidak boleh memberikan sebarang pengesahan kerana masih mempunyai satu hari lagi.

Menurutnya, jika memerlukan tempoh tambahan, SPRM akan memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan lanjutan reman.

"Sebenarnya kita mempunyai tempoh 14 hari. Jadi, sekiranya esok (hari ini) genap tujuh hari, ia bergantung kepada keperluan siasatan (sambung reman).

"Jika memerlukan tempoh tambahan, kita akan memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan lanjutan reman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas majlis pemeteraian Memorandum Persefahaman (Mou) SPRM dan HELP University di sini, semalam.

Beliau menjelaskan akan memberi perkembangan lanjut berkaitan kes itu pada sidang media SPRM Khamis ini.

Harian Metro melaporkan seorang bekas Panglima Tentera Darat direman selama tujuh hari bermula Khamis lalu bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan rangkaian kartel tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

SPRM pada 23 Disember tahun lalu hadir ke Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan menyiasat projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

Pada 24 Disember 2025, SPRM memanggil tiga individu untuk dirakam keterangan berhubung kes itu.

HARIAN METRO
14.01.2026 (RABU)

Melaka

Kena enam pertuduhan seleweng derma RM576k

Bekas Pengerusi Serantau Muslim nafi dakwaan salah guna harta pertubuhan

MOHD Hakim (tengah) diiringi pegawai SPRM ketika hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/RAIHANA MANSOR

Bekas Pengerusi Badan Bukan Kerajaan (NGO) Serantau Muslim Mohd Hakim Mohd Nor didakwa lagi, kali ini di Mahkamah Sesyen Melaka di sini semalam atas enam pertuduhan menyalahgunakan harta milik pertubuhan itu.

Mohd Hakim, 39, didakwa telah menyalahgunakan wang derma bantuan bagi misi kemanusiaan yang dikutip pertubuhan itu dengan kerjasama NGO di Myanmar, Yaman, Syria dan Palestin berjumlah RM576,995.40.

Tertuduh mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Dia dituduh melakukan semua kesalahan itu di sebuah bank, Cawangan Merlimau, Jasin antara Jun 2019 hingga Mei 2021 mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara minimum enam bulan dan tidak lebih lima tahun, sebat dan denda jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Muaz Ahmad Khairuddin dan Asmaa' Zamri mencadangkan jaminan RM200,000 dengan mengambil kira keseriusan kesalahan itu.

Peguam Azizzul Shariman Mat Yusoff memohon jaminan dikurangkan antara RM20,000 hingga RM30,000 memandangkan anak guamnya telah didakwa kelmarin di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur selain bakal penjamin adalah isterinya yang berpendapatan RM1,500 sebulan.

Mahkamah membenarkan jaminan RM35,000 terhadap Mohd Hakim dengan seorang penjamin dan menetapkan 13 Mac ini untuk sebutan semula kes.

Lelaki itu juga dijangka dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh, Perak hari ini berkaitan kes sama.

Kelmarin, Mohd Hakim dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dakwaan menyalahgunakan wang derma bantuan misi kemanusiaan berjumlah RM207,000, tujuh tahun lalu.

SINAR HARIAN
14.01.2026 (RABU)

SPRM nilai keperluan lanjut siasatan

Reman bekas Panglima Tentera Darat belum diputuskan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR – Keputusan sama ada tempoh reman bekas Panglima Tentera Darat (PTD) akan dilanjutkan atau sebaliknya bergantung kepada keperluan siasatan kes tender perolehan yang sedang dijalankan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya masih mempunyai tempoh satu hari sebelum perintah reman terhadap bekas pegawai tertinggi tentera itu tamat pada Rabu.

"Saya tidak boleh mengesahkan perkara itu buat masa ini kerana masih berbaki satu hari kerana ia perlu disemak dengan pegawai penyiasat.

"Sebenarnya kita mempunyai tempoh maksimum 14 hari reman. Jika esok (Rabu) genap tujuh hari (reman) dan jika siasatan memerlukan masa tambahan, kita akan memohon lanjutan reman di mahkamah," katanya selepas ditemui dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara SPRM dan HELP University serta Pelancaran Siri Forum Tadbir Urus dan Integriti 2026 pada Selasa.

Mengulas kemungkinan penglibatan pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) lain, Azam berkata, perkara itu akan dimaklumkan dalam sidang akhbar pada Khamis.

"Perkara itu saya akan jelaskan kepada anda semua kemudian. Saya akan kemas kini pada 15 hari bulan," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan SPRM menahan reman bekas Panglima Tentera Darat dan dua isterinya bagi membantu siasatan berkaitan dakwaan penerimaan rasuah melibatkan projek tender perolehan Tentera Darat Malaysia.

Bekas pegawai terbabit direman tujuh hari sehingga 14 Januari manakala isteri pertama direman tiga hari sehingga 10 Januari dan isteri kedua pula enam hari sehingga 13 Januari.

Dalam prosiding di Mahkamah Majistret Putrajaya, Pegawai Penyiasat SPRM memohon perintah reman terhadap suspek utama atas alasan siasatan melibatkan dakwaan penerimaan wang rasuah secara terancang, yang dipercayai melibatkan rangkaian rasuah lebih luas serta kemungkinan penglibatan beberapa pegawai lain.

Permohonan reman turut dibuat bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan lanjut termasuk meneliti sejumlah besar dokumen berkaitan perolehan serta mengesan aset dan proksi disyaki digunakan.

Sementara itu, Azam mengesahkan akan menemui Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin bagi membincangkan lebih lanjut berkenaan isu perolehan kementerian berkenaan.

Menurutnya, ia satu perkara yang menjadi isu diperkatakan oleh masyarakat tentang perolehan di Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang perlu diteliti berdasarkan kes yang disiasat sekarang.

"Peranan kami (SPRM) selepas pada ini, mungkin dalam tempoh terdekat minggu depan, saya akan membuat kunjungan hormat kepada beliau (Mohamed Khaled) dan juga kepada ketua setiausaha untuk bincang lebih lanjut banyak isu perolehan di MINDEF.

"Cuba bayangkan sendiri sebesar mana masalah ini berdasarkan pangkat (pegawai) terlibat (kes). Ia memang besar," katanya.

MINDEF sebelum itu menegaskan akan melaksanakan rombakan pelan antirasuah besar-besaran bagi membanteras rasuah dan segala kecurangan kuasa dalam sistem pertahanan nasional

Menurut Khaled Nordin, semua proses tender dan perolehan akan disemak semula serta diperbaiki selari amalan terbaik.

Ketika ditanya sama ada SPRM akan menyerahkan input hasil siasatan kepada MINDEF, kata Azam, pihaknya tidak boleh melihat semata-mata satu isu yang berlaku dalam kementerian terbabit.

Tetapi jelasnya, perkara-perkara mengenai isu peraturan, prosedur dan ketirisan antara yang menjadi perhatian SPRM.

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

Azam semasa berucap di Majlis MoU antara SPRM dan HELP University di Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada Selasa.

SINAR HARIAN
14.01.2026 (RABU)

Bekas Pengerusi NGO didakwa lagi

Salah guna wang misi kemanusiaan babitkan lebih RM576,000

Oleh NORAFIZA JAAFAR

MELAKA – Bekas Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim sekali lagi didakwa atas pertuduhan salah guna wang misi kemanusiaan membabitkan lebih RM576,000 di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini pada Selasa.

Tertuduh, Mohd Hakim Mohd Nor, 39, berdepan enam pertuduhan dan mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Tertuduh didakwa, sebagai pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) itu, secara tidak jujur telah menyalahgunakan harta milik pertubuhan berkenaan iaitu wang derma bantuan misi kemanusiaan dengan kerjasama NGO di Myanmar, Yaman, Syria dan Palestin.

Pertuduhan pertama membabitkan salah guna wang sebanyak RM451,000, kedua RM12,000, ketiga RM80,000, keempat RM4,000, kelima RM19,995.40 dan keenam RM10,000.

Perbuatan itu didakwa dilakukan antara Jun 2019 hingga Mei 2021 di sebuah bank cawangan di Merlimau, Melaka.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang memperuntukkan hukuman penjara antara enam bulan hingga lima tahun, sebatan dan denda, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muaz Ahmad Khairuddin, mencadangkan mahkamah mengenakan jaminan RM200,000 dengan mengambil kira keseluruhan amaun dan keseriusan kes.

Bagaimanapun, peguam Azizzul Shariman Mat Yusoff yang mewakili tertuduh memohon agar jaminan dikurangkan antara RM20,000 hingga RM30,000 kerana jumlah jaminan yang dicadangkan terlalu tinggi.

Menurutnya, tertuduh hanya diarahkan hadir minggu lalu dan telah hadir pada jam 8.30 pagi ini selain berulang-alik ke SPRM untuk membantu siasatan serta memberikan kerjasama yang baik.

"Semalam, anak guam telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur membabitkan kes berjumlah RM207,000 dan ditawarkan ikat jamin RM10,000.

"Dimaklumkan anak guam juga akan menghadapi satu lagi pertuduhan di Mahkamah Sesyen Ipoh, Perak. Justeru bagi memastikan kehadirannya, mohon mahkamah memberikan jaminan yang mampu dibayar," katanya.

Beliau turut memohon jaminan rendah memandangkan penjamin merupakan isteri tertuduh yang berpendapatan RM1,500 sebulan serta menanggung tiga anak dan ibu bapa yang telah berusia.

Hakim Elesabet membenarkan jaminan keseluruhan RM35,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan sebutan semula kes pada 13 Mac depan.

Mohd Hakim berdepan enam pertuduhan di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh pada Selasa.

BERITA HARIAN
15.01.2026 (KHAMIS)

6 polis termasuk pesara direman kes rasuah RM150,000

Georgetown: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang menahan enam lagi individu, iaitu empat pegawai, seorang anggota dan pesara polis susulan siasatan berkaitan dakwaan rasuah untuk melindungi aktiviti perniagaan melanggar undang-undang kira-kira RM150,000.

Majistret Shyahirah Abdul Salim membenarkan perintah reman lima hari bermula semalam sehingga 18 Januari selepas permohonan dikemuka SPRM di Mahkamah Majistret, di sini semalam.

Menurut sumber, semua individu berusia 40-an hingga 60-an terbabit ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Pulau Pinang antara jam 11 pagi hingga 5 petang kelmarin.

"Semua mereka ditahan bagi membantu siasatan meminta dan menerima rasuah kira-kira RM150,000 sebagai balasan tidak mengambil tindakan terhadap pemilik pusat hiburan, pusat urut dan judi haram yang melakukan kesalahan undang-undang.

"Berdasarkan siasatan awal, semua mereka dipercayai melakukan perbuatan itu antara 2016 hingga 2021 dengan menerima rasuah antara RM500 hingga RM2,000 setiap bulan," katanya.

Difahamkan, suspek menerima wang rasuah melalui transaksi pemindahan dalam talian ke akaun pihak ketiga daripada pemilik syarikat pinjaman wang berlesen dan perkhidmatan kesihatan untuk menyembunyikan dari sumber mana aliran wang itu diterima.

Terdahulu suspek terdiri daripada empat pegawai berpangkat Asisten Superintendan (ASP), sarjan dan pesara polis yang juga bekas sarjan tiba di pekarangan mahkamah dengan tangan bergari dan memakai baju lokap SPRM kira-kira jam 9 pagi.

Empat pegawai polis, seorang anggota dan seorang pesara polis dibawa ke Mahkamah Majistret Georgetown, semalam untuk mendapatkan reman bagi membantu siasatan kes rasuah. (Foto Aminah Yusof/BH)

Peguam K Mahendaran mewakili suspek berpangkat ASP berusia 46 tahun, manakala A Mahesh mewakili seorang lagi pegawai ASP berusia 45 tahun, sementara empat yang lain diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

HARIAN METRO
15.01.2026 (KHAMIS)

Leftenan Jeneral pula ditahan SPRM

Pegawai tinggi ATM ditahan bantu siasatan kartel tender tentera

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Seorang lagi pegawai tinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan kartel projek tender perolehan tentera darat.

Mengesahkan perkara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pegawai tinggi ATM berpangkat Leftenan Jeneral terbabit ditahan jam 11 pagi semalam bagi membantu siasatan lanjut kes ini.

Menurutnya, sementara itu, bekas Panglima Tentera Darat (PTD) sudah dibebaskan daripada reman pada jam 6.30 petang Isnin lalu.

"Sebarang kemas kini mengenai kes ini akan dimaklumkan pada sidang media SPRM pada esok," katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu dua isteri bekas PTD turut dibebaskan selepas tempoh reman mereka tamat.

SPRM pada 23 Disember tahun lalu hadir ke Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan menyiasat projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

Pada 24 Disember tahun lalu, SPRM sudah memanggil tiga individu untuk dirakam keterangan berhubung kes berkenaan.

Susulan itu, SPRM menyita enam akaun bank dipercayai milik seorang pegawai kanan tentera darat dan ahli keluarganya bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan perolehan projek Tentera Darat Malaysia.

SPRM juga menyita aset mewah bernilai lebih RM2.2 juta susulan penggeledahan di sebuah kediaman di Pantai Timur dipercayai milik isteri kedua kepada bekas pegawai tertinggi tentera darat dan menemui 23 jam tangan Rolex.

AZAM mengesahkan penahanan pegawai tinggi ATM berkaitan kartel tender perolehan.

HARIAN METRO
15.01.2026 (KHAMIS)

Bekas PTD sudah bebas tahanan reman

Kuala Lumpur: Bekas Panglima Tentera Darat (PTD) dilepaskan dari reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pada Isnin lalu susulan penahanan bagi membantu siasatan kes tender perolehan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

BH difahamkan, proses mendapatkan keterangan pegawai tinggi berusia 58 tahun itu sudah dilengkapkan oleh pegawai penyiasat SPRM.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan berkata pihaknya sudah membebaskan PTD daripada tahanan reman pada jam 6.30 petang, pada Isnin lalu.

Pada 7 Januari lalu, bekas PTD bersama bersama dua isterinya ditahan SPRM berkait projek perolehan tender tentera darat dan keesokan harinya, pegawai itu direman selama tujuh hari manakala kedua-dua isterinya masing -masing direman tiga dan enam hari.

Keesokan harinya, pegawai itu direman selama tujuh hari manakala kedua-dua isterinya masing -masing direman tiga dan enam hari.

Sebelum ini, SPRM memaklumkan, bekas PTD itu dikehendaki memberi keterangan pada 28 Disember tahun lalu, namun tidak dapat berbuat demikian kerana dimasukkan ke hospital.

SPRM juga hadir ke Kementerian Pertahanan pada 23 Disember lalu, bagi memulakan siasatan awal terhadap beberapa projek membabitkan tentera darat sejak 2023.

HARIAN METRO
15.01.2026 (KHAMIS)

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

MOHD Hakim didakwa lagi di Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam. - Gambar NSTP/L MANIMARAN

KES SALAH GUNA WANG BABIT BEKAS PENGERUSI SERANTAU MUSLIM

Kena lagi 10 pertuduhan!

Bekas Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim (Serantau Muslim) didakwa lagi di Mahkamah Sesyen Ipoh di sini, semalam atas 10 pertuduhan salah guna wang derma bantuan misi kemanusiaan yang membabitkan nilai keseluruhan RM631,373.13.

Mohd Hakim Mohd Nor, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Tertuduh didakwa, sebagai pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) itu secara tidak jujur menyalahgunakan harta milik pertubuhan berkenaan iaitu wang derma bantuan misi kemanusiaan dengan kerjasama NGO di Myanmar, Yaman, Syria dan Palestin.

Pertuduhan pertama membabitkan salah guna wang sebanyak RM3,000, kedua RM24,121.59, ketiga RM160,000, keempat RM48,000, kelima RM25,000, keenam RM120,002, ketujuh RM40,001.50, kelapan RM34,415, kesembilan RM40,000, dan kesepuluh RM136,833.04.

Perbuatan itu didakwa dilakukan antara Januari 2018 hingga Disember 2021 di tiga bank cawangan di Ipoh, Batu Gajah, dan Seri Iskandar.

Semua 10 pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang memperuntukkan hukuman penjara antara enam bulan hingga lima tahun, sebatan dan denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Muaz Ahmad Khairuddin serta Asmaa' Zamri manakala tertuduh diwakili peguam, Azizzul Shariman Mat Yusoff.

Perbuatan didakwa dilakukan antara Januari 2018 hingga Disember 2021

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk kes dipindahkan dan dibicarakan bersama di Mahkamah Sesyen 1 Ayer Keroh, Melaka.

Semalam, Mohd Hakim didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh Melaka atas enam pertuduhan salah guna wang misi kemanusiaan membabitkan lebih RM576,000.

Manakala Isnin lalu, Mohd Hakim dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dakwaan menyalahgunakan harta pertubuhan Serantau Muslim berjumlah RM207,000, tujuh tahun lalu.

BERITA HARIAN
15.01.2026 (KHAMIS)

Kes rasuah tender perolehan TDM

Seorang lagi pegawai kanan ATM ditahan

Bekas Panglima Tentera Darat dibebas reman, perkembangan kes didedah hari ini

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Bekas Panglima Tentera Darat bersama dua isteri dibawa ke Mahkamah Putrajaya untuk permohonan reman pada Khamis lalu. Bekas Panglima Tentera Darat kini dibebas daripada reman. (Foto fail)

Kuala Lumpur: Seorang lagi pegawai tinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes tender perolehan membabitkan bekas Panglima Tentera Darat (PTD).

Difahamkan, pegawai kanan ATM itu hadir ke ibu pejabat SPRM di Putrajaya, kira-kira jam 10 pagi semalam bagi dirakam keterangan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

Beliau berkata, pegawai kanan itu ditahan jam 11 pagi semalam untuk membantu siasatan kes itu.

"Saya tidak dapat memberikan butiran lanjut, sebaliknya akan mendedahkan perkembangan ini pada sidang media khas esok (hari ini)," katanya kepada *BH*, di sini semalam.

Selain itu, Azam mengesahkan bekas PTD dilepaskan daripada reman SPRM susulan penahanan bagi membantu siasatan kes tender perolehan ATM.

Beliau berkata, pihaknya sudah membebaskan PTD daripada tahanan reman pada jam 6.30 petang Isnin lalu.

Keterangan sudah lengkap

BH difahamkan, proses mendapatkan keterangan pegawai tinggi berusia 58 tahun itu sudah dilengkapkan pegawai penyiasat SPRM.

Pada 7 Januari lalu, bekas PTD bersama dua isterinya ditahan SPRM berkait projek perolehan tender tentera darat dan keesokan pegawai itu direman selama tujuh hari, manakala kedua-dua isterinya masing-masing direman tiga dan enam hari.

Sebelum ini, SPRM memaklumkan, bekas PTD itu dikehendaki memberi keterangan pada 28 Disember tahun lalu, namun tidak dapat berbuat demikian kerana dimasukkan ke hospital.

Agensi penguat kuasa itu juga hadir ke Kementerian Pertahanan pada 23 Disember lalu, bagi memulakan siasatan awal terhadap beberapa projek membabitkan tentera darat sejak 2023.

SINAR HARIAN
15.01.2026 (KHAMIS)

Budaya tular ancam integriti digital

Dari kiri: Ismail, Awang Azman, Badlishah dan Salwa ketika Program Forum Khas Integriti Di Era Digital di Studio F *Sinar Harian*.

Perkembangan teknologi terlalu pantas ubah cara manusia bertindak

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY MAT NOOR

SHAH ALAM - Perkembangan teknologi digital yang pesat hari ini bukan sahaja mengubah cara masyarakat berfikir dan berinteraksi, malah mencetuskan krisis nilai, autoriti serta budaya apabila prinsip integriti semakin terhakis dalam ruang maya.

Pengarah Pusat Kecemerlangan Melayu Universiti Malaya (UM), Datuk Profesor Dr Kolonel Awang Azman Awang Pawi berkata, integriti sering disalah tafsir sebagai kejujuran individu semata-mata, sedangkan hakikatnya ia merupakan satu set nilai kompleks yang membentuk persepsi, norma, tanggungjawab dan kefahaman hidup dalam masyarakat.

"Integriti ini mudah disebut tetapi sangat mencabar untuk dilaksanakan kerana ia sepatutnya bermula daripada diri sendiri, keluarga, komuniti dan masyarakat.

"Apabila sistem nilai ini tergugat, pelbagai kesan boleh berlaku," ujarnya ketika menjadi panel Forum Khas Integriti di Era Digital anjuran *Sinar Harian* yang dihoskan Ismail Adnan pada Rabu.

Menurut beliau, perkembangan teknologi yang terlalu pantas telah mengubah cara manusia bertindak dan menilai sesuatu sehingga mewujudkan krisis nilai apabila masyarakat gagal membezakan antara benar dan palsu, baik dan buruk.

Selain itu katanya, krisis autoriti turut berlaku apabila institusi seperti agama, ilmu dan kepimpinan tidak lagi diyakini susulan kemunculan golongan 'pakar jadi-jadian' yang muncul hasil akses mudah kepada maklumat tanpa asas ilmu yang kukuh.

"Apabila isu tata kelola dan rasuah dibongkarkan, masyarakat menjadi semakin sinikal. Persepsi berubah dan generasi muda pula semakin hilang kepercayaan terhadap institusi yang sepatutnya mempertahankan nilai," ujarnya.

Beliau turut menegaskan, budaya sensasi dan tular tanpa semakan menjadi punca krisis budaya apabila amalan 'tular dahulu, semak kemudian' semakin menular dan merosakkan sistem nilai yang selama ini dipertahankan institusi masyarakat.

Nilai etika dan moral

Sementara itu, Presiden IKRAM, Badlishah Sham Baharin pula berkata, era digital menyaksikan sempadan antara hak dan batil serta benar dan palsu semakin kabur.

Jelasnya, keinginan untuk mendapatkan perhatian, *like* dan populariti menyebabkan nilai etika dan moral diketepikan manakala platform media sosial pula memanfaatkan psikologi manusia dengan menyebarkan kandungan berunsur ancaman, ketakutan dan keresahan bagi meningkatkan trafik.

"Budaya 'viral dulu, semak kemudian' inilah yang menjadi masalah besar. Kandungan yang menimbulkan rasa takut atau ancaman mudah menjadi tular dan akhirnya menjana keuntungan melalui pengiklanan," ujarnya.

Beliau menegaskan peranan agama dan moral amat penting sebagai benteng dalaman bagi membina kepercayaan dan kawalan diri agar masyarakat lebih berhati-hati dalam menilai maklumat di ruang digital.

AI bukan punca

Dalam perkembangan sama, Ketua Pegawai Eksekutif SalamPro Group merangkap jurulatih profesional, Salwa Mohd Saleh berkata, teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) bukan punca keruntuhan integriti, sebaliknya hanya menyerlahkan nilai dalaman pengguna itu sendiri.

"Jika pengguna berintegriti dan mempunyai kompas moral yang baik, hasil penggunaan AI juga baik. Jika sebaliknya, maka kesannya juga negatif," ujarnya.

Beliau merujuk tindakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama Kementerian Komunikasi yang mengarahkan penghentian sementara satu ciri aplikasi X di Malaysia susulan penyalahgunaan oleh pengguna tidak berintegriti.

Menurutnya, terdapat juga kes penipuan bantuan sosial yang berlaku tanpa melibatkan AI, sekali gus membuktikan bahawa isu sebenar ialah integriti manusia, bukan teknologi.

> Integriti ini mudah disebut tetapi sangat mencabar untuk dilaksanakan kerana ia sepatutnya bermula daripada diri sendiri, keluarga, komuniti dan masyarakat."

BERITA HARIAN
16.01.2026 (JUMAAT)

Kes rasuah, salah guna kuasa dan pengubahan wang haram

4 pegawai kanan ATM termasuk bekas PTD didakwa minggu depan

Tindakan berhubung 2 kes siasatan SPRM dalam Op Parasit dan Op Star

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sekurang-kurangnya empat pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), termasuk bekas Panglima Tentera Darat (PTD), akan didakwa di mahkamah minggu depan berhubung kes rasuah, salah guna kuasa dan pengubahan wang haram.

Tindakan itu adalah berhubung dua kes siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam Op Parasit yang mana membabitkan bekas PTD dan Op Star yang membabitkan bekas pegawai kanan ATM.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, dalam kes Op Parasit, sekurang-kurangnya dua pegawai tertinggi ATM termasuk bekas PTD akan dikenakan tindakan mahkamah minggu depan berkaitan kes tender perolehan dalam ATM.

Beliau berkata 23 individu ditahan untuk membantu siasatan berhubung kes itu dan siasatan dijangka selesai dan kertas siasatan diserahkan kepada pendakwaraya Isnin ini.

"Siasatan masih diteruskan dan saya sudah arahkan pegawai penyiasat untuk segerakan siasatan.

"Saya sudah memberi arahan supaya kertas siasatan siap Isnin ini dan seterusnya dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk dibuat keputusan.

"Dalam kes ini, sekurang-kurangnya satu atau dua pegawai akan dituduh," katanya pada sidang media perkembangan terkini siasatan kes membabitkan pegawai tertinggi tentera di Ibu Pejabat SPRM, di sini semalam.

Katanya, sebanyak 22 kertas siasatan dibuka membabitkan kesalahan predikat (jenayah asal) dan satu berhubung pengubahan wang haram.

Beliau berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009 berkaitan salah guna kuasa dan Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 bagi pengubahan wang haram.

Beliau berkata, 30 saksi dipanggil memberi keterangan bagi membantu siasatan kes itu.

Katanya, siasatan bermula hanya dengan maklumat yang agak terhad berkaitan transaksi wang dan ia menjadi cabaran kepada pegawai penyiasat untuk membuktikannya dalam tempoh singkat berlainan prosedur ketat perbankan.

Bagaimanapun katanya, kerjasama Bank Negara Malaysia dan pihak institusi kewangan membantu mempercepatkan pembekalan dokumen penting.

"Siasatan lanjut menyiasat kes membabitkan isu pendalian, termasuk mengenal pasti kontrak terbabit serta pihak pemberi wang dengan 27 kontraktor ditahan bagi membantu siasatan sebelum semuanya dibebaskan.

"Hasil siasatan dan pertukaran SPRM berjaya mengesan aset setara bahan bukti berkaitan dalam tempoh dua minggu; satu pencapaian membanggakan hasil dedikasi dan komitmen pegawai saya yang menjelankan siasatan sejak akhir tahun lalu," katanya.

Bekas PTD itu dilaporkan dibebaskan jam 6.35 petang Isnin lalu selepas tempoh tahanan reman tamat.

Disiasat sejak 7 Oktober lalu

Sementara itu, dalam Op Star, Azam berkata SPRM akan mencadangkan 'sekurang-kurangnya dua' pegawai kanan ATM didakwa yang mana kertas siasatan dijangka diserahkan pada Timbalan Pendakwa Raya selewat-lewatnya Jumaat ini.

Katanya, kes berkenaan membabitkan seorang pegawai tinggi ATM yang dirakam keterangan berkait kes rasuah dalam urusan perolehan serta salah guna dana kebajikan.

Katanya, kes itu disiasat sejak 7 Oktober tahun lalu dan tidak diumumkan sebelum ini kerana sifatnya yang sensitif serta kedudukan individu yang disiasat.

"Pegawai kanan terbabit dipanggil ke ibu pejabat SPRM pada Ahad dan Isnin lalu adalah untuk membantu SPRM melengkapkan siasatan," katanya.

Beliau berkata selain pegawai kanan terbabit, ada seorang bekas pegawai kanan juga dipanggil dan ditahan, kelmarin berkait kes sama.

"Kedua-duanya telah ditahan, cuma kita tidak membawa mereka ke permohonan reman bagi tujuan penyiasatan lanjut kerana seperti saya sebutkan tadi, kita telah mula siasatan sejak 7 Oktober tahun lalu.

"Mereka dipanggil sebelum ini untuk membantu siasatan (peringkat) akhir kes ini," katanya.

Azam berkata siasatan memfokuskan kepada dakwaan meminta dan menerima rasuah daripada syarikat berkait urusan perolehan pembekalan kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) serta Kementerian Pertahanan (MINDEF).

Katanya siasatan turut menjurus kepada dakwaan salah guna dana TKAT bagi kepentingan peribadi serta aktiviti yang tidak berkaitan dengan tujuan kebajikan.

"Dakwaan membabitkan permintaan dan penerimaan rasuah berhubung urusan perolehan serta salah guna dana kebajikan untuk kepentingan peribadi dan aktiviti yang tidak berkaitan.

"Kes ini disiasat mengikut beberapa peruntukan undang-undang berkait rasuah dan salah guna amanah," katanya.

Menurut beliau, setakat ini SPRM sudah menahan enam pegawai ATM, termasuk dua pegawai tinggi dan empat pegawai kanan, selain menahan sembilan individu awam bagi membantu siasatan.

"Selain itu, SPRM sudah merakam percakapan seramai 35 saksi bagi melengkapkan siasatan kes ini," katanya.

BARANG DISITA DARI DUA KEDIAMAN PANGLIMA TENTERA DARAT

RM4.4 juta
wang tunai

Mata wang asing bernilai
RM1.4 juta

Sebuah kereta Range Rover SVR bernilai
RM360,000

26 unit jam bernilai
RM2.3 juta

Barang kemas bernilai
RM294,039

Dua cincin berlian bernilai
RM20,000

Jongkong emas seberat 3.7 kilogram bernilai
RM2.5 juta

Medalion emas 150 gram bernilai
RM102,000

Dua dinar emas seberat 8.5 gram bernilai
RM5,780

Antara bangunan yang membabitkan bekas PTD

75 akaun syarikat bernilai RM32.5j dibeku

Putrajaya: Sebanyak 75 akaun syarikat bernilai RM32.5 juta dibekukan dalam Op Parasit berhubung kes rasuah dan salah guna kuasa yang disyaki membabitkan bekas Panglima Tentera Darat (PTD).

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata jumlah aset yang disita secara keseluruhan dalam kes berkenaan yang dilakukan dalam Op Parasit pula ialah sebanyak RM 11.4 juta.

Katanya semua sitaan wang dan aset berkenaan dibuat di dua lokasi di Kuala Lumpur dan Besut, Terengganu.

"Satu lokasi di sebuah residensi di Kuala Lumpur, sebuah rumah dikatakan rahsia, manakala sebuah lagi adalah di Besut.

"Pegawai bergegas ke Terengganu dua kali ke sana bagi mendapatkan barang-barang kes ini hasil daripada maklumat yang diterima," katanya pada sidang media semalam.

Pada 7 Januari lalu, bekas PTD bersama dua isterinya ditahan oleh SPRM berkait projek perolehan tender tentera darat dan keesukan harinya, pegawai itu direman selama tujuh hari, manakala kedua-dua isterinya masing-masing direman tiga dan enam hari.

Beku aset RM4.7 juta

Sementara itu, katanya dalam siasatan Op Star membabitkan seorang pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), SPRM menyita dan membekukan aset bernilai keseluruhan RM4.7 juta merangkumi kenderaan, emas, wang tunai serta mata wang asing, selain pembekuan akaun syarikat dan akaun peribadi.

"Sitaan melibatkan dua kenderaan mewah iaitu Mercedes A180 dan Toyota Vellfire, sebuah Proton Iriz serta dua motosikal Yamaha Xmax 250 dan Honda Adv 150.

"SPRM turut menyita wang tunai berjumlah RM1.3 juta, mata wang asing bernilai RM21,500 serta 66 kepingan emas seberat 2.49 kilogram dengan anggaran nilai RM1.7 juta.

"Sebanyak lapan akaun syarikat dan empat akaun syarikat peribadi dibekukan dalam siasatan ini," katanya.

SINAR HARIAN
16.01.2026 (JUMAAT)

Aset jutaan ringgit dicadang dilucut hak, serah kepada kerajaan

PUTRAJAYA - Aset bernilai jutaan ringgit yang dirampas dalam siasatan melibatkan seorang bekas Panglima Tentera Darat (PTD) akan dicadangkan dilucut hak dan diserahkan kepada kerajaan untuk manfaat kepada rakyat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, permohonan pelucuthakan sedang disiapkan mengikut prosedur mahkamah ketika ini.

"Tindakan itu bagi memastikan semua aset berkenaan diserah milik secara sah kepada kerajaan mengikut peruntukan undang-undang.

"Bagaimanapun tindakan itu bergantung kepada Timbalan Pendakwa Raya selain memerlukan kebenaran mahkamah di bawah Seksyen 41 Akta SPRM 2009," katanya.

Katanya, keseluruhan barangan disita berjumlah RM 11.4 juta melibatkan siasatan terhadap bekas pegawai tertinggi Tentera Darat itu.

"Antara barangan disita melibatkan wang tunai berjumlah RM4.4 juta, mata wang asing bernilai RM1.4 juta, sebuah kereta Range Rover SVR bernilai RM360,000 dan 26 unit jam tangan mewah bernilai RM2.3 juta.

"Turut disita melibatkan pelbagai barang kemas bernilai RM294,039.90, dua cincin berlian RM20,000, jongkong emas seberat 3.7 kilogram bernilai RM2.5 juta, medalion emas 150 gram bernilai RM102,000 dan dua dinar emas seberat 8.5 gram bernilai RM5,780," katanya.

Menurutnya, kesemua berangan berkenaan dirampas di sebuah rumah di Kuala Lumpur dan di Besut, Terengganu.

"Sebanyak 75 akaun syarikat berjumlah RM32.5 juta turut dibekukan bagi membantu siasatan," katanya.

SINAR HARIAN
16.01.2026 (JUMAAT)

2 pegawai ATM akan didakwa

Kes rasuah kartel tender perolehan TDM

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL dan MUHAMMAD AMINURALIFF MOHD ZOKI

LAPORAN MUKA DEPAN

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) mencadangkan sekurang-kurangnya dua pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) didakwa di mahkamah berkaitan kes rasuah membabitkan rangkaian kartel tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM) minggu depan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, beberapa kertas siasatan berhubung kes itu akan dilengkapkan dan dirujuk kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Isnin ini bagi mendapatkan arahan lanjut untuk tujuan pertuduhan kes itu.

"Siasatan masih diteruskan dan saya sudah mengarahkan pegawai penyiasat untuk menyegerakan siasatan itu.

"Beberapa kertas siasatan dijangka disiapkan Isnin depan dan kita akan merujuk ia kepada TPR untuk keputusan lanjut dengan cadangan pertuduhan membabitkan seorang atau dua individu," katanya pada sidang akbar khas di pejabatnya di sini pada Khamis.

Mengulas lanjut, Azam berkata, pihaknya menahan 23 individu dengan membuka siasatan membabitkan 22 *predicate offense*.

"Kita turut membuka satu kertas siasatan membabitkan pengubahan wang haram.

"Setakat ini, kita sudah merakam percakapan 30 saksi sepanjang dua minggu tempoh siasatan dijalankan bagi membantu siasatan kes berkenaan melalui Op Parasit.

Sementara itu, beliau berkata, walaupun siasatan bermula hanya dengan maklumat terhad berkaitan transaksi wang dan ia menjadi cabaran kepada pegawai penyiasat untuk membuktikannya dalam tempoh singkat berikutan prosedur ketat perbankan.

Bagaimanapun katanya, kerjasama Bank Negara Malaysia dan pihak institusi kewangan membantu mempercepatkan pembekalan dokumen penting.

"Siasatan lanjut mendapati kes membabitkan isu perolehan, termasuk mengenal pasti kontrak terbabit serta pihak pemberi wang dengan 27 kontraktor ditahan bagi bantu siasatan sebelum semua dibebaskan.

"Hasil siasatan dan perisikan SPRM berjaya mengesan aset serta bahan bukti berkaitan dalam tempoh dua minggu, satu pencapaian membanggakan hasil dedikasi dan komitmen pegawai saya yang menjalankan siasatan sejak akhir tahun lalu," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, bekas Panglima Tentera Darat (PTD) sudah dibebaskan daripada reman pada jam 6.30 petang Isnin.

Terdahulu dua isteri bekas PTD turut dibebaskan selepas tempoh reman mereka tamat.

SPRM pada 23 Disember tahun lalu hadir ke Kementerian Pertahanan (Mindef) dan menyiasat projek-projek yang dilaksana melalui kaedah perolehan secara tender terbuka serta perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat.

Pada 24 Disember tahun lalu, SPRM sudah memanggil tiga individu untuk dirakam keterangan berhubung kes berkenaan.

Laporan *Sinar Harian* mengenai kes rasuah membabitkan rangkaian kartel tender perolehan TDM.

KRONOLOGI KARTEL PEROLEHAN TDM

22 DISEMBER 2025
- Satu laporan polis dibuat terhadap seorang pegawai atasan ATM berhubung dakwaan berkaitan isu pengubahan wang haram.
- Laporan dakwaan itu dibuat Aktivis Pembela Tanah Air (PETA), Badrul Hisham Shaharin di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

23 DISEMBER 2025
- SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan (Mindef) bagi memulakan siasatan awal terhadap projek melibatkan Tentera Darat dari tahun 2023 hingga kini.

27 DISEMBER 2025
- Aktivis Pembela Tanah Air (PETA), Badrul Hisham Shaharin menggesa SPRM membekukan akaun milik pegawai kanan tentera dan ahli keluarganya terhadap siasatan ke atas dakwaan rasuah.
- Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan akan bercuti berkuat kuasa serta-merta bagi membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan terhadap dakwaan tertentu yang dilaporkan sebelum ini.

29 DISEMBER 2025
- SPRM telah menyita enam akaun bank dipercayai milik seorang pegawai kanan Tentera Darat dan ahli keluarganya bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan perolehan projek TDM.

2 JANUARI 2026
- Beberapa individu disyaki terbabit dalam rasuah berkait siasatan dijalankan SPRM terhadap seorang pegawai kanan Tentera Darat melibatkan beberapa projek tender perolehan.

5 JANUARI 2026
- SPRM telah memulakan siasatan ke atas 26 syarikat yang disyaki terlibat dalam tender perolehan Tentera Darat.

6 JANUARI 2026
- SPRM menahan reman 17 pengarah syarikat kerana disyaki terlibat dalam rangkaian kartel tender perolehan Tentera Darat.

7 JANUARI 2026
- Pegawai kanan tentera yang sedang disiasat SPRM sebelum dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) sejak 28 Disember lalu difahamkan telah keluar hospital.
- Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mendedahkan terdapat cubaan memindahkan wang tunai berjumlah kira-kira RM2.4 juta dipercayai mempunyai kaitan dengan siasatan kes tender perolehan Tentera Darat.
- Bekas Panglima TDM Jeneral Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan hadir di Ibu pejabat SPRM dipercayai bagi memberi keterangan berhubung siasatan kes rasuah tender perolehan TDM.
- Bekas Panglima Tentera Darat bersama dua isterinya telah ditahan oleh SPRM bagi membantu siasatan berkaitan projek perolehan tender TDM.

8 JANUARI 2026
- Seorang bekas Panglima Tentera Darat dan dua isterinya direman bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan rangkaian kartel tender perolehan TDM.

9 JANUARI 2026
- Pemeriksaan sebuah kenderaan utiliti sukan berprestasi tinggi (SVR) susulan siasatan kes rasuah membabitkan perolehan projek Tentera Darat membawa kepada penemuan emas dan wang tunai dalam pelbagai mata wang asing, dengan nilai keseluruhan dianggarkan mencecah RM6.9 juta.

SINAR HARIAN
16.01.2026 (JUMAAT)

Dua pegawai tinggi ATM antara ditahan

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai tinggi dan empat pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berikutan dakwaan menerima rasuah daripada beberapa syarikat berkaitan perolehan pembekalan di Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) dan Kementerian Pertahanan (Mindef).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, tangkapan tersebut termasuk sembilan orang awam membabitkan kes sama.

"Kesemua individu disyaki menyalahgunakan dana TKAT untuk kepentingan peribadi serta aktiviti yang tidak berkaitan dengan TKAT.

"Kes ini telah disiasat sejak 7 Oktober lalu dan kini berada di peringkat akhir untuk pertuduhan. Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009, Seksyen 409 dan 165 Kanun Keseksaan," katanya.

Mengulas lanjut, Azam berkata, bilangan saksi yang dirakam percakapan setakat ini adalah seramai 35 orang.

"Kertas siasatan akan dilengkapkan dalam masa terdekat untuk dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya.

"Insya-ALLAH akan selesai pada minggu hadapan dan kes kertas siasatan ini dikemukakan paling lewat kepada Timbalan Pendakwa Raya ialah pada hari Jumaat pada minggu hadapan untuk dibuat keputusan oleh pihak pendakwa raya dan juga akan dikemukakan juga kepada Jabatan Peguam Negara (AGC)," katanya.

SINAR HARIAN
16.01.2026 (JUMAAT)

Aset bernilai RM4.7j dirampas SPRM

Azam menunjukkan antara barang yang dirampas ketika sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

LAPORAN MUKA DEPAN

Rampasan itu melibatkan sitaan kenderaan, wang tunai, emas serta pembekuan beberapa akaun syarikat dan peribadi bagi membantu siasatan kes tersebut."

-Azam

Akaun syarikat turut dibekukan kes rasuah perolehan pembekalan TKAT, Mindef

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL dan MUHAMMAD AMINURALIFF MOHD ZOKI

PUTRAJAYA - Aset bernilai RM4.7 juta dirampas termasuk pembekuan akaun syarikat berhubung kes rasuah membabitkan pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berkaitan perolehan pembekalan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) dan Kementerian Pertahanan (Mindef).

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, rampasan itu melibatkan sitaan kenderaan, wang tunai, emas serta pembekuan beberapa akaun syarikat dan peribadi bagi membantu siasatan kes tersebut.

"Sitaan kenderaan melibatkan dua kenderaan mewah iaitu Mercedes A180 class dan Toyota Vellfire, satu Proton iriz serta dua motosikal Yamaha Xmax 250 dan Honda Adv 150," katanya dalam sidang akhbar khas di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Khamis.

Azam berkata, pihaknya turut menyita wang tunai berjumlah RM1.3 juta serta mata wang asing berjumlah RM721,000.

"Selain itu, sitaan emas melibatkan 66 plat emas seberat 2.49 kilogram (kg) dengan anggaran nilai RM1.7 juta," katanya.

Siasatan kes pegawai kanan ATM berprofil tinggi, perlu disegerakan

KUALA LUMPUR – Siasatan melibatkan beberapa pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sedang dijalankan ketika ini diklasifikasikan kes berprofil tinggi serta diberi keutamaan untuk disiapkan dengan segera.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya mengambil tanggungjawab penuh bagi memastikan siasatan berkenaan diselesaikan secepat mungkin.

"Hal ini memandangkan sensitiviti kes tersebut serta kepentingan maklumat kepada orang awam.

"Saya dengan rendah hati menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab kami untuk menyelesaikan siasatan ini secepat mungkin," katanya.

Katanya, sepanjang proses siasatan dijalankan, beliau tidak menerima sebarang arahan atau direktif daripada mana-mana pihak, sama ada pihak berkepentingan mahupun orang awam.

"Setiap kes mempunyai keunikan tersendiri dan tidak boleh disamakan antara satu sama lain, justeru pendekatan siasatan turut berbeza mengikut keperluan kes.

"Dalam kes ini, tanggungjawab itu terletak kepada saya dan saya sendiri mengklasifikasikannya sebagai kes berprofil tinggi yang memerlukan tindakan segera kerana rakyat perlu mengetahui status sebenar kes ini," katanya.

Azam berkata, kekerapan pertanyaan daripada rakan media mengenai perkembangan siasatan membuktikan kes tersebut mendapat perhatian meluas dan perlu ditangani dengan segera.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan tiada garis masa khusus dapat ditetapkan bagi melengkapkan siasatan itu, sama ada dalam tempoh dua atau tiga bulan.

"Saya mengambil tanggungjawab sebagai Ketua Pesuruhjaya untuk ambil alih dan memahami sepenuhnya kes ini bagi mempercepatkan siasatan," katanya.

Mengulas kerjasama pihak terlibat, beliau mengesahkan semua pihak telah memberikan kerjasama yang baik, termasuk Kementerian Pertahanan serta orang awam.

"Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi kerjasama dalam membantu siasatan ini," katanya.

Dalam pada itu, Azam turut memaklumkan SPRM menerima pelbagai input daripada pemberi maklumat, termasuk daripada pihak luar yang menyalurkan maklumat berkaitan kes berkenaan.

"Ada maklumat yang tepat dan ada juga yang tidak, namun sebahagiannya tetap membantu dalam siasatan yang sedang dijalankan," katanya.

BERITA HARIAN
20.01.2026 (SELASA)

Pegawai Imigresen dituduh terima rasuah, isteri belanja beli emas

Mohamad Fazli didakwa terima suapan daripada akaun lelaki warga asing

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Seorang pegawai Imigresen serta isterinya didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas tuduhan menerima suapan dan pengubahan wang haram berjumlah lebih RM800,000 antara 2022 hingga 2024.

Tertuduh Mohamad Fazli Abdul Rahim, 46, menghadapi keseluruhan 53 tuduhan menerima suapan serta pengubahan wang haram dengan jumlah keseluruhan RM789,100 antara 2022 hingga 2024.

Mohamad Fazli mengaku tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan yang dibacakan di dua Mahkamah Sesyen semalam.

Mengikut 42 pertuduhan, Mohamad Fazli didakwa menerima suapan keseluruhan berjumlah RM510,500 menerusi pindahan wang ke sebuah akaun syarikat daripada akaun seorang lelaki warga asing.

Dia juga didakwa menerima suapan itu menerusi pindahan wang dari syarikat milik lelaki warga asing terbabit dan menerusi akaun seorang wanita tempatan sebagai upah melepaskan kemasukan warga asing tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu antara 4 Februari 2023 hingga 26 Ogos 2024 di dua cawangan bank di Subang Jaya dan Telok Panglima Garang, Kuala Langat.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16 (a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut manamana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Hakim membenarkan tertuduh dijamin RM20,000 dengan syarat tambahan melaporkan diri ke Pejabat SPRM berdekatan sebulan sekali dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Ikat jamin RM24,000

Di mahkamah sama, Mohamad Fazli juga mengaku tidak bersalah terhadap tujuh tuduhan memindahkan wang keseluruhan berjumlah RM278,600 dari akaun sebuah syarikat ke akaun tiga individu lain hasil daripada aktiviti haram.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu antara 2 Julai 2022 hingga 19 Ogos 2024 di dua bank yang sama.

Tertuduh dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. (Foto Erzairi Shamsudin/BH)

Justeru, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan boleh didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh menggunakan ikat jamin berjumlah RM24,000 dengan dua penjamin seperti yang ditetapkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen 2, Shah Alam.

Terdahulu, di Mahkamah Sesyen 2, Mohamad Fazli mengaku tidak bersalah terhadap empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM10,400 daripada seorang lelaki warga asing bagi kesalahan membenarkan kemasukan warga asing tanpa mengikut prosedur.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 antara 6 hingga 17 Ogos 2023 di dua cawangan bank yang sama.

Sementara itu, isteri Mohamad Fazli, Suhana Ismail, 44 didakwa dengan tujuh pertuduhan menggunakan wang berjumlah keseluruhan RM125,850 bagi pembelian emas di dua kedai emas yang merupakan hasil daripada aktiviti haram mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta 613 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama.

Wanita berkenaan didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah bank di Telok Panglima Garang antara 12 Ogos 2023 hingga 27 Februari 2024.

Pendakwaan dilakukan Muhammad Arif Asyraf dan Mohd Alimi manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Mohamad Zahid.

Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud kemudian membenarkan Suhana dijamin RM40,000 dengan dua orang penjamin dan sebutan semula kes bagi pasangan suami isteri itu ditetapkan pada 10 Mac depan.

BERITA HARIAN
20.01.2026 (SELASA)

Tak mengaku salah terima suapan RM140,000

Mastura hadir di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

Shah Alam: Seorang pegawai Jabatan Imigresen didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas empat pertuduhan menerima suapan RM140,000 untuk melepaskan 56 warga Bangladesh tanpa mengikut prosedur, Mei tahun lalu.

Tertuduh, Mastura Aziz, 49, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibaca di depan Hakim, Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan, wanita berkenaan didakwa menerima suapan wang masing-masing berjumlah RM12,500, RM47,500, RM52,500 dan RM27,500 daripada seorang lelaki warga asing.

Wang itu sebagai upah tertuduh yang ketika itu bertugas sebagai Timbalan Penolong Pengarah Imigresen di Pejabat Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 melepaskan 56 warga Bangladesh ke Malaysia tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Imigresen.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah pusat beli-belah, sebuah stesen minyak dan Pusat Penjaja Kota Warisan Bandar di Sepang di antara 3 hingga 15 Mei 2025.

Pertuduhan dilakukan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Irna Julieza Maaras mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM50,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan.

Bagaimanapun, Peguam, Datuk Geethan Ram Vincent memohon jaminan rendah dengan alasan anak guamnya tidak pernah gagal untuk hadir ke Pejabat SPRM, setiap kali dipanggil memberi keterangan.

Beliau berkata, tertuduh juga tidak mempunyai risiko untuk melarikan diri, selain bersedia dengan sebarang syarat yang dikenakan.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Mohd Nasir membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin termasuk melaporkan diri di pejabat SPRM sekali setiap bulan.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 25 Februari depan.

BERITA HARIAN
20.01.2026 (SELASA)

Dakwaan pengubahan wang haram RM2.5 bilion

SPRM siasat IJM

Eksekutif tertinggi bergelar Tan Sri, penasihat syarikat disyaki terbabit

Oleh Austin Camoens
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan terhadap IJM Corporation Bhd (IJM) berhubung dakwaan pengubahan wang haram mencecah RM2.5 bilion.

Sumber SPRM memberitahu *New Straits Times (NST)*, seorang eksekutif tertinggi syarikat itu yang bergelar Tan Sri serta seorang penasihat syarikat dikenal pasti sebagai individu berkaitan dalam kes berkenaan.

Katanya, pegawai penyiasat sedang mengumpul maklumat lanjut berkaitan dakwaan berkenaan sebelum siasatan rasmi dibuka. Difahamkan, kedua-dua individu berkenaan ketika ini berada di luar negara.

Sumber turut mendedahkan Serious Fraud Office United Kingdom melancarkan siasatan berhubung dakwaan pengubahan wang haram dan rasuah yang dikaitkan dengan transaksi pelaburan bernilai berbilion ringgit membabitkan kedua-dua eksekutif syarikat berkenaan.

Selain itu, katanya, SPRM turut meneliti dakwaan lain berkaitan manipulasi harga saham.

Dakwaan ini timbul ketika langkah Sunway Group mengambil alih IJM menerusi perjanjian bernilai RM11 bilion. Sumber juga mendedahkan pengurusan Sunway sudah dihubungi, bagi membantu siasatan lanjut terhadap dakwaan berkenaan.

NST sudah menghubungi IJM, tetapi belum mendapatkan maklum balas.

Sebelum ini penganalisis dilaporkan berkata, cadangan penggabungan kedua-dua syarikat itu dijangka merombak landskap industri hartanah dan pembinaan negara, sekali gus berpotensi mendorong pemaju dan kontraktor pesaing untuk meningkatkan strategi daya saing mereka.

Sekiranya dimuktamad, penggabungan itu akan mewujudkan konglomerat hartanah dan pembinaan terbesar di Malaysia, menggabungkan kekuatan Sunway dalam pembangunan bandar bersepadu serta aset bina-milik kendali dengan skala IJM dalam pembinaan, infrastruktur dan pembangunan industri.

IJM sedia beri kerjasama

Sementara itu, IJM mengesahkan pegawai dari SPRM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah hadir di pejabat syarikat itu semalam untuk mendapatkan maklumat sebagai sebahagian daripada proses mereka.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, IJM berkata, pihaknya akan bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa.

Katanya, syarikat komited untuk menegakkan piawaian tadbir urus korporat, ketelusan dan integriti yang kukuh.

"Kami ingin memberi jaminan kepada pihak pemegang taruh kami operasi perniagaan kami berjalan seperti biasa.

"Syarikat akan terus memantau perkembangan perkara ini dan akan membuat pendedahan tepat pada masanya sekiranya terdapat sebarang kemas kini penting," katanya.

BERITA HARIAN
20.01.2026 (SELASA)

Kenanga Research syor pemegang saham tolak tawaran

Kuala Lumpur: Kenanga Research mengesyorkan pemegang saham IJM Corporation Bhd (IJM) supaya menolak tawaran pengambilalihan sukarela bersyarat Sunway Bhd, dengan alasan harga tawaran yang tidak menarik dan metrik penilaian yang tidak menguntungkan.

Firma penyelidikan pasaran itu berkata, harga tawaran gagal mencerminkan nilai intrinsik IJM memandangkan ia berada di bawah anggaran nilai wajarnya, RM3.40.

Berdasarkan harga sasaran Kenanga Research untuk Sunway pada RM4.73, nilai tersirat tawaran untuk IJM hanya RM2.69, yang berada di bawah harga saham semasa IJM, iaitu RM2.75 dan harga sasaran firma iaitu RM3.40.

"Pada pandangan kami, harga tawaran RM3.15 tidak menarik bagi pemegang saham IJM, kerana ia berada di bawah anggaran nilai wajar kami iaitu RM3.40," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Walaupun cenderung kepada harga tawaran yang tidak memihak, Kenanga Research mengakui bahawa entiti yang diperbesarkan itu boleh meningkatkan kecekapan operasi, berpotensi meningkatkan margin pembinaan IJM, di samping kemungkinan sinergi merentasi segmen hartanah dan pembuatan perindustrian.

IJM menyasarkan RM6 bilion hingga RM8 bilion pengisian semula tempahan kontrak untuk tahun kewangan 2026, disokong oleh beberapa peluang berskala besar, termasuk tiga projek pusat data, dua pembangunan perindustrian dan projek perumahan penjawat awam Nusantara yang lebih RM1 bilion.

Syarikat itu juga menjangkakan untuk memperoleh satu lagi kontrak pusat data hiperskala menjelang akhir tahun kewangan 2026.

Prospek utama lain termasuk Laluan Mutiara LRT Pulau Pinang (Pakej 2), kerja-kerja di Menara 118, pengembangan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan projek jalan raya di Sarawak.

Kenanga Research mengekalkan unjuran pendapatan, dengan andaian pemerolehan kerja pembinaan sebanyak RM5 bilion setiap satu bagi tahun kewangan 2026 dan tahun kewangan 2027, sambil menambah bahawa pandangan positifnya terhadap IJM disokong oleh keterlihatan pendapatan kumpulan yang kukuh.

Faktor sokongan termasuk tempahan kontrak pembinaan sebanyak RM9.3 bilion, jualan hartanah baharu sebanyak RM187 juta pada suku pertama tahun kewangan 2026, kepentingan strategik Pelabuhan Kuantan sebagai pelabuhan terbesar di pantai timur dan potensi penjualan aset jalan tol untuk mengukuhkan lembaran imbangan dan membuka nilai.

Firma itu juga mengekalkan saranan 'wajaran tinggi' bagi saham IJM, dengan harga sasaran yang tidak berubah sebanyak RM3.40.

Risiko penurunan termasuk kelemahan berterusan dalam aliran kerja pembinaan, potensi lebihan kos projek, liabiliti yang timbul daripada ganti rugi yang ditentukan dan peningkatan kos bahan binaan.

Sementara itu, jualan singkat harian (IDSS) untuk saham IJM di Bursa Malaysia digantung sepanjang dagangan semalam.

Bursa Malaysia dalam satu maklumat berkata, saham berkenaan digantung sepanjang hari apabila harga terakhir bagi Sekuriti yang Diluluskan susut lebih daripada 15 peratus atau 15 sen daripada harga rujukan.

Ia berkata, jualan singkat di bawah IDSS hanya akan diaktifkan semula hari ini pada 8.30 pagi. Harga saham IJM merosot sebanyak 15 sen atau 5.36 peratus kepada RM2.65 pada penutup dagangan semalam.

BERITA HARIAN
20.01.2026 (SELASA)

3 pegawai tertinggi ATM disyaki rasuah didakwa tak lama lagi

Kuala Lumpur: Tiga pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam siasatan dua kes rasuah akan didakwa tidak lama lagi.

SPRM sudah melengkapkan siasatan dan kertas pertuduhan diserahkan kepada pendakwa raya untuk tujuan pendakwaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya sudah mengemukakan kertas siasatan bagi Ops Parasit dan Ops Star kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

"Dalam siasatan membabitkan pegawai tertinggi ATM, kita sudah menyelesaikan kertas siasatan berkenaan dan sudah menyerahkan cadangan pertuduhan kepada pihak pendakwa raya pada hari ini (semalam), bagi tujuan kajian dan arahan lanjut," katanya.

Dalam Ops Parasit, siasatan membabitkan sekurang-kurangnya dua pegawai tertinggi ATM termasuk bekas Panglima Tentera Darat berkaitan tender perolehan dalam ATM dan 23 individu ditahan untuk membantu siasatan.

Sebanyak 22 kertas siasatan dibuka membabitkan kesalahan jenayah asal dan satu berhubung pengubahan wang haram.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009 berkaitan salah guna kuasa dan Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 bagi pengubahan wang haram.

Sementara itu, dalam Ops Star, Azam dilaporkan berkata, SPRM akan mendakwa seorang atau dua pegawai kanan ATM berkait kes rasuah dalam urusan perolehan serta salah guna dana kebajikan.

Beliau berkata, siasatan bertumpu kepada dakwaan meminta dan menerima rasuah daripada syarikat berkait urusan perolehan pembekalan kepada Tabung Kebajikan Angkatan Tentera serta Kementerian Pertahanan.

Katanya, siasatan turut menjurus kepada dakwaan salah guna dana tabung itu bagi kepentingan peribadi serta kegiatan yang tidak berkaitan dengan kebajikan.

HARIAN METRO
20.01.2026 (SELASA)

PEGAWAI IMIGRESEN NAFI TERIMA RM140,000

Lepas 56 warga Bangladesh masuk tanpa ikut prosedur

Shah Alam: Seorang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas empat pertuduhan menerima suapan RM140,000 untuk melepaskan kemasukan 56 warga Bangladesh tanpa mengikut prosedur, Mei tahun lalu.

Tertuduh, Mastura Aziz, 49, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan, wanita berkenaan didakwa terima suapan wang masing-masing berjumlah RM12,500, RM47,500, RM52,500 dan RM27,500 daripada seorang lelaki warga asing.

Ia sebagai upah tertuduh yang ketika itu selaku Timbalan Penolong Pengarah Imigresen di Pejabat Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur(KLIA) Terminal 1 melepaskan kemasukan 56 warga Bangladesh ke Malaysia tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan oleh JIM.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah pusat beli belah, sebuah stesen minyak dan Pusat Penjaja Kota Warisan Bandar di Sepang antara 3 hingga 15 Mei tahun lalu.

MASTURA dibenarkan diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin.

Pertuduhan dilakukan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Irna Julieza Maaras mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM50,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan.

Bagaimanapun, peguam, Datuk Geethan Ram Vincent memohon jaminan rendah dengan alasan anak guamnya tidak pernah gagal untuk hadir ke Pejabat SPRM, setiap kali dipanggil memberi keterangan.

Beliau berkata, tertuduh juga tidak mempunyai risiko untuk melarikan diri selain bersedia dengan sebarang syarat yang dikenakan.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Mohd Nasir membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin termasuk melaporkan diri di pejabat SPRM sekali setiap bulan.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 25 Februari depan.

HARIAN METRO
20.01.2026 (SELASA)

MOHAMAD Fazli dan Suhana dibawa anggota SPRM ke Mahkamah Sesyen Shah Alam.

KES RASUAH, UBAH WANG HARAM RM789,100

Pegawai imigresen tak mengaku salah

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Seorang pegawai imigresen didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 53 pertuduhan menerima suapan serta pengubahan wang haram dengan jumlah keseluruhan RM789,100 antara 2022 dan 2024.

Tertuduh Mohamad Fazli Abdul Rahim, 46 bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan yang dibacakan di dua mahkamah berasingan.

Mengikut 42 pertuduhan, Mohamad Fazli didakwa menerima suapan keseluruhan RM510,500 menerusi pindahan wang ke sebuah akaun syarikat daripada akaun seorang lelaki warga asing.

Dia juga didakwa menerima suapan itu menerusi pindahan wang dari syarikat milik lelaki warga asing terbabit dan menerusi akaun seorang wanita tempatan sebagai upah melepaskan kemasukan warga asing tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu antara 4 Februari 2023 hingga 26 Ogos 2024 di dua cawangan bank di Subang Jaya dan Telok Panglima Garang, Kuala Langat.

Justeru, dia didakwa melakukan Seksyen 16 (a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM20,000 dengan syarat tambahan melaporkan diri ke pejabat SPRM berdekatan sebulan sekali dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Di mahkamah sama, Mohamad Fazli turut mengaku tidak bersalah terhadap tujuh pertuduhan memindahkan wang keseluruhan berjumlah RM278,600 dari akaun sebuah syarikat ke akaun tiga individu lain yang merupakan hasil daripada aktiviti haram.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu antara 2 Julai 2022 hingga 19 Ogos 2024 di dua bank yang sama.

Justeru, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan boleh didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh menggunakan ikat jamin berjumlah RM24,000 dengan dua penjamin.

Terdahulu, di Mahkamah Sesyen 2, Mohamad Fazli mengaku tidak bersalah terhadap empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM10,400 daripada seorang lelaki warga asing bagi kesalahan sama (membenarkan kemasukan warga asing tanpa mengikut prosedur).

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 antara 6 hingga 17 Ogos 2023 di dua cawangan bank yang sama.

Isteri Mohamad Fazli, Suhana Ismail, 44, pula didakwa dengan tujuh pertuduhan menggunakan wang berjumlah keseluruhan RM125,850 bagi pembelian emas di dua kedai emas yang juga hasil daripada aktiviti haram mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta 613 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) Akta yang sama.

Wanita berkenaan didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah bank di Telok Panglima Garang antara 12 Ogos 2023 hingga 27 Februari 2024.

Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud kemudian membenarkan Suhana dijamin RM40,000 dengan dua orang penjamin dan sebutan semula kes bagi pasangan suami isteri itu ditetapkan pada 10 Mac depan.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa SPRM Muhammad Arif Asyraf Mohd Khairi dan Mohd Akmi Mustapha manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Mohamad Zahid Ahmad.

» INFO

Tertuduh didakwa menerima suapan keseluruhan RM510,500 menerusi pindahan wang ke sebuah akaun syarikat daripada akaun seorang lelaki warga asing.

Tertuduh didakwa memindahkan wang keseluruhan berjumlah RM278,600 daripada akaun sebuah syarikat ke akaun tiga individu lain yang merupakan hasil aktiviti haram.

Isteri tertuduh didakwa menggunakan wang berjumlah keseluruhan RM125,850 bagi pembelian emas.

SINAR HARIAN
20.01.2026 (SELASA)

Pegawai imigresen didakwa rasuah, isteri guna wang haram beli emas

SHAH ALAM - Seorang Pegawai Imigresen Gred KP 22 pada Isnin dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas 53 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram berjumlah RM789,100 manakala isterinya didakwa menggunakan wang hasil aktiviti haram untuk membeli emas.

Mohamad Fazli Abdul Rahim, 46, berdepan 42 pertuduhan menerima suapan wang RM510,500 menerusi pindahan dalam talian daripada seorang warga asing serta melalui syarikat dan akaun bank milik seorang wanita tempatan.

Ia sebagai upah untuk melepaskan kemasukan warga asing tanpa mengikut prosedur ditetapkan oleh jabatan itu.

Mohamad Fazli didakwa melakukan perbuatan itu di dua cawangan bank di Subang Jaya dan Telok Panglima Garang, Selangor antara 4 Februari 2023 hingga 26 Ogos 2024.

Pegawai Pendakwa SPRM, Muhammad Arif Asyraf Mohd Khairi menawarkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin namun peguam Mohamad Zahid Ahmad memohon jumlah ikat jamin yang rendah.

Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan perlu melaporkan diri ke pejabat SPRM berdekatan selain tidak mengganggu saksi pendakwaan, dan menetapkan 10 Mac depan sebagai sebutan semula kes.

Mohamad Fazli juga mengaku tidak bersalah atas tujuh pertuduhan memindahkan wang berjumlah RM278,600 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram daripada satu akaun bank sebuah syarikat kepada tiga individu di dua bank yang sama antara 2 Julai 2022 hingga 19 Ogos 2024.

Dia didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara tidak lebih 15 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil aktiviti haram itu atau RM3 juta mengikut mana lebih tinggi.

Mohd Nasir membenarkan Mohamad Fazli menggunakan ikat jamin RM24,000 dengan dua penjamin seperti yang diputuskan oleh Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Terdahulu, di hadapan Awang Kerisnada, Mohamad Fazli mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan menerima rasuah RM10,400 sebagai dorongan untuk membenarkan kemasukan warga asing tanpa prosedur.

Isteri tertuduh, Suhana Ismail, 44, yang juga Pegawai Imigresen Gred KP 22 turut didakwa di hadapan Awang Kerisnada atas tujuh pertuduhan menggunakan wang hasil aktiviti haram berjumlah RM125,850 untuk membeli emas.

Suhana minta dibicarakan atas semua pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta 613 yang didakwa dilakukannya di sebuah bank di Telok Panglima Garang, Kuala Langat antara 12 Ogos 2023 hingga 27 Februari 2024.

Mahkamah membenarkan Suhana yang turut diwakili peguam Mohamad Zahid diikat jamin RM40,000 dengan dua penjamin dan menetapkan 10 Mac depan sebagai tarikh sebutan semula kes pasangan suami isteri itu. - *Bernama*

SINAR HARIAN
20.01.2026 (SELASA)

SPRM tumpu dakwaan pengubahan wang haram RM2.5 bilion babit IJM

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini sedang menumpukan perhatian terhadap dakwaan membabitkan IJM Corporation Bhd berhubung dakwaan skim pengubahan wang haram berjumlah RM2.5 bilion.

Sumber dalaman suruhanjaya itu memaklumkan bahawa seorang anggota pengurusan tertinggi syarikat yang bergelar Tan Sri serta seorang penasihat syarikat telah dikenal pasti sebagai individu berkepentingan.

"Pasukan penyiasat kini sedang mengumpul maklumat lanjut berkaitan dakwaan berkenaan sebelum satu siasatan rasmi dibuka," katanya.

Sebelum ini, Pejabat Penipuan Serius United Kingdom (SFO) (Serious Fraud Office) dilapor melancarkan siasatan terhadap dakwaan pengubahan wang haram dan rasuah melibatkan transaksi pelaburan bernilai berbilion ringgit yang dikaitkan dengan dua eksekutif berkenaan.

Difahamkan, kedua-dua individu terbabit kini berada di luar negara.

Sumber turut memaklumkan bahawa SPRM juga sedang meneliti dakwaan manipulasi harga saham.

Ia dipercayai berlaku ketika Sunway Group sedang berusaha untuk mengambil alih IJM menerusi satu urus niaga bernilai RM11 bilion.

Sebelum ini, dilaporkan bahawa cadangan penggabungan antara kedua-dua syarikat itu dijangka mengubah landskap sektor hartanah dan pembinaan Malaysia, sekali gus berpotensi mendorong pemaju dan kontraktor untuk meningkatkan strategi dan daya saing.

AZAM

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan satu siasatan sedang dijalankan ke atas IJM dan maklumat lanjut akan diberikan dari semasa ke semasa. - *Bernama*

>> LAGI BERITA DI MUKA 30&32

SINAR HARIAN
20.01.2026 (SELASA)

Mindef lapor polis dakwaan kebocoran maklumat pegawai kanan ATM

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertahanan (Mindef) membuat laporan polis susulan dakwaan kebocoran maklumat membabitkan nama, jawatan serta pergerakan tugas pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Menteriny, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, siasatan dalaman turut dijalankan berikutan pendedahan maklumat berkenaan kepada umum, sedangkan keputusan pengisian kekosongan jawatan tertinggi ATM masih belum mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.

Beliau berkata, setiap pelantikan jawatan tertinggi ATM perlu dibincangkan di peringkat Majlis Angkatan Tentera (MAT) yang bertanggungjawab mengemukakan syor kepada Seri Paduka Baginda.

"Bagi setiap jawatan, dua atau tiga nama akan disyorkan, bukannya hanya satu. Namun, apa yang tular hanya menyebut satu nama, sekali gus memberi gambaran seolah-olah keputusan muktamad sudah dibuat," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Kunci Projek Rumah SASaR Residensi Sateria Sungai Besi di sini pada Isnin.

Mohamed Khaled menegaskan sebarang pelantikan hanya berkuat kuasa selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan pendedahan maklumat sebelum kelulusan rasmi adalah tidak wajar.

Menurutnya, pendedahan nama, jawatan dan pergerakan pegawai kanan ATM boleh mengundang risiko keselamatan kerana maklumat sensitif sedemikian tidak sepatutnya didedahkan kepada umum.

"Angkatan tentera tidak mendedahkan siapa yang memerintah kem tertentu, siapa bertanggungjawab terhadap unit logistik atau artileri, mahupun peranan operasi pegawai kanan kerana ia boleh mendedahkan butiran keselamatan yang kritikal.

"Semua ini melibatkan urusan keselamatan. Mendedahkan identiti, jawatan dan pergerakan individu terbabit membuka ruang kepada risiko yang tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Pada Ahad, Mindef dalam satu kenyataan memberi amaran tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang didapati menyebarkan maklumat terperingkat atau maklumat dalaman kerajaan di media sosial.

Langkah itu susulan penularan naratif spekulatif serta senarai pegawai kanan ATM yang dikaitkan dengan jawatan strategik dan urusan kepimpinan di media sosial.

Menurut kementerian, perbuatan mendedahkan maklumat terperingkat boleh disiasat mengikut beberapa peruntukan undang-undang, termasuk Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Angkatan Tentera 1972 serta Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. - *Bernama*

SINAR HARIAN
20.01.2026 (SELASA)

Skandal rasuah ATM: SPRM kemuka kertas siasatan, cadangan pertuduhan

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengemukakan kertas siasatan melibatkan pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada pihak pendakwaraya pada Isnin berserta cadangan pertuduhan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, kes tersebut melibatkan siasatan bagi kes Op Parasit dan Op Star.

"Kertas siasatan dengan cadangan pertuduhan telah dikemukakan kepada pendakwaraya hari ini (Isnin) bagi tujuan kajian dan arahan lanjut.

"Sebarang maklumat lanjut mengenai perkembangan tersebut akan dimaklumkan kemudian dari semasa ke semasa," katanya pada Isnin.

Sebelum ini, Azam dalam sidang akhbar pada Khamis lepas dilaporkan berkata, SPRM menyita dan membekukan aset bernilai keseluruhan RM4.7 juta susulan siasatan ke atas beberapa pegawai kanan ATM berhubung dakwaan rasuah dan salah guna dana Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT).

Sitaan menerusi Op Star itu merangkumi kenderaan, emas, wang tunai serta mata wang asing selain pembekuan akaun syarikat dan akaun peribadi.

Dalam kes berasingan, sebanyak 75 akaun syarikat bernilai RM32.5 juta dibekukan dalam Op Parasit berhubung kes rasuah dan salah guna kuasa yang disyaki membabitkan bekas Panglima Tentera Darat (PTD).

Ia susulan SPRM telah menjalankan siasatan berhubung kes berkenaan sejak 23 Disember lalu.

SINAR HARIAN
21.01.2026 (RABU)

Bekas wartawan nafi rasuah, palsu dokumen

Tertuduh didakwa terima RM36,824.50 dengan janji beri gelaran Datuk Seri

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Bekas ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan wartawan semalam mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan menerima rasuah RM36,824.50 dan satu tuduhan memalsukan dokumen berkaitan janji penganugerahan gelaran 'Datuk Seri' sempena Majlis Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Melaka tiga tahun lalu.

Nurfateha Othman, 44, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan pada prosiding dijalankan di Hospital Melaka di sini, berikutan tertuduh sedang menjalani rawatan dan dimasukkan ke wad.

Tertuduh didakwa menerima wang rasuah daripada seorang ahli perniagaan sebagai dorongan untuk menjanjikan penganugerahan gelaran berkenaan sedangkan dia tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memberikannya.

Bagi pertuduhan pertama, Nurfateha didakwa menerima rasuah RM25,559.50 antara 23 November 2022 hingga 23 November 2023 melalui transaksi atas talian daripada akaun bank milik syarikat isteri kepada ahli perniagaan terbabit.

Pertuduhan kedua dan ketiga, dia didakwa menerima rasuah RM2,440 antara 13 Disember 2022 hingga 1 Jun 2023 dan RM8,825 antara 28 Disember 2022 hingga 2 November 2023, melalui transaksi atas talian daripada akaun bank peribadi milik isteri kepada ahli perniagaan sama.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah bank di negeri ini dan pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Jika sabit kesalahan tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Selain itu, Nurfateha turut didakwa mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan kerana memberikan dokumen palsu iaitu Surat Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Melaka 2023 kepada ahli perniagaan terbabit pada September 2023 dengan niat untuk menipu, sedangkan tiada sebarang pengurniaan sebenar dibuat.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan denda jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Sharina Farhana Nor Sa'ari manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Hakim Elesabet kemudian memerintahkan tertuduh dihantar ke Hospital Permai, Johor untuk pemerhatian bagi mendapatkan perakuan bertulis daripada Pengarah Perubatan Hospital Psikiatri berhubung keadaan tertuduh.

Tiada jaminan dibenarkan terhadap tertuduh yang juga bekas wartawan dan jurugambar sambilan selain kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 23 Februari depan.

SINAR HARIAN
21.01.2026 (RABU)

Pegawai polis wanita, adik lelaki ditahan berkaitan rasuah RM30,000

KUANTAN - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pahang menahan seorang pegawai polis wanita berpangkat inspektor di negeri ini bersama adik lelakinya kerana disyaki meminta dan menerima rasuah RM30,000 antara tahun 2021 hingga 2025.

Menurut sumber, rasuah diterima dipercayai sebagai balasan melepaskan individu yang terlibat dalam kes dadah.

Katanya, siasatan awal mendapati kedua-dua suspek disyaki bersubahat melakukan perbuatan tersebut dengan menerima wang rasuah antara RM1,000 hingga RM7,000 setiap bulan melalui akaun peribadi milik suspek lelaki.

"Suspek berusia 20 dan 30-an itu ditahan secara berasingan antara jam 4.30 petang dan 9 malam pada Isnin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Pahang.

"Suspek dibawa ke mahkamah pada Selasa untuk perintah reman," katanya.

Majistret Mohd Fauzan Mohd Suhari membenarkan kedua-dua suspek direman lima hari sehingga 24 Januari depan

Sementara itu, Pengarah SPRM Pahang, Mohd Shukor Mahmud ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

FOTO SPRM PAHANG

Kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kuantan untuk perintah reman pada Selasa.

SINAR HARIAN
21.01.2026 (RABU)

IJM: SPRM rakam keterangan 9 individu

NILAI - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merakam keterangan sembilan individu termasuk dua pihak berkepentingan pada Selasa bagi membantu siasatan dakwaan membabitkan IJM Corporation Bhd (IJM) berhubung skim pengubahan wang haram berjumlah RM2.5 bilion.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, kesemua individu terbabit hadir ke pejabat SPRM kira-kira jam 10 pagi.

"Kami baru memulakan siasatan pada Isnin (dan) masih awal untuk saya beri sebarang komen berhubung dengan penemuan.

"Kita sudah memanggil kedua-dua pihak dan mereka datang ke pejabat beri kerjasama (namun) tidak akan ada tangkapan setakat ini," katanya.

Azam berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Latihan Asas (PLA) Akademi SPRM (MACA) yang turut dihadiri Pengarah Kanan MACA, Datuk Mohd Hafaz Nazar di sini pada Selasa.

Beliau berkata, siasatan masih terlalu awal dan pihaknya memerlukan masa untuk meneliti perkara berkaitan termasuk dokumen serta mendapatkan maklumat lengkap daripada semua pihak disyaki terlibat.

Beliau turut menasihatkan, semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi atau persepsi berhubung kes itu kerana dikhuatiri menjejaskan siasatan yang sedang dijalankan.

"Bagi kami masa siasat. Kes berkenaan melibatkan isu korporat, jadi kita perlu masa untuk mengkaji dokumen dan sebagainya.

"Jangan buat spekulasi (kerana) terlalu banyak yang keluar sama ada di pelbagai blog, membuat dakwaan tidak tepat dan kita perlu siasat dulu perkara ini," katanya.

Pada Isnin, SPRM memaklumkan sedang menumpukan perhatian terhadap dakwaan membabitkan IJM itu dengan sumber dalaman memberitahu masing-masing seorang anggota pengurusan tertinggi bergelar Tan Sri dan penasihat dikenal pasti sebagai individu berkepentingan. - *Bernama*

Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.

>> LAGI BERITA DI MUKA 30

BERITA HARIAN
22.01.2026 (KHAMIS)

3 pegawai imigresen, pemilik kedai makan dituduh rasuah

Suspek terbabit isu 'counter setting' di Terminal Feri Pasir Gudang dan Terminal Feri Muar sejak 3 tahun lalu

Oleh Izz Laily Hussein
bhnews@bh.com.my

(Dari kiri) Md Azhar, Ridzol, Hairizam dan Haslan dibawa ke Mahkamah Sesyen di Johor Bahru, semalam.

(Foto Najmi Noe'azam/BH)

Johor Bahru: Tiga pegawai imigresen serta pemilik kedai makan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas pertuduhan rasuah membabitkan isu 'counter setting' di Terminal Feri Pasir Gudang dan Terminal Feri Muar, sejak tiga tahun lalu.

Semua tertuduh mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dikemukakan kepada mereka secara berasingan itu di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Tertuduh pertama, Md Azhar Jamal, 40, yang bertugas di Pejabat Imigresen Pasir Gudang berdepan 14 pertuduhan bersetuju menerima suapan di antara RM400 hingga RM4,500 yang keseluruhannya berjumlah RM28,600 tanpa balasan daripada seorang wanita secara pindahan dalam talian daripada akaun bank milik wanita itu.

Perbuatan itu mempunyai hubungan dengan tugas rasmi tertuduh yang bertanggungjawab menyemak dan memastikan dokumen perjalanan warga asing untuk tujuan keluar masuk ke Malaysia adalah sah.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah bank cawangan Simpang Renggam, antara 16 Julai 2024 hingga 24 Februari 2025 itu, mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Tertuduh kedua, Ridzal Mohd Yasin, 43, yang bertugas di Pusat Pemeriksaan Imigresen Pintu Keluar Masuk Laut (Jeti) Terminal Pasir Gudang, berdepan dua pertuduhan menerima suapan wang tunai RM1,700 daripada ejen tiket syarikat, di tandas berhampiran kaunter imigresen terminal itu sekitar April 2023 dan Ogos 2023.

Suapan itu didakwa sebagai dorongan untuk memudahkan urusan kemasukan pengembara warga Indonesia ke Malaysia dengan tidak melakukan pemeriksaan yang menyeluruh ke atas dokumen perjalanan warga Indonesia.

Penjawat awam di Bahagian Kawalan Operasi (Laut), Terminal Feri Pasir Gudang, Hairizam Mohamed, 58, didakwa secara rasuah menerima wang RM100 daripada seorang lelaki sebagai dorongan memudah cara urusan kemasukan pengembara warga Indonesia ke Malaysia.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Pejabat Imigresen Pasir Gudang, di sini kira-kira jam 7 petang, 28 Ogos 2024.

Jadi orang tengah

Pemilik kedai makan, Haslan Hazilah, 57, pula didakwa secara rasuah menerima suapan RM1,200 daripada seorang lelaki sebagai dorongan orang tengah membantu memudah cara urusan keluar pengembara warga Indonesia ke Malaysia melalui Terminal Feri Muar di sebuah kedai makan di Muar, pada 11 November 2024.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) dan Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa SPRM Ameera D'Aneez Mohd Shukari, Fazal Lisam Abidin dan Muhd Faizul Kamaro Zaman.

Md Azhar diwakili peguam Abd Rahim Ali, manakala Ridzal diwakili peguam Mohammad Muzammil Mohammad Hairiri, Hairizam pula diwakili peguam Suhaila Shafi'uddin dan Haslan diwakili peguam Nurashidah Md Razip.

Mahkamah kemudian membenarkan Md Azhar dilikat jamin RM10,000, manakala Ridzal, Hairizam dan Haslan, masing-masing dibenarkan ikat jamin RM8,000 dengan syarat tambahan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat SPRM terdekat sebulan sekali.

Kes ditetapkan untuk serahan dokumen pada 24 dan 25 Februari ini.

BERITA HARIAN
22.01.2026 (KHAMIS)

Syarikat warga asing disyaki dalang import e-waste haram

SPRM turut buru pihak berkuasa disyaki bersubahat

Oleh Hah Hafiz Aziz
bhnewsbh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat dipercayai milik warga asing disyaki menjadi dalang mengimport sisa elektronik (e-waste), plastik dan kertas secara haram untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

Perkara berkenaan dikesan hasil risikan terbaharu dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang giat memburu dalang, termasuk pihak berkuasa disyaki bersubahat, berkait kes pencemaran berterusan angkara e-waste dibawa masuk secara haram ke negara ini.

Setakat ini, SPRM mengesan sekurang kurang 2,000 hingga 3,000 kontena mengandungi e-waste diseludup masuk melalui pelabuhan utama negara.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata pihaknya akan memperhebatkan siasatan terhadap premis disyaki terbabit pengimportan e-waste secara haram ke Malaysia, termasuk syarikat dipercayai dimiliki warga asing.

"Syarikat berkenaan disyaki mengimport sisa elektronik, plastik dan kertas untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

"Komponen berharga seperti tembaga, aloi dan emas diambil, manakala baki sisa dilupuskan secara membakar, menanam atau dibuang terus sehingga mencemarkan udara serta sumber air.

"Kita tidak menolak kemungkinan kegiatan itu dilindungi oleh pihak berkuasa tertentu yang sepatutnya bertanggungjawab mengekang kemasukan sisa pepejal berkenaan.

"Jika tidak dibanteras secara menyeluruh, ia berpotensi mengakibatkan pencemaran serius kepada negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Khusairi berkata, SPRM melalui Mesyuarat Petugas Khas Berkaitan Penguatkuasaan E-Waste bekerjasama dengan 12 agensi, termasuk Agensi Kawalan Penerimaan Sisa, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, bagi menangani isu berkenaan.

> Kita tidak menolak kemungkinan kegiatan itu dilindungi oleh pihak berkuasa tertentu yang sepatutnya bertanggungjawab mengekang kemasukan sisa pepejal berkenaan

Ahmad Khusairi Yahaya,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM.

Teliti undang-undang khusus

"Mesyuarat itu akan meneliti undang-undang khusus berkaitan e-waste dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan lebih berkesan bagi memastikan kegiatan penyeludupan berkenaan dapat dibanteras hingga ke akar umbi.

"SPRM memandang serius isu ini dan memberi amaran kepada pihak berkuasa terbabit agar segera menghentikan pengimportan e-waste," katanya.

E-waste mengandungi bahan toksik seperti plumbum, merkuri, kadmium, bahan kalis api berasaskan bromin serta asid daripada bateri dan jika tidak diuruskan dengan betul, bahan berkenaan boleh bocor ke dalam tanah, air dan udara.

Antara kesannya terhadap alam sekitar dan kesihatan ialah ia boleh mengakibatkan pencemaran tanah serta air yang menjejaskan pertanian dan sumber air.

Selain itu, pencemaran udara akibat pembakaran secara terbuka yang menyebabkan risiko kesihatan seperti masalah pernafasan, gangguan saraf dan kerosakan buah pinggang, selain risiko kepada kanak-kanak serta pekerja tidak dilindungi.

Di Malaysia, e-waste diklasifikasikan sebagai sisa terjadual.

BERITA HARIAN
22.01.2026 (KHAMIS)

6 suspek direman kes tuntutan ilat PERKESO

Kangar: Enam individu termasuk tiga wanita direman di antara tiga hingga tujuh hari bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas dakwaan mengemukakan laporan kesihatan palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi tujuan permohonan pencen ilat bulanan berjumlah RM255,000 kira-kira dua tahun lalu.

Perintah reman terhadap suspek berusia di antara 50 hingga 60 tahun, termasuk seorang lelaki yang bertindak sebagai ejen menguruskan permohonan itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kangar, Mohd Amiruldin Roslan, di Mahkamah Majistret Kangar semalam.

Sumber SPRM berkata, pada 2024, pemohon yang terdiri daripada lima suspek bekerja dalam sektor swasta ada mengemukakan laporan kesihatan palsu yang kononnya disediakan seorang doktor sebuah hospital di Perlis.

"Laporan kesihatan itu adalah sebagai dokumen rujukan bagi mendapatkan laporan perubatan untuk dikemukakan kepada PERKESO bagi tujuan permohonan pencen ilat yang diterima secara bulanan.

"Suspek ini turut menggunakan bantuan seorang lelaki yang bertindak sebagai ejen yang menguruskan permohonan dan mendapatkan kelulusan daripada pihak PERKESO," katanya di sini, semalam.

Sumber berkata, siasatan oleh Bahagian Anti-Fraud, Etika dan Integriti (AFEI) PERKESO mendapati surat rujukan itu adalah palsu.

"Siasatan PERKESO mendapati surat rujukan yang dikatakan diproses oleh ejen itu adalah palsu dan ia digunakan sebagai dokumen laporan perubatan untuk memohon pencen ilat oleh suspek ini.

"Dalam masa sama, ejen itu meminta dan menerima habuan RM 42,000 daripada tindakannya membantu suspek bagi melakukan permohonan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, sehubungan itu, satu operasi menahan suspek termasuk ejen dilakukan hasil perkongsian maklumat risikan di antara PERKESO dan SPRM Perlis.

"Suspek lelaki termasuk ejen berkenaan kini ditahan di lokap Balai Polis Kuala Perlis, manakala suspek wanita dalam tahanan reman di lokap Balai Polis Kangar untuk tujuan siasatan," katanya.

Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Ghani, ketika mengesahkan tangkapan kumpulan suspek itu berkata, semua tahanan reman itu sedang disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Tiga wanita dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar, semalam. (Foto Aizat Sharif/BH)

BERITA HARIAN
22.01.2026 (KHAMIS)

Bekas pegawai MARA kena dakwa lagi babit 22 pertuduhan

Muar: Selepas didakwa dengan 25 pertuduhan pecah amanah membabitkan wang bayar balik pinjaman tiga hari lalu, bekas pegawai MARA sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Kali ini, Nor Hasmal Hazwani Mohd Kamal, 40, berhadapan 22 pertuduhan membabitkan kerugian lebih RM29,000.

Ibu kepada tiga anak itu mengaku tidak bersalah sebaik semua pertuduhan dikemuka di depan Hakim Mohd Khairi Haron.

Mengikut semua pertuduhan, dia didakwa melakukan pecah amanah ke atas wang pembayaran balik pinjaman berjumlah RM29,601.53 yang dideposit oleh dua peminjam wanita berusia 32 dan 55 tahun.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat MARA daerah Tangkak di antara 4 Oktober 2022 sehingga 8 Oktober 2024.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 406 Kanun Keseksaan yang memperuntuk hukuman penjara sehingga 10 tahun dan denda bagi setiap pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM10,000 setiap pertuduhan, selain syarat tambahan dikenakan terhadap tertuduh.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin RM19,000 bagi semua pertuduhan serta perlu melapor diri di balai polis berhampiran pada Isnin pertama setiap bulan.

Kes akan disebut semula pada 8 April ini untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.

Isnin lalu, Nor Hasmal dihadapkan ke mahkamah sama dan mengaku tidak bersalah bersalah terhadap 25 pertuduhan pecah amanah wang berjumpah RM15,839.66 yang didepositkan oleh empat peminjam berusia 41 hingga 55 tahun.

Setakat ini, sebanyak 47 pertuduhan daripada 66 keseluruhan pertuduhan sudah dikemuka terhadap tertuduh.

Nor Hasmal dijadual dihadapkan ke mahkamah hari ini untuk baki 19 pertuduhan berkaitan kesalahan sama.

BERITA HARIAN
22.01.2026 (KHAMIS)

Dakwaan kartel perolehan, salah guna kuasa

Mohd Nizam, Hafizuddiean didakwa hari ini dan esok

Oleh Hafi Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Panglima Angkatan Tentera (PAT), Tan Sri Mohd Nizam Jaafar dan bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Tan Sri Hafizuddiean Jaafar, akan dihadapkan ke Mahkamah Khas Rasuah Kuala Lumpur secara berasingan pada hari ini dan esok.

Isteri Hafizuddiean, Salwani Ansar, juga akan dihadapkan ke mahkamah sama bagi berdepan pertuduhan bersama suaminya pada hari ini.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kenyataannya semalam, memaklumkan pihaknya memperoleh izin Peguam Negara untuk mendakwa tiga individu terbabit susulan siasatan kes rasuah dan salah guna kuasa dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan TDM.

Hari ini, Hafizuddiean dan isterinya akan didakwa dengan empat pertuduhan setiap seorang mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Hafizuddiean juga akan berdepan pendakwaan dua lagi pertuduhan mengikut seksyen serta akta sama di Mahkamah Khas Rasuah Shah Alam, Selangor esok.

Salwani juga berdepan satu lagi pertuduhan mengikut seksyen serta akta sama di Mahkamah Sesyen Jertih, Terengganu, pada Isnin depan.

Sementara itu, Mohd Nizam akan berdepan dua pertuduhan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 susulan siasatan salah guna kuasa dan siasatan membabitkan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT).

Pendakwaan itu membabitkan pertuduhan pecah amanah mengikut Seksyen 409 serta Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Siasatan tempoh akhir

Dalam kenyataan sama, SPRM mengesahkan, siasatan ke atas dua lagi pegawai kanan ATM kini berada di peringkat akhir sebelum dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dalam masa terdekat untuk tindakan selanjutnya.

"SPRM menegaskan komitmen berterusan suruhanjaya ini dalam memastikan setiap kesalahan rasuah dan salah guna kuasa ditangani secara tegas, telus dan tanpa sebarang kompromi, selaras dengan prinsip kedaulatan undang-undang," katanya.

Pada 7 Januari lalu, bekas Panglima Tentera Darat (PTD) bersama dua isterinya ditahan SPRM berkait projek perolehan tender TDM sebelum selama tujuh hari, manakala kedua-dua isterinya masing-masing direman tiga dan enam hari.

Pada sedang akhbar kemudiannya, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan, sejumlah RM11.4 juta nilai barangan diskita dari dua kediaman bekas PTD termasuk satu di rumah rahsia yang terletak di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, rampasan turut dilakukan di sebuah rumah di Besut, Terengganu dan sebanyak 35 akaun syarikat berjumlah RM32.5 juta turut dibekukan oleh SPRM.

Agensi penguat kuasa itu juga hadir ke Kementerian Pertahanan pada 23 Disember lalu, bagi membuklakan siasatan awal terhadap beberapa projek membabitkan tentera darat sejak 2023.

Pada 11 Januari lalu pula, seorang pegawai pengurusan tertinggi ATM yang disiasat SPRM berkaitan salah guna dana dirakam keterangan bagi membantu siasatan.

Antara barangan kemas dirampas yang dikaitkan kes bekas Panglima Tentera Darat pada sedang media SPRM 15 Januari lalu.

IJM tolak terbabit pengubahan wang haram

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Konglomerat, IJM Corporation Bhd (IJM) menolak dakwaan terbabit dalam pengubahan wang haram, khususnya yang dikaitkan dengan pelaburan di United Kingdom (UK), ketika Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggeledah empat lokasi di sini yang ada kaitan dengan individu dan syarikat itu serta merampas 35 akaun bernilai RM15.8 juta, kelmarin.

Penggeledahan itu dibuat adalah susulan siasatan oleh Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM berkaitan tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset di luar negara yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2.5 bilion, membabitkan dua individu pengurusan tertinggi IJM.

Dalam kenyataannya, IJM memaklumkan, sejak 2012, pelaburannya di UK dibiayai terutama melalui kemudahan pembiayaan yang diperoleh daripada institusi kewangan Malaysia sebelum disalurkan kepada syarikat tujuan khas bagi projek berkaitan.

"Pelaburan ini telah melalui proses penilaian perniagaan serta tadbir urus dalaman yang ditetapkan oleh kumpulan," kata syarikat itu yang tampil memberi penjelasan berhubung laporan media yang tersebar semalam sambil menegaskan komitmennya untuk memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa serta menolak sebarang dakwaan salah laku.

Dalam kenyataan itu, syarikat terbabit memaklumkan Pengerusinya, Tan Sri Krishnan Tan, sudah bertemu pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan memberikan kerjasama penuh dalam proses berkenaan.

Beberapa kakitangan lain syarikat itu juga diminta memberikan maklumat turut memberi kerjasama sepenuhnya sebagai sebahagian daripada siasatan yang sedang dijalankan.

"Pengerusi kami, Tan Sri Krishnan Tan, telah bertemu pegawai SPRM petang ini (semalam) dan terus memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa. Syarikat serta sekutu kami di United Kingdom (UK) juga tidak mengetahui sebarang siasatan oleh Serious Fraud Office (SFO) UK.

"Kami tidak pernah dihubungi (oleh SFO) dan sebarang laporan yang mencadangkan sebaliknya adalah tidak tepat," katanya.

Mengulas laporan yang merujuk kepada seorang individu sebagai penasihat syarikat, IJM menjelaskan individu berkenaan sebelum ini hanya dilantik secara profesional bagi menyediakan khidmat nasihat berkaitan sejumlah terhad urus niaga korporat.

IJM menegaskan, individu terbabit bukan penasihat tetap seperti digambarkan dalam laporan media berkenaan, sambil menegaskan komitmennya mengekalkan standard tinggi tadbir urus korporat, ketelusan dan integriti dalam semua urusan perniagaan.

Syarikat itu turut memaklumkan operasi perniagaannya berjalan seperti biasa dan sebarang perkembangan material akan diumumkan mengikut keperluan pendedahan yang ditetapkan.

Dipanggil semula beri keterangan

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata siasatan kes itu dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Difahamkan bahawa empat lokasi yang diserbu dan digeledah dalam Ops Heart oleh SPRM itu termasuk kediaman individu serta pejabat syarikat pembinaan, pembangunan hartanah, infrastruktur dan industri.

Sumber berkata, dua pengurusan tertinggi IJM dipanggil semula memberi keterangan di ibu pejabat SPRM Putrajaya, semalam. Difahamkan, sekurang-kurang lima individu dipanggil sebagai saksi semalam.

Katanya, SPRM sudah merakam sembilan penyataan, termasuk membabitkan dua pengarusan tertinggi syarikat yang disiasat itu.

Kelmarin, IJM dalam satu maklumat kepada Bursa Malaysia, mengesahkan pegawai SPRM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) hadir ke pejabat syarikat itu untuk mendapatkan maklumat sebagai sebahagian daripada proses dijalankan mereka.

SINAR HARIAN
22.01.2026 (KHAMIS)

3,000 kontena *e-waste* lolos

SPRM tidak tolak kemungkinan kegiatan ini dilindungi pihak berkuasa tertentu

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUTRAJAYA – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memperhebatkan siasatan terhadap premis-premis yang terlibat dalam pengimportan sisa elektronik (*e-waste*) secara haram ke negara ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, hasil risikan mendapati dianggarkan antara 2,000 hingga 3,000 kontena mengandungi *e-waste* telah diseludup masuk melalui pelabuhan utama negara.

Menurutnya, syarikat-syarikat yang terlibat dipercayai dimiliki oleh warga asing dan mengimport sisa elektronik, plastik serta kertas untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

"Komponen berharga seperti tembaga, aloi dan emas diambil manakala baki sisa dilupuskan secara membakar, menanam atau dibuang terus sehingga mencemarkan udara dan sumber air.

"SPRM tidak menolak kemungkinan kegiatan ini dilindungi oleh pihak berkuasa tertentu yang sepatutnya bertanggungjawab mengekang kemasukan sisa pepejal tersebut," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Tambahnya, jika tidak dibanteras secara menyeluruh, ia berpotensi mengakibatkan pencemaran serius kepada negara.

Jelas beliau, bagi menangani isu ini, Mesyuarat Petugas Khas Berkaitan Penguatkuasaan *E-Waste* telah ditubuhkan dengan keanggotaan 12 agensi termasuk SPRM, Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

AHMAD KHUSAIRI

"Mesyuarat ini akan meneliti undang-undang khusus berkaitan *e-waste* dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan bagi memastikan kegiatan penyeludupan dapat dibanteras sehingga ke akar umbi," ujarnya.

Tegasnya, SPRM memandang serius isu ini dan memberi amaran kepada pihak berkuasa yang terlibat agar segera menghentikan pengimportan *e-waste*.

Baru-baru ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, pihaknya mencadangkan moratorium enam bulan sebagai langkah percubaan untuk melihat implikasi sebenar terhadap ekonomi, alam sekitar serta sistem penguatkuasaan negara.

Laporan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) 2025 menunjukkan Malaysia antara negara teratas mengimport sisa sejak 2023, manakala Mismanaged Waste Index (MWI) 2025 mengklasifikasikan Malaysia dalam kategori tinggi dengan kira-kira 26.4 peratus sisa plastik tidak diuruskan dengan baik.

INFO

- Hasil risikan SPRM mendapati antara 2,000 hingga 3,000 kontena *e-waste* diseludup masuk melalui pelabuhan utama negara.
- Syarikat terlibat dipercayai dimiliki warga asing dan mengimport sisa elektronik, plastik serta kertas untuk kitar semula.
- Komponen berharga seperti tembaga, aloi dan emas diambil manakala baki sisa dilupuskan secara membakar, menanam atau dibuang.

SINAR HARIAN
22.01.2026 (KHAMIS)

SPRM beku 55 akaun bank berjumlah RM15.8 juta

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan berhubung kes melibatkan IJM Corporation berkaitan isu tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset di luar negara yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2.5 bilion.

SIASATAN IJM CORPORATION

Menurut sumber, pasukan penyiasat menerusi Op Heart telah membuat pemeriksaan dan penggeledahan di empat lokasi berasingan berlainan iaitu kediaman dan pejabat salah seorang pengurusan tertinggi IJM Corporation.

"Pada masa sama, SPRM turut membekukan 55 akaun bank persendirian serta akaun syarikat yang berkaitan dengan jumlah keseluruhan dianggarkan kira-kira RM15.8 juta.

"Selain itu, siasatan turut menumpukan kepada usaha mengesan dan menyita aset-aset lain yang disyaki telah diperoleh melalui aktiviti pengubahan wang haram," katanya.

Tambahnya, sehingga kini sebanyak sembilan rakaman pernyataan telah diambil termasuk dua pengurusan tertinggi syarikat terbabit.

"Dalam pada itu, rakaman pernyataan dua pengurusan tertinggi syarikat terbabit disambung hari ini (Rabu) dan lima orang saksi lagi akan dipanggil untuk dirakam percakapan," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Pada Selasa, SPRM memaklumkan telah merakam keterangan sembilan individu termasuk dua pihak berkepentingan bagi membantu siasatan dakwaan membabitkan IJM Corporation berhubung skim pengubahan wang haram berjumlah RM2.5 bilion.

Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.

SINAR HARIAN
22.01.2026 (KHAMIS)

Counter setting: Tiga pegawai imigresen didakwa

JOHOR BAHRU - Tiga pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan seorang pemilik restoran mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas 18 pertuduhan melibatkan *counter setting* membawa masuk dan keluar pengembara antara 2023 hingga tahun lalu.

Tiga tertuduh yang merupakan Pegawai Imigresen KP2, Ridzal Mohd Yasin, 43; Hairizam Mohamed, 58, dan Md Azhar Jamal, 40, bersama pemilik restoran, Haslan Hazilah, 57, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut pertuduhan, Md Azhar yang bertugas di Pejabat Imigresen Pasir Gudang didakwa bagi 14 pertuduhan bersetuju menerima suapan keseluruhan berjumlah RM28,600 tanpa balasan daripada seorang wanita secara pindahan atas talian daripada akaun bank milik wanita itu.

Ridzal pula didakwa dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM1,700 daripada seorang ejen tiket sebagai dorongan memudahcara kemasukan pengembara warga Indonesia.

Hairizam pula dituduh menerima wang rasuah RM100 daripada seorang lelaki sebagai dorongan memudahcara urusan kemasukan migran dari Indonesia ke Malaysia.

Sementara itu Haslan didakwa menerima rasuah RM1,200 daripada seorang individu sebagai orang tengah membantu memudahcara urusan keluar masuk pengembara Indonesia ke Malaysia.

Hakim menetapkan ikat jaminan sebanyak RM8,000 terhadap Ridzal, Hairizam dan Haslan manakala RM10,000 kepada Md Azhar.

Mahkamah menetapkan tarikh sebutan semula kes pada 24 Februari depan terhadap Ridzal manakala 25 Februari kepada Md Azhar, Haslan dan Hairizam.

HARIAN METRO
22.01.2026 (KHAMIS)

SPRM Perlis menahan reman enam individu kerana mengemukakan dokumen palsu untuk tuntutan pencen ilat PERKESO. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

Enam direman tiga hingga tujuh hari

Kangar: Enam individu termasuk tiga wanita direman antara tiga hingga tujuh hari sehingga 27 Januari ini bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perlis atas dakwaan mengemukakan dokumen laporan kesihatan palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Ia bagi tujuan permohonan pencen ilat bulanan berjumlah RM255,000 sekitar dua tahun lalu.

Perintah reman terhadap suspek berusia antara 50 hingga 60 tahun termasuk seorang lelaki yang bertindak sebagai ejen yang menguruskan permohonan itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kangar, Mohd Amiruldin Roslan selepas semua tertuduh dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar jam 9.45 pagi, semalam.

Menurut sumber SPRM, pada 2024 lalu, pemohon terdiri daripada lima suspek bekerja dalam sektor swasta ada mengemukakan laporan Kesihatan palsu yang kononnya disediakan seorang doktor dari sebuah hospital di negeri ini.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Ghani mengesahkan penahanan suspek.

HARIAN METRO
22.01.2026 (KHAMIS)

SPRM GEMPUR SYARIKAT WARGA ASING IMPORT E-WASTE

3,000 kontena lolos pelabuhan negara

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Putrajaya

Syarikat dipercayai milik warga asing menjadi dalang mengimport sisa elektronik, plastik serta kertas secara haram untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

Susulan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memperhebatkan siasatan terhadap premis yang terbabit dalam pengimportan sisa elektronik (e-waste) secara haram ke negara ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata, hasil risikan mendapati dianggarkan antara 2,000 hingga 3,000 kontena mengandungi e-waste diseludup masuk melalui pelabuhan utama negara.

Menurutnya, syarikat ini dipercayai dimiliki oleh warga asing dan mengimport sisa elektronik, plastik serta kertas untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

"Komponen berharga seperti tembaga, aloi dan emas diambil, manakala baki sisa dilupuskan secara membakar, menanam atau dibuang terus sehingga mencemarkan udara dan sumber air.

"SPRM tidak menolak kemungkinan kegiatan ini dilindungi oleh pihak berkuasa tertentu yang sepatutnya bertanggungjawab mengekang kemasukan sisa pepejal terbabit," katanya.

Beliau berkata, jika tidak dibanteras secara menyeluruh, ia berpotensi mengakibatkan pencemaran serius kepada negara.

"Bagi menangani isu ini, Mesyuarat Petugas Khas Berkaitan Penguatkuasaan E-Waste telah ditubuhkan dengan keanggotaan 12 agensi termasuk SPRM, Agensi Kawalan Penerimaan Sisa (AKPS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Mesyuarat ini akan meneliti undang-undang khusus berkaitan e-waste dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan bagi memastikan kegiatan penyeludupan dapat dibanteras sehingga ke akar umbi," katanya dalam kenyataan semalam.

Harian Metro sebelum ini mendedahkan Malaysia terus menjadi destinasi lambakan sisa e-waste dari negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan United Kingdom (UK).

Malah ada yang sanggup membayar upah lumayan kepada pengimport bagi melupuskan 'sampah' itu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) QAS International Ts Md Adha Rahmat dilaporkan berkata, pihaknya bimbang ada pengimport yang mengambil kesempatan membawa masuk e-waste itu bukan untuk diproses semula sebaliknya mereka menerima bayaran untuk dilupuskan dengan cara yang tidak sah di negara ini.

Muka depan Harian Metro sebelum ini turut merungkai modus operandi penyeludup menggunakan deklarasi palsu bagi membolehkan sisa plastik tercemar atau tidak diproses diisytiharkan sebagai barangan lain, sekali gus mengaburi pihak berkuasa ketika pemeriksaan.

Bagaimanapun, belah pengimport menyeludup masuk sisa plastik ke negara ini terbongkar apabila JKDM menggagalkan 50 cubaan penyeludupan sejak 2023 hingga 30 Jun lalu membabitkan hampir dua juta kilogram (kg) sisa plastik dengan nilai melebihi RM5.57 juta.

Kebanyakan kes dikesan menggunakan pengikraran tidak tepat serta memanipulasi kod barangan bagi mengelakkan pemeriksaan terperinci.

MALAYSIA jadi destinasi lambakan sisa e-waste dari negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan United Kingdom.

HARIAN METRO
22.01.2026 (KHAMIS)

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

SPRM GELEDAH IJM

Beku 55 akaun RM15.8 juta

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan penggeledahan berkait konglomerat utama negara, IJM Corporation Berhad (IJM) dan membekukan 55 akaun dengan nilai berjumlah kira-kira RM15.8 juta.

Difahamkan bahawa empat lokasi, termasuk kediaman individu serta pejabat syarikat pembinaan, pembangunan hartanah, infrastruktur dan industri itu, digeledah SPRM dalam satu operasi dipanggil Ops Heart.

Penggeledahan itu untuk membantu siasatan membabitkan dakwaan salah laku tadbir urus korporat dan aset luar negara yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2.5 bilion.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki *(gambar)* mengesahkan siasatan kini dijalankan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

IJM dalam satu maklumat kepada Bursa Malaysia sebelum ini, mengesahkan pegawai daripada SPRM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah hadir ke pejabat syarikat itu untuk mendapatkan maklumat sebagai sebahagian daripada proses dijalankan mereka.

Menurut syarikat itu, mereka akan bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa, serta komited mendukung piawaian tadbir urus korporat, ketelusan dan integriti yang kukuh.

Sementara itu, satu sumber berkata, tindakan penggeledahan itu juga adalah susulan siasatan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM ke atas dua individu pengurusan tertinggi IJM.

"SPRM kini menjalankan siasatan kes sebuah konglomerat berkaitan isu tadbir urus korporat, proses perolehan, transaksi kewangan serta pemilikan aset di luar negara yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2.5 bilion.

"Pasukan penyiasat sudah membuat pemeriksaan dan penggeledahan di empat lokasi berasingan, iaitu kediaman dan pejabat salah seorang pengurusan tertinggi syarikat berstatus mega itu.

"Dalam operasi itu, SPRM juga membekukan 55 akaun bank persendirian serta akaun syarikat-syarikat berkaitan membabitkan keseluruhan bernilai RM15.8 juta," katanya.

KARTEL PROJEK TENDER PEROLEHAN TENTERA DARAT

Pegawai tertinggi ATM didakwa hari ini

Kuala Lumpur: Seorang pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes rasuah berkaitan kartel projek tender perolehan tentera darat dijangka dituduh di mahkamah, hari ini.

Difahamkan pertuduhan itu dibuat selepas SPRM mengemukakan kertas siasatan bagi Ops Parasit kepada Pejabat Peguam Negara (AGC) pada Isnin lalu.

Sebelum ini, pegawai tinggi berusia 58 tahun itu bersama dua ahli keluarganya ditahan SPRM bagi melengkapkan siasatan pegawai penyiasat berhubung kes tender perolehan ATM.

Media sebelum ini melaporkan, SPRM pada 7 Januari lalu menahan seorang pegawai tinggi bersama dua isterinya berkait projek perolehan tender Tentera Darat dan keesokan harinya, pegawai itu direman selama tujuh hari manakala kedua-dua isterinya masing-masing direman tiga dan enam hari menerusi Op Parasit.

Sejak 23 Disember lalu, siasatan SPRM bermula apabila agensi itu hadir ke Kementerian Pertahanan untuk memulakan siasatan awal terhadap beberapa projek membabitkan Tentera Darat sejak 2023.

BERITA HARIAN
23.01.2026 (JUMAAT)

Dua lagi pegawai kanan ATM akan didakwa minggu depan

Kota Bharu: Dua lagi pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bergelar Datuk, dijangka dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan berkaitan rasuah pada minggu hadapan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata kertas siasatan kes terhadap kedua-duanya sudah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara.

Beliau berkata, maklum balas berkenaan pertuduhan itu dijangka diterima daripada Jabatan Peguam Negara dalam masa terdekat.

"Bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia akan didakwa esok (hari ini), manakala dua lagi pegawai kanan bergelar Datuk dijangka didakwa minggu hadapan. Kertas siasatan sudah diberikan kepada Timbalan Pendakwa Raya. Tanggungjawab di pihak SPRM sudah dilaksana.

"Jadi kita minta Peguam Negara mempercepatkan pertuduhan kerana kes ini menjadi tumpuan dan membabitkan dana yang besar serta duit rakyat," katanya pada sidang media Program Cakna Rakyat: SPRM Bersama Media di sini, semalam.

BERITA HARIAN
23.01.2026 (JUMAAT)

Dakwaan kartel perolehan, salah guna kuasa

Bekas PTD dituduh terima RM2.2j, isteri ke-3 RM77,000

Hafizuddeain, Salwani mengaku tidak bersalah empat pertuduhan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Nuratikah Athilya Hassan
bhnews@bh.com.my

Hafizuddeain dan Salwani tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Kuala Lumpur: Bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan bersama isteri ketiganya, Salwani Anuar @ Kamaruddin, 27, masing-masing mengaku tidak bersalah terhadap empat tuduhan menerima wang haram ketika dihadapkan secara berasingan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hafizuddeain, 58, yang tenang sepanjang prosiding, mengaku tidak bersalah terhadap empat pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram keseluruhannya berjumlah RM2.12 juta di antara 2 Februari 2024 hingga 7 November tahun lalu ketika dikemukakan di hadapan Hakim, Azura Alwi.

"Faham (pertuduhan) puan, saya mohon dibicarakan," katanya yang menjadi PTD pertama dihadapkan ke mahkamah berhubung kes pengubahan wang haram berkaitan tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Tertuduh menghantar surat memohon bersara daripada perkhidmatan tentera bermula 1 Januari lalu, didakwa menerima hasil daripada aktiviti haram, iaitu wang berjumlah RM969,000, RM474,850, RM488,550 dan RM190,000 yang dimasukkan ke dalam tiga akaun bank miliknya.

Semua kesalahan berkenaan didakwa dilakukan di dua buah bank di tiga lokasi berbeza iaitu di Jalan Melaka, Jalan Tun Perak dan Bukit Damansara di sini, antara 2 Februari 2024 dan 7 November 2025.

Hafizuddeain didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) akta sama.

Jika disabitkan kesalahan, dia boleh dikenakan hukuman maksimum penjara 15 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.

Azura kemudian membenarkan Hafizuddeain dikaut jamin dengan wang jaminan RM250,000 dengan dua penjamin (setiap seorang RM125,000) dan menetapkan 30 Mac bagi tarikh sebutan kes.

Dikenakan syarat tambahan

Hakim turut mengenakan syarat tambahan seperti dipohon pendakwaan, iaitu tertuduh dikehendaki melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekali sebulan dan pasportnya diserah simpan oleh mahkamah sehingga kes selesai.

Terdahulu, Pengarah Kanan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin, mencadangkan tertuduh dijamin dengan wang jaminan RM300,000 dengan dua penjamin dan dua syarat tambahan berkenaan.

"Keberangkalian untuk tertuduh melarikan diri itu ada dan pendakwaan percaya pihak pembelaan tidak boleh menafikan kebarangkalian berkenaan. Jumlah RM300,000 itu sangat munasabah dan tidak menekan," katanya.

Sementara itu, peguam bela, Aizul Rohan Anuar, tidak membantah syarat tambahan kerana itu mekanisme untuk memastikan kedatangan tertuduh ke mahkamah, namun memohon mahkamah mempertimbangkan jumlah jaminan dikurangkan kepada hanya RM100,000.

"Jumlah lebih daripada (RM100,000) itu adalah berlebihan dalam keadaan ini. Tertuduh berkhidmat dalam tentera lebih 40 tahun dan sekarang status beliau seorang pesara dengan pendapatan RM15,000 sebulan.

"Dengan mengambil kira semua akaunnya dibekukan, ia menjadi hukuman jika jumlah yang tinggi dikenakan.

"Jasa beliau dalam tentera dan pernah berkhidmat setahun di Bosnia, manakala isteri beliau juga menghadapi pertuduhan hari ini dan beliau juga bertanggungjawab menanggung wang jaminan isterinya," katanya.

Wan Shaharuddin kemudian bangun dan berkata pihaknya berterima kasih atas perkhidmatan diberi tertuduh selama 40 tahun, namun jaminan ditawarkan pendakwaan adalah munasabah.

"Jaminan bukan diambil kira daripada poket tertuduh, tetapi penjamin, isteri ketiga tertuduh akan didakwa di Mahkamah Sesyen berasingan dan jaminan bukan dibayar tertuduh, tetapi penjamin. Amaun ditawar munasabah dan tidak menekan," katanya.

Sementara itu dalam prosiding berasingan, Salwani, 27, mengaku tidak bersalah terhadap empat tuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM77,000 yang dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Rosli Ahmad.

Sebelum pertuduhan dibacakan, peguam bela, Fahmi Abd Moin, memohon agar anak guamnya dibenar duduk kerana mengalami bisul di bahagian paha.

Bagi empat tuduhan itu Salwani didakwa sebagai pengawal syarikat Wany Venture didakwa menerima hasil aktiviti haram iaitu wang masing-masing RM50,000, RM7,000, RM10,000 dan RM10,000 yang dimasukkan ke akaun CIMB Islamic Bank Berhad milik syarikat berkenaan.

Kesalahan itu dilakukan di Bank CIMB Cawangan Damansara Heights, Wisma UOA II di sini, di antara 24 November 2024 hingga 25 November 2025 dan dituduh mengikut Subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 dan dibaca bersama Subseksyen 87(1)(a) akta sama, boleh dihukum di bawah Subseksyen 4(1) akta sama.

Selain Wan Shaharuddin, pihak pendakwaan turut diwakili Timbalan Pendakwa Raya Mahadi Abdul Jumaat, Farah Yasmin Salleh, Natrah Fareha Rahmat, Muhammad Asraf Mohamed Tahir dan Maziah Mohaide.

Hakim menetapkan ikat jamin RM30,000 dengan dua penjamin ke atas Salwani dan membenarkan kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen 9, Kuala Lumpur dengan tarikh sebutan semula serta penyerahan dokumen kes ditetapkan pada 30 Mac ini.

BERITA HARIAN
23.01.2026 (JUMAAT)

'Khidmat 40 tahun tetap tak terlepas pertuduhan'

Kuala Lumpur: Pihak pendakwaan menghargai khidmat bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan, selama 40 tahun dalam bidang pertahanan negara, namun ketika ini beliau adalah tertuduh yang perlu menghadapi proses perundangan.

Pengarah Kanan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin, menegaskan khidmat selama hampir empat dekad kepada negara itu tidak meletakkan seseorang itu di atas daripada undang-undang.

"Memang benar beliau berkhidmat selama 40 tahun dalam bidang pertahanan negara dan kami menghargainya.

"Namun, pada ketika ini, beliau seorang tertuduh dan perlu menghadapi proses perundangan," katanya di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam.

Wan Shaharuddin menegaskan, walaupun kes itu dilihat mempunyai fakta jelas, namun beliau mengakui pendakwaan tetap berdepan cabaran tersendiri kerana ia membabitkan jumlah wang yang besar serta aspek pembuktian ketat.

"Dalam mana-mana kes, termasuk yang kelihatan mudah, tetap wujud risiko dan halangan. Pihak pendakwaan tidak boleh memberi jaminan sabitan, namun kami akan berusaha sedaya upaya untuk membuktikan pertuduhan," katanya.

Menjawab pertanyaan berhubung risiko tertuduh melarikan diri selepas dibenarkan ikat jamin, beliau berkata, dalam kes rasuah dan pengubahan wang haram yang membawa hukuman berat, kebarangkalian itu tidak boleh diketepikan.

"Disebabkan itu, pendakwaan memohon supaya pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah bagi memastikan kelancaran prosiding," katanya.

Beliau berkata, pihak pendakwaan juga akan memohon supaya kes membabitkan Muhammad Hafizuddeain dan isteri ketiganya, Salwani Anuar @ Kamaruddin, dipindahkan dari Shah Alam dan Kuala Terengganu untuk dibicarakan secara bersama di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

BERITA HARIAN
23.01.2026 (JUMAAT)

Tokoh kewangan disyaki tipu pelaburan lebih RM300j direman

Suspek bergelar Tan Sri gagal berikan pulangan lumayan seperti dijanjikan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang tokoh kewangan bergelar Tan Sri, kerana disyaki menipu wang pelabur dipercayai membabitkan nilai lebih RM300 juta sejak dua tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata suspek berusia 60-an berkenaan ditahan kelmarin sebelum dikenakan perintah tahanan reman selama empat hari oleh Majistret, Ezrene Zakariah, di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam.

Beliau berkata, suspek terbabit ditahan sejurus tiba di ibu pejabat SPRM di Putrajaya kelmarin, manakala ahli Lembaga Pengarah syarikat berkenaan ditahan pada Selasa.

"Kita mendapat maklumat Tan Sri berusia 60-an dan seorang wanita berusia 50-an yang memegang jawatan sebagai Lembaga Pengarah sebuah syarikat pelaburan terbabit dengan penipuan pelabur yang berskala besar.

"Ramai pelabur kehilangan ratusan juta ringgit dan kita anggarkan kerugian dialami pelabur lebih RM300 juta sejak dua tahun lalu. Pelaburan yang didalangi dua suspek berkenaan adalah pelbagai dengan dijanjikan pulangan yang lumayan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pada Program Cakna Rasuah: SPRM Bersama Media di sini, semalam.

Reman 4 hari

Azam berkata, suspek yang bergelar Tan Sri, dikenakan perintah tahanan reman selama empat hari untuk membantu siasatan lanjut.

"Justeru saya menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah terjebak dengan kegiatan pelaburan yang akhirnya terpaksa menanggung kerugian," katanya.

Azam berkata, kes terbabit sedang disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Lelaki bergelar Tan Sri yang ditahan reman disyaki terbabit dalam penipuan pelaburan berskala besar dianggarkan bernilai lebih RM300 juta. (foto BERNAMA)

Sementara itu, sumber berkata, skim pelaburan yang dijalankan Tan Sri terbabit yang terkenal sebagai pakar pelaburan itu, menjanjikan pulangan lumayan dan boleh 'dinikmati' sejak beberapa tahun lalu lagi.

BH difahamkan, pelaburan itu sepatutnya memperoleh pulangan sejak dua tahun lalu, tetapi tidak memberi pulangan seperti dijanjikan sehingga kini.

Sumber berkata, siasatan SPRM mendapati dana yang dilabur kepada syarikat dikendalikan tokoh terbabit diseleweng tanpa pengetahuan pelabur.

"Ia sepatutnya dipulangkan semula selepas tarikh matang perjanjian pelaburan berakhir pada 2024, namun perkara itu tidak berlaku," kata sumber.

BERITA HARIAN
23.01.2026 (JUMAAT)

Beberapa lagi kementerian kini dalam 'radar' SPRM

Kota Bharu: Selepas isu perolehan di Kementerian Pertahanan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam mengesahkan beberapa kementerian lain kini berada di dalam 'radar' berkaitan isu sama.

Tanpa mendedahkan kementerian terbabit, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, kementerian berkenaan dikesan mempunyai isu berkaitan perolehan.

Katanya, isu berkaitan perolehan yang membabitkan ketirisan adalah penting.

"Saya akan lakukan tindakan agresif ini kerana ini adalah tanggungjawab kami (SPRM) untuk menyelamatkan duit negara.

"Fasa 'cuci pinggan mangkuk' SPRM ini kami lakukan sejak 2009 lagi dengan melakukan pembersihan (rasuah)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Program Cakna Rasuah: SPRM Bersama Media Zon Timur di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengarah SPRM Kelantan, Azmin Yusoff.

Mengulas lanjut beliau berkata, bagi Kementerian Pertahanan, pintu siasatan sudah dibuka oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

"Saya menyambut baik dan hantar pegawai ke sana. Kami hanya nak membantu mengenai isu perolehan membabitkan ketirisan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Azam berkata SPRM membuka tiga kertas siasatan antara 2023 hingga 2026 membabitkan dakwaan penyalahgunaan dana awam oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk koperasi dan beberapa syarikat yang menerima pembiayaan kerajaan.

Katanya, beberapa NGO yang memperoleh peruntukan kerajaan didapati menyalahgunakan dana berkenaan, manakala isu yang sama turut dikesan membabitkan koperasi.

Katanya, sejumlah syarikat yang menerima pinjaman kerajaan juga disiasat atas dakwaan penyelewengan dana.

"Beberapa kertas siasatan turut dibuka berkaitan isu perolehan, termasuk pembelian aset dan projek pembangunan dengan jumlah keseluruhan 26 kertas siasatan direkodkan," katanya ketika siaran langsung di studio Kelantan FM, semalam.

Azam berkata, kes sedemikian tidak terhad kepada mana-mana negeri tertentu, malah trend sama dapat dilihat di seluruh negara.

"Ia sama di semua negeri, malah pada peringkat ibu pejabat, jika sesebuah negeri lebih besar dan menguruskan lebih banyak dana, kerugian yang terbabit biasanya lebih tinggi," katanya.

Mengulas aspek penguatkuasaan, Azam berkata, sebanyak 13 kertas siasatan dibuka dan kes pada peringkat negeri adalah relatif lebih sedikit dan kebanyakannya membabitkan kesalahan kecil serta terpencil.

"Bagi kes penguatkuasaan pada peringkat negeri, ia biasanya membabitkan kesalahan kecil dan terpencil.

"Jadi, saya sering mengingatkan pegawai tidak membazir tenaga menangani perkara remeh, kerana tindakan tatatertib boleh diambil melalui saluran lain," katanya.

Azam berkata, SPRM kini mengamalkan pendekatan berbeza dengan menumpukan sumber kepada kes besar dan berimpak tinggi.

SPRM sasar dapat semula RM10b hasil penyelewengan

Kota Bharu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyasarkan mendapatkan semula sebanyak RM10 bilion yang lesap hasil penyelewengan, rasuah dan ketirisan tahun ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata ia akan dilakukan menerusi Pasukan Petugas Khas Pelbagai Agensi (MATF) yang ditugaskan 'mencari balik' wang awam yang hilang itu.

Beliau berkata menerusi MATF, semua agensi diminta berusaha mendapatkan semula wang yang hilang akibat penyelewengan.

Katanya, satu daripada kaedah mendapatkan semula wang yang tiris itu ialah menerusi usaha menangani kes penyeludupan.

"Banyak kegiatan penyeludupan yang berlaku dan pihak agensi perlu mencari pelbagai pendekatan untuk menangani isu berkenaan kerana ia membabitkan hasil apabila cukai tidak dibayar.

"Sebagai contoh, rokok seludup yang diserbu mungkin kita akan dapat sejumlah rokok. Namun kita perlu melihat mungkin lima hingga 10 tahun yang lalu mereka sudah import rokok seludup.

"Jadi kita perlu melihat ke belakang bagi mendapatkan duit yang hilang itu dan perkara ini saya tekankan kepada semua pengarah SPRM negeri juga," katanya.

HARIAN METRO
23.01.2026 (JUMAAT)

BEKAS PENGETUA HADAPI 23 PERTUDUHAN

Tak mengaku pecah amanah RM138,673

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof dan Auris Faqrurazzi
am@hmetro.com.my

Butterworth

Bekas Pengetua Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Maahad Al-Imam Nawawi (MIN), Kepala Batas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 23 pertuduhan pecah amanah membabitkan dana sekolah berjumlah RM138,673.80.

Tertuduh, Zaidi Salleh, 58, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas semua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh atas kapasiti sebagai pengetua dan Setiausaha Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) MIN diamanahkan penguasaan ke atas harta iaitu dana milik MIN.

Dia didakwa secara tidak jujur menyalahgunakan harta berkenaan dengan cara membuat pindahan wang atas talian berjumlah RM138,673.80 kepada diri sendiri. Wang itu sepatutnya digunakan untuk penyelenggaraan MIN.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada Julai hingga Disember 2019 melalui 23 transaksi pemindahan wang atas talian membabitkan nilai serendah RM300 hingga RM35,000.

ZAIDI dihadapkan ke Mahkamah Butterworth.

Zaidi berkhidmat sebagai pengetua MIN sejak 2019 hingga 2023 dan kini bertugas sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG10 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kepala Batas.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan dengan sebat selain boleh juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Noor Azura Zulkiflee dan Nurnajihatul Idayu Mohd Azuyar manakala Zaidi diwakili peguam, Muhammad Adam Luqman Mohammad Ismail.

Noor Azura memohon jaminan ditetapkan sebanyak RM50,000 mengambil kira kesalahan dan jumlah wang terbabit.

Beliau turut memohon syarat tambahan dikenakan yang memerlukan tertuduh melapor diri ke pejabat SPRM pada setiap bulan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Sementara itu, Muhammad Adam Luqman memohon kadar jaminan minimum selain memaklumkan anak guamnya mempunyai lapan anak dengan enam daripadanya masih bersekolah termasuk ada yang menuntut di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara.

"Anak guam saya mempunyai komitmen terhadap keluarga dan mempunyai pekerjaan tetap sebagai guru agama di sebuah sekolah di Kepala Batas. Jadi, tidak timbul kemungkinan tertuduh melarikan diri.

"Isterinya juga menghidap kencing manis yang memerlukan rawatan serta pemantauan berterusan. Ini kali pertama tertuduh dihadapkan ke mahkamah.

"Anak guam saya juga sudah memberi aku janji akan memberi kerjasama terbaik kepada pegawai SPRM," katanya.

Hakim Zulhazmi kemudian membenarkan Zaidi diikat jamin RM30,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah turut mengarahkan tertuduh menyerahkan dokumen perjalanan antarabangsa kepada mahkamah sehingga kes selesai serta melapor diri ke pejabat SPRM berdekatan sekali sebulan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 26 Februari depan untuk penyerahan dokumen mengikut Seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah.

HARIAN METRO
23.01.2026 (JUMAAT)

Dua tahun kaut RM300 juta

SPRM sahkan penangkapan seorang lelaki bergelar Tan Sri yang disyaki menipu duit pelabur

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan menangkap seorang lelaki bergelar Tan Sri yang disyaki menipu duit pelabur dipercayai membabitkan nilai lebih RM300 juta sejak dua tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, suspek berusia 60-an berkenaan ditahan kelmarin dan direman pagi semalam di Mahkamah Putrajaya.

Katanya, suspek ditahan selepas tiba di pejabat SPRM kelmarin, manakala Lembaga Pengarah syarikat itu ditahan Selasa lalu.

"Kita mendapat maklumat Tan Sri berusia 60-an dan seorang wanita berusia 50-an yang memegang jawatan sebagai Lembaga Pengarah sebuah syarikat pelaburan terbabit dengan penipuan pelabur yang berskala besar.

"Ramai pelabur kehilangan ratusan juta ringgit dan kita anggarkan kerugian dialami pelabur lebih RM300 juta sejak dua tahun lalu.

AZAM Baki ketika hadir di program 'Cakna Rasuah: SPRM Bersama Media Zon Timur' di Kota Bharu, Kelantan.

"Pelaburan yang didalangi dua suspek terbabit adalah pelbagai dengan dijanjikan pulangan yang lumayan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pada Program Cakna Rasuah : SPRM Bersama Media di sini, semalam.

Katanya, suspek kini direman empat hari untuk siasatan lanjut.

"Justeru, saya menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah terjebak dengan kegiatan pelaburan yang akhirnya terpaksa menanggung kerugian," katanya.

HARIAN METRO
23.01.2026 (JUMAAT)

Patut pulang wang pelaburan selepas tempoh matang

Kuala Lumpur: Bekas pengarah syarikat bergelar Tan Sri yang disyaki menipu duit pelabur dipercayai membabitkan nilai lebih RM300 juta sejak dua tahun lalu sepatutnya memulangkan wang pelaburan selepas tempoh matang, namun gagal berbuat demikian.

Menurut sumber, dana terbabit diseleweng tanpa pengetahuan pelabur yang mana pelaburan itu sepatutnya dipulangkan semula selepas tarikh matang perjanjian pelaburan berakhir pada 2024.

"Susulan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan bekas pengarah syarikat terbabit jam 7.15 petang semalam (kelmarin) yang disyaki menyalahguna dana pelaburan berjumlah RM6 juta.

"SPRM tidak menolak kemungkinan nilai dana yang diseleweng boleh mencecah ratusan jutaan ringgit," katanya.

Terdahulu, Harian Metro SPRM mengesahkan menangkap seorang lelaki bergelar Tan Sri yang disyaki menipu duit pelabur membabitkan nilai lebih RM300 juta sejak dua tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilapor berkata, suspek berusia 60-an ditahan kelmarin dan direman di Mahkamah Putrajaya, semalam.

Sasar kutipan RM10 bilion

Kota Bharu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mensasarkan jumlah kutipan sebanyak RM10 bilion sepanjang tahun ini hasil daripada aktiviti penyelewengan dan ketirisan menerusi Pasukan Petugas Khas Pelbagai Agensi (MATF).

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, bagi mencapai sasaran berkenaan, semua agensi perlu mencari balik wang yang hilang berkenaan.

Katanya, salah satu bagi mendapatkan wang yang hilang itu dalam usaha menangani kes penyeludupan.

"Banyak kegiatan penyeludupan yang berlaku dan pihak agensi perlu mencari pelbagai pendekatan untuk menangani isu berkenaan kerana ia membabitkan hasil apabila cukai tidak dibayar.

"Sebagai contoh, rokok seludup yang diserbu mungkin kita akan dapat sejumlah rokok. Namun, kita perlu melihat mungkin lima hingga 10 tahun yang lalu mereka sudah import rokok seludup.

"Jadi, kita perlu melihat ke belakang bagi mendapatkan wang yang hilang itu dan perkara ini saya tekankan kepada semua pengarah SPRM negeri juga," katanya.

Dua lagi pegawai kanan ATM dijangka didakwa

Kota Bharu: Dua lagi pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bergelar Datuk dijangka didakwa minggu depan berkaitan kesalahan rasuah.

Ketua Pesuruhjaya Suuhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, kertas siasatan sudah diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Katanya, maklum balas berkenaan diperoleh daripada Jabatan Peguam Negara dalam masa terdekat.

"Bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) didakwa esok (hari ini), manakala dua pegawai kanan bergelar Datuk didakwa minggu depan.

"Kertas siasatan sudah diberikan kepada TPR. Tanggungjawab di pihak SPRM sudah dilaksanakan.

"Jadi, kita minta Peguam Negara percepatkan pertuduhan ini kerana kes ini jadi tumpuan dan membabitkan dana yang besar serta duit rakyat," katanya.

Terdahulu media melaporkan, bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam, atas empat kes menerima hasil aktiviti haram RM2,122,400 pada 2024 hingga tahun lalu.

SPRM buka tiga kertas siasatan

Kota Bharu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka tiga kertas siasatan bagi tempoh 2023 hingga 2026 membabitkan dakwaan penyalahgunaan dana awam oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk koperasi dan beberapa syarikat menerima pembiayaan kerajaan.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, beberapa NGO yang memperoleh peruntukan kerajaan didapati menyalahgunakan dana berkenaan, manakala isu yang sama turut dikesan membabitkan koperasi.

Beliau berkata, sejumlah syarikat yang menerima pinjaman kerajaan juga disiasat atas dakwaan penyelewengan dana.

"Beberapa kertas siasatan turut dibuka berkaitan isu perolehan, termasuk pembelian aset dan projek pembangunan dengan jumlah keseluruhan 26 kertas siasatan direkodkan," katanya ketika siaran langsung di studio Kelantan FM, semalam.

Azam berkata, kes sedemikian tidak terhad kepada mana-mana negeri tertentu, malah trend sama dapat dilihat di seluruh negara.

"Ia sama di semua negeri, malah pada peringkat ibu pejabat, jika sesebuah negeri lebih besar dan menguruskan lebih banyak dana, kerugian yang terbabit biasanya lebih tinggi," katanya.

Mengulas aspek penguatkuasaan, Azam berkata, sebanyak 13 kertas siasatan dibuka dan kes pada peringkat negeri adalah relatif lebih sedikit dan kebanyakannya membabitkan kesalahan kecil serta terpencil.

"Bagi kes penguatkuasaan pada peringkat negeri, ia biasanya membabitkan kesalahan kecil dan terpencil.

"Jadi, saya sering mengingatkan pegawai tidak membazir tenaga menangani perkara remeh, kerana tindakan tatatertib boleh diambil melalui saluran lain," katanya.

Proaktif tangani pencerobohan tanah, eksploitasi sumber hutan

Kota Bharu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengarahkan pegawainya di Kelantan supaya lebih proaktif tahun ini dalam menangani ketirisan yang dikaitkan dengan pencerobohan tanah dan eksploitasi sumber hutan secara haram di negeri itu.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, isu seperti pembukaan tanah, pengeluaran mineral secara haram serta penyalahgunaan kuasa oleh segelintir pegawai memerlukan pemantauan lebih rapi.

"Ketirisan yang berpunca daripada aktiviti ini adalah isu penting. Kami memantau rapat perkembangan di Kelantan," katanya ketika bersiaran secara langsung di studio Kelantan FM, semalam.

Azam berkata, sebahagian isu berlaku di Kelantan ketika ini hampir sama perkara yang pernah diperhatikannya semasa berkhidmat di negeri itu sebelum ini.

"Saya sudah mengarahkan pegawai SPRM Kelantan supaya lebih aktif tahun ini, khususnya dalam menangani ketirisan berkaitan penerokaan dan pencerobohan tanah.

"Pegawai perlu sentiasa peka dan memberi perhatian kepada isu yang dianggap penting oleh rakyat," katanya.

Beliau menegaskan bahawa usaha penguatkuasaan tidak seharusnya digerakkan semata-mata berdasarkan statistik, sebaliknya berpandukan isu sebenar yang memberi kesan kepada rakyat.

"Di Kelantan, jangan hanya bergantung kepada statistik. Pegawai perlu melihat perkara dirasakan penting oleh rakyat. Mereka tidak boleh leka dan konsisten bekerja setiap hari," katanya.

HARIAN METRO
23.01.2026 (JUMAAT)

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Shah Alam

Pemilik syarikat antara enam individu ditahan reman bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan pemberian suapan kepada seorang penjawat awam sebagai balasan tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas premis masing-masing.

Mereka ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor menerusi Ops Nature yang menyerbu premis e-waste dan memberi rasuah kepada penjawat awam untuk tidak mengambil tindakan bagi kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Perintah reman empat hari sehingga esok terhadap semua suspek dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar, Meera Mastura Khamis selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor, semalam.

Menurut sumber, suspek terdiri daripada empat lelaki dan dua wanita berusia antara 40 hingga 60-an ditahan secara berasingan menerusi Ops Nature di sekitar Negeri Sembilan dan Lembah Klang jam 10.30 pagi dan 12.30 tengah hari kelmarin.

"Semua suspek dipercayai melakukan perbuatan terbabit antara Februari hingga November tahun lalu.

"Semua suspek disyaki memberi wang rasuah antara RM2,000 hingga RM50,000 secara tunai," katanya.

Susulan itu, sumber berkata, SPRM turut menggeledah kilang dan rumah semua suspek yang terletak di Lembah Klang dan Nilai, Negeri Sembilan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Mohd Azwan Ramli berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk mendapat perintah reman.

SUAP PENJAWAT AWAM

Pemilik syarikat antara enam direman

HARIAN METRO
23.01.2026 (JUMAAT)

SUSULAN IJM DIGELEDAH

Dua dipanggil untuk lengkapkan siasatan

Kota Bharu: Dua pengurusan tertinggi yang dipanggil ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi siasatan mengenai kes IJM Corporation Berhad (IJM) untuk melengkapkan siasatan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, isu RM2.5 bilion dalam siasatan SPRM berikutan ia juga disiasat di luar negara iaitu United Kingdom (UK).

"Mereka hantar kepada kami (siasatan RM2.5 bilion). Luar negara siasat, jadi kami juga kena siasat.

"Setakat ini hanya itu saja (55 akaun dengan nilai berjumlah kira-kira RM15.8 juta yang dibeku). Kami sudah panggil dua individu berkenaan ke pejabat kami.

"Kes ini berlaku lama iaitu sekitar 2015 hingga 2016 iaitu sembilan tahun dah berlaku," katanya pada sidang media di Program Cakna Rasuah: SPRM Bersama Media Zon Timur di Grand Riverview Hotel di sini, semalam.

"Mereka hantar kepada kami (siasatan RM2.5 bilion). Luar negara siasat, jadi kami juga kena siasat"

Azam

Turut hadir, Pengarah SPRM Kelantan, Azmin Yusoff.

Terdahulu media melaporkan, SPRM melakukan penggeledahan berkait konglomerat utama negara, IJM Corporation Berhad dan membekukan 55 akaun dengan nilai berjumlah kira-kira RM15.8 juta.

Difahamkan bahawa empat lokasi, termasuk kediaman individu serta pejabat syarikat pembinaan, pembangunan hartanah, infrastruktur dan industri itu, digeledah SPRM dalam satu operasi dipanggil Ops Heart.

AZAM pada Program Cakna Rasuah: SPRM Bersama Media Zon Timur, semalam.

SPRM tambah empat lagi pegawai integriti di MINDEF

Kota Bharu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, kelmarin.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pertemuan itu membincangkan mengenai kerjasama antara SPRM dengan Kementerian Pertahanan (MINDEF).

Katanya, ia termasuk mengenai ketirisan yang berlaku dalam MINDEF termasuk perolehan tender dan perolehan sebut harga.

"Justeru, SPRM sudah meletakkan dua pegawai integriti dalam tempoh dua tahun lalu. Kami akan menambah empat lagi pegawai di sana yang akan menjalankan tugas dalam tempoh jangkaan enam bulan ini.

"Pegawai integriti ini bukan hendak menjalankan siasatan (kes), namun nak tengok mengenai cara mana perolehan dibuat, sesuatu cadangan dan sebagainya.

"Ini termasuk untuk tentera darat, laut dan udara. Buat satu kajian dan semakan untuk mengelakkan kebocoran serta kelemahan dan sebagainya," katanya pada sidang media di Program Cakna Rasuah: SPRM Bersama Media Zon Timur di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah SPRM Kelantan, Azmin Yusoff.

HARIAN METRO
23.01.2026 (JUMAAT)

PALSU TUNTUTAN PENCEN ILAT

Enam individu ditahan

Kuala Lumpur: Enam individu membabitkan Orang Berinsurans (OB) dan dalang yang dipercayai bersekongkol dalam pemalsuan dokumen bagi tuntutan faedah pencen ilat, diberkas mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, tangkapan itu dilakukan hasil risikan dan siasatan menerusi Ops Stroke dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak 3 September tahun lalu.

"Siasatan awal mendapati jumlah faedah yang dibayar akibat tuntutan palsu ini mencecah RM220,000. Bagaimanapun, tindakan pantas Perkeso berjaya menyekat unjuran kerugian yang lebih besar.

"Jika sindiket pemalsuan dokumen ini tidak ditangani dengan segera, nilai kerugian dianggarkan menjangkau RM3.78 juta," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, PERKESO tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba menggugat integriti keselamatan sosial negara demi kepentingan peribadi.

Mohammed Azman berkata, semua permohonan tuntutan PERKESO adalah percuma dan pencarum hanya perlu berurusan terus dengan Perkeso bagi mengelakkan mereka dimanipulasi ejen atau sindiket.

"PERKESO sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan tiada unsur manipulasi atau penipuan berlaku dan menyeru pencarum untuk sentiasa berlaku jujur serta amanah dalam mengemukakan sebarang tuntutan.

"Sebarang cubaan untuk mengemukakan dokumen palsu bukan sahaja akan menyebabkan tuntutan ditolak, malah individu terbabit boleh dikenakan tindakan undang-undang," katanya.

SINAR HARIAN
23.01.2026 (JUMAAT)

E-waste: SPRM tahan enam individu, beku 14 akaun syarikat berjumlah RM7.2 juta

KOTA BHARU - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam individu dan membekukan 14 akaun syarikat bernilai RM7.2 juta susulan kemasukan sisa elektronik (*e-waste*) ke negara ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, kesemua suspek kini ditahan reman.

"Setakat ini kita mengesan tujuh syarikat di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan yang dipercayai mendalangi kemasukan *e-waste* ke negara ini.

"Ia dikesan telah melakukan aktiviti tersebut sejak lima tahun lalu," katanya pada Khamis.

> "Ia dikesan telah melakukan aktiviti tersebut sejak lima tahun lalu."
>
> - Azam

Sebelum itu, seorang pemilik syarikat antara enam ditahan bagi membantu siasatan kes rasuah melibatkan pemberian suapan kepada penjawat awam sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas premis masing-masing bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kesemua suspek direman SPRM Selangor selama empat hari bermula Rabu selepas permohonan dibuat di Mahkamah Majistret Shah Alam di sini.

Menurut sumber, kesemua suspek yang terdiri daripada empat lelaki dan dua wanita berusia 40 hingga 60-an ditahan secara berasingan menerusi Op Nature di Negeri Sembilan dan Lembah Klang pada Selasa.

Mengulas lanjut Azam berkata, dalam isu tersebut pihaknya tidak menyalahkan agensi penguat kuasa.

Ini kerana katanya, mereka yang terlibat akan sentiasa mencari jalan untuk membawa masuk bahan terlarang itu ke dalam negara.

Beliau menegaskan, orang ramai perlu diberi kefahaman bahawa undang-undang negara tidak membenarkan kemasukan *e-waste*, malah aktiviti ini turut dianggap haram oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Langkah menangani kemasukan *e-waste* ke dalam negara ini juga tidak boleh diletakkan sepenuhnya di bahu JAS (Jabatan Alam Sekitar) dan JKDM (Jabatan Kastam Diraja Malaysia) tetapi menuntut kerjasama pelbagai pihak," jelasnya.

FOTO: SPRM

Enam individu direman di Mahkamah Majistret Shah Alam bagi membantu siasatan kes rasuah berkaitan e-waste pada Rabu.

SINAR HARIAN
23.01.2026 (JUMAAT)

Tan Sri direman kes tipu pelaburan RM300 juta

Merupakan seorang tokoh yang dikenali disyaki terlibat dalam penipuan berskala besar

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN dan MUHAMMAD AFHAM RAMLI

FOTO: SPRM

Individu bergelar Tan Sri berusia 60-an itu direman selama empat hari bermula Khamis berhubung kes penipuan pelaburan berskala besar dianggarkan bernilai lebih RM300 juta.

KOTA BHARU - Seorang lelaki bergelar Tan Sri direman empat hari bermula Khamis oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berkaitan kes penipuan pelaburan bernilai lebih RM300 juta.

Perintah reman selama empat hari sehingga 25 Januari ini terhadap suspek lelaki berusia 60-an itu dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pagi Khamis.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, selain itu seorang wanita berusia 50-an yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah syarikat dimiliki lelaki kenamaan itu turut ditahan.

"Tan Sri berusia 60-an itu ditahan pada Rabu. Manakala wanita terbabit pada Selasa. Kita tahan Tan Sri itu semasa beliau hadir ke pejabat dan proses rakaman percakapan beliau sebagai orang yang ditahan," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Khamis.

Menurut Azam, lelaki itu dipercayai terlibat dalam penipuan berskala besar dan melibatkan ramai yang melabur mengalami kerugian jutaan ringgit.

Katanya, syarikat tersebut dikatakan berpangkalan di Kuala Lumpur dan melibatkan pelabur dari seluruh negara.

LAPORAN MUKA DEPAN

"Tan Sri ini dipercayai menawarkan pelaburan wang dan telah salah guna wang tersebut mungkin ke akaun sendiri atau sebagainya, itu yang kami sudah dapat maklumat. Kami akan menjalankan tindakan penyiasatan yang lebih *detail* lagi.

AZAM

"Pelaburan ini sudah berlaku dua tahun lepas. Pelaburan pelbagai, yang menjanjikan pulangan tinggi," katanya.

Beliau percaya kes ini akan melibatkan juga kesalahan undang-undang lain di bawah Suruhanjaya Sekuriti.

"Kes sebegini kita namakan sebagai isu-isu jenayah ekonomi. Sekarang saya banyak menyebut tentang jenayah kewangan," ujarnya.

Beliau berkata, mana-mana pelaburan yang hendak dijalankan, syarikat sepatutnya mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti memandangkan terdapat undang-undang serta pemantauan oleh pihak berkuasa berkaitan.

"Syarikat Tan Sri berkenaan tidak mempunyai kelulusan dan orang ramai terus percaya.

"Dalam negara kita, masih ramai yang percaya kepada skim sebegini walaupun perkara ini terus berlaku," katanya.

Sehubungan itu, Azam menasihati orang ramai supaya tidak mudah percaya kepada skim pelaburan dan membuat semakan dengan pihak berkuasa sebelum melabur, sambil memaklumkan terdapat mangsa yang mengalami kerugian hingga RM4 juta.

"Tan Sri ini menipu satu Malaysia berumur hujung 60-an dan merupakan seorang tokoh yang dikenali," kata beliau.

Sementara itu, menurut sumber, dana bernilai RM300 juta melibatkan kes Tan Sri itu sepatutnya dipulangkan semula kepada pelabur selepas tarikh matang perjanjian pelaburan berakhir dua tahun lalu.

Kata sumber itu, siasatan SPRM mendapati dana yang dilabur itu diseleweng tanpa pengetahuan pelabur.

"Ia sepatutnya dipulangkan semula selepas tarikh matang perjanjian pelaburan berakhir pada 2024, namun perkara itu tidak berlaku," katanya.

SINAR HARIAN
23.01.2026 (JUMAAT)

Dua lagi pegawai kanan ATM bergelar Datuk akan didakwa

KOTA BHARU - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan, dua lagi pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bakal didakwa susulan kes mahkamah melibatkan bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pertuduhan ke atas dua individu bergelar Datuk itu akan dilakukan selepas mendapat persetujuan daripada Peguam Negara.

"Sekiranya Peguam Negara bersetuju, kita akan terus kepada pendakwaan. Saya jamin tidak lama.

"Kalau boleh saya mahu jawapan cepat dari beliau (Peguam Negara)," katanya semasa sidang akhbar selepas merasmikan Program Cakna Rasuah: SPRM Bersama Media Zon Timur di Hotel Grand Riverview di sini pada Khamis.

Azam berkata, SPRM memberi keutamaan kepada senarai '*top ranking*' terlebih dahulu.

SINAR HARIAN
23.01.2026 (JUMAAT)

Bekas PTD berdepan empat pertuduhan

Hafizuddeain didakwa terima hasil daripada aktiviti haram cecah RM2.12 juta

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN dan MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

Hafizuddeain (tengah) dibawa anggota SPRM menuju ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis.

KUALA LUMPUR - Bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas empat kes menerima hasil aktiviti haram mencecah RM2.12 juta.

Hafizuddeain, 58, didakwa menerima RM2,122,400 yang dimasukkan ke dalam akaun Maybank dan Bank Muamalat Berhad miliknya dalam empat transaksi berasingan pada tahun 2024 dan 2025.

Beliau membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Azura Alwi.

"Faham (pertuduhan) puan, saya mohon dibicarakan," katanya yang hadir ke mahkamah dengan memakai pakaian serba hitam.

Hafizuddeain yang merupakan PTD pertama dituduh atas kes menerima wang haram kelihatan tenang ketika berada di kandang tertuduh.

Mengikut pertuduhan, beliau didakwa menerima hasil haram iaitu wang masing-masing RM969,000, RM474,850, RM488,550 dan RM190,000 yang dimasukkan ke dalam tiga akaun bank miliknya.

Kesalahan didakwa dilakukan di dua bank berbeza di Jalan Melaka, Jalan Tun Perak dan Bukit Damansara antara 2 Februari 2024 dan 7 November 2025.

Setiap pertuduhan dibuat mengikut Subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 dan boleh dihukum di bawah Subseksyen 4(1) akta sama.

AIZUL ROHAN

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai kesalahan itu, atau RM5 juta yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Pengarah Kanan Bahagian Penuntutan dan Pendakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Wan Shahaniddin Wan Ladin mencadangkan tertuduh diberi kat jamin RM300,000 dengan dua penjamin.

"Ini termasuk syarat tambahan iaitu melapor diri di pejabat SPRM sekali setiap bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah," katanya.

Peguam, Azul Rohan Anuar mewakili tertuduh yang menghantar surat persaraan daripada perkhidmatan tentera bermula 1 Januari lalu, tidak membantah syarat tambahan dicadangkan pendakwaan.

"Bagaimanapun, saya merayu mahkamah mempertimbangkan jumlah jaminan itu dikurangkan kepada RM100,000 memandangkan statusnya kini sudah bergelar pesara.

"Kadar dicadangkan pendakwaan amat keterlaluan dan saya mohon mahkamah mengambil kira tempoh perkhidmatan anak guam lebih 40 tahun termasuk bertugas di Bosnia selama setahun," katanya yang hadir bersama seorang lagi peguam, Muhammad Kausar Mohd Khairi.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Azura membenarkan Hafizuddeain dilepas jamin RM250,000 dengan dua penjamin iaitu RM125,000 bagi setiap seorang dan memenuhi syarat tambahan yang dicadangkan pendakwaan. Mahkamah menetapkan 30 Mac depan untuk sebutan kes dan serahan dokumen.

Sementara itu, Hafizuddeain bertindak 'mengunci mulut' ketika meninggalkan pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di sini.

Beliau yang kelihatan sugul hanya mengangkat tangan tanpa memberi kenyataan apabila disapa pengamal media yang membuat liputan.

KRONOLOGI KES SKANDAL RASUAH PEGAWAI TERTINGGI ATM

22 Disember 2025
Aktivis politik, Badrul Hisham Shaharin atau Cheguevara membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi mendakwa dirinya memiliki dokumen forensik yang menunjukkan aliran wang bulanan puluhan ribu ringgit ke dalam akaun seorang pegawai kanan tentera dan ahli keluarganya.

23 Disember 2025
SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan (Mindef) untuk menyoal projek perolehan secara tender terbuka dan perolehan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Tentera Darat sejak 2023.

24 Disember 2025
SPRM merakam keterangan tiga individu dan mempertajam siasatan dengan membuat semakan akaun disyaki terbabit rasuah perolehan.

27 Disember 2025
Hafizuddeain dari [illegible] untuk memberikan [illegible] tanpa kontik kepentingan.

29 Disember 2025
SPRM menyita enam akaun bank dipercayai milik seorang pegawai kanan tentera darat dan ahli keluarganya bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan perolehan projek Tentera Darat Malaysia.

6 Januari 2026
Seorang bekas PTD dan dua isterinya diroman bagi membantu siasatan kes rasuah.

10 Januari 2026
SPRM menyita aset mewah bernilai lebih RM2.2 juta susulan pengawasan di sebuah kediaman di Pantai Timur, dipercayai milik isteri kedua kepada bekas pegawai tertinggi tentera darat.

14 Januari 2026
SPRM mengeluarkan pemberitahuan sekatan bagi pegawai tertinggi ATM untuk membantu siasatan lanjut kes projek tender perolehan tentera darat.

19 Januari 2026
SPRM menahan dua pegawai tinggi dan empat pegawai kanan ATM berkaitan dakwaan menerima rasuah daripada beberapa syarikat berkaitan perolehan pembekalan di TKAT dan Mindef.

19 Januari 2026
SPRM menyerahkan kertas siasatan membabitkan bekas pegawai tertinggi ATM kepada pendakwa raya.

21 Januari 2026
SPRM mengisytiharkan telah mendapat lain daripada Peguam Negara untuk mendakwa dua bekas pegawai tertinggi ATM.

22 Januari 2026
Hafizuddeain dan isterinya, Salwani Anuar didakwa di Mahkamah Khas Rasuah Kuala Lumpur dengan empat pertuduhan berkaitan pengubahan wang haram.

BERITA HARIAN
24.01.2026 (SABTU)

Bekas PAT didakwa terima suapan RM752,482, seleweng RM3 juta

Mohd Nizam dituduh guna kedudukan lantik syarikat pembekal

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Panglima Angkatan Tentera (PAT), Tan Sri Mohd Nizam Jaffar, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan menggunakan kedudukan bagi suapan dan menerima wang berjumlah RM752,482 serta pecah amanah membabitkan dana RM3 juta.

Mohd Nizam, 60, mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan sejurus semua empat tuduhan yang dihadapinya dikemukakan di hadapan Hakim, Rosli Ahmad.

"Faham, tidak mengaku salah Yang Arif," katanya.

Bagi dua tuduhan menggunakan kedudukan, Mohd Nizam didakwa melakukan kesalahan itu ketika menjadi Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (AKSPA) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mempengerusikan Jawatankuasa Eksekutif Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT).

Bagi tuduhan pertama, dia didakwa menggunakan kedudukannya untuk suapan iaitu wang berjumlah RM267,481.90 bagi dirinya sendiri dengan melantik syarikat Sinar Bakti Global untuk menjalankan kerja 'Pembekalan Kain Pelikat Untuk Bungkusan Barang Hari Raya Bagi Tahun 2025' bernilai RM468,000.

Ia juga melantik syarikat Sinar Raudhah Global untuk menjalankan kerja 'Pembekalan Kain Batik Untuk Bungkusan Barang Hari Raya Bagi Tahun 2025' bernilai RM52,000 dan Zahra Jaya Global untuk menjalankan kerja 'Pembekalan Multifunctional Folding Pliers Untuk Bungkusan Barang Hari Raya Bagi Tahun 2025' bernilai RM750,000 kepada TKAT yang mana tertuduh mempunyai kepentingan.

Bagi tuduhan kedua, Mohd Nizam atas jawatan sama yang mempengerusikan TKAT, menggunakan kedudukannya untuk suapan wang RM285,000 bagi dirinya, dengan melantik QMZ Resources untuk menjalankan kerja 'Pembekalan Tuala Mandi Untuk Bungkusan Barang Hari Raya Bagi Tahun 2025' bernilai RM600,000.

Dia juga didakwa melantik Helmee Resources untuk menjalankan kerja 'Pembekalan Beg Galas Untuk Bungkusan Barang Hari Raya Bagi Tahun 2025' bernilai RM1,725,000 kepada TKAT, yang mana tertuduh mempunyai kepentingan.

Kedua-dua kesalahan menggunakan kedudukan itu didakwa dilakukan di Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kementah pada 24 Jun 2024.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM) [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan

Jika disabitkan kesalahan, Mohd Nizam boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan

Pecah amanah milik TKAT

Bagi tuduhan ketiga, Mohd Nizam didakwa atas jawatan sama merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan TKAT, melakukan pecah amanah wang berjumlah RM3 juta milik TKAT.

Ia dengan menyalahgunakan wang itu bagi membuat pelaburan tambahan di dalam syarikat Precious Amber International Berhad tanpa mendapat keluluan Jawatankuasa Pelaburan TKAT.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di lokasi sama, pada 4 Oktober 2024, mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan [Akta 574], membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Bagi tuduhan keempat, Mohd Nizam didakwa sebagai PAT, menerima untuk dirinya wang berjumlah RM200,000 tanpa balasan daripada Pengarah Syarikat Aspen Red Sdn Bhd, Wan Shafie Abdul Rashid yang mana tertuduh tahu mungkin ada kena-mengena dalam urusan yang akan dijalankan olehnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Wisma Transit Kuala Lumpur, Jalan Buku Lima, Kementah, pada Mac 2025, mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan boleh dihukum penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ahmad Akram Gharib, manakala Mohd Nizam diwakili peguam bela, Abdul Aziz Hamzah dan Surya Putra Taulan.

Mohd Nizam hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.
(Foto BERNAMA)

Rosli kemudian membenarkan tertuduh dijamin dengan wang jaminan sebanyak RM180,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan sebutan kes pada 31 Mac ini.

Terdahulu, Ahmad Akram memberitahu mahkamah, tiga tuduhan yang dikenakan terhadap Mohd Nizam termasuk dalam kategori kesalahan yang tidak boleh dijamin.

Beliau berkata, oleh itu undang-undang terpakai adalah mengikut Seksyen 388 Kanun Prosedur Jenayah yang memperuntukkan bahawa tertuduh bagi kesalahan itu tidak boleh dijamin melainkan melalui budi bicara mahkamah.

"Kami tidak membantah jika Yang Arif hendak menggunakan budi bicara itu tetapi dengan mengambil kira keseriusan dan kedudukan tertuduh dalam masyarakat, kami mencadangkan jaminan RM300,000 dengan seorang penjamin.

"Pasport tertuduh pula hendaklah diserah simpan oleh mahkamah dan tertuduh diingatkan tidak mengganggu saksi pendakwaan sepanjang perbicaraan berlangsung," katanya.

Bagaimanapun, Abdul Aziz memohon budi bicara mahkamah menimbangkan jaminan dengan alasan walaupun kesalahan tidak boleh dijamin, ia masih terbuka kepada mahkamah untuk menimbangkannya.

"Suatu kebenaran itu boleh diberikan oleh hakim untuk melepaskan tertuduh dengan jaminan. Sepanjang siasatan beliau menangguhkan tiga prosedur pembedahan bagi memberi ruang siasatan dilakukan dengan segera," katanya.

BERITA HARIAN
24.01.2026 (SABTU)

Mohd Nizam percaya kes tak jejas reputasi ATM

Kuala Lumpur: Bekas Panglima Angkatan Tentera (PAT), Tan Sri Mohd Nizam Jaffar, menegaskan pendakwaan kes mahkamah yang membabitkan dirinya itu tidak akan menjejaskan reputasi serta kewibawaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Mohd Nizam, 60, menegaskan institusi itu seharusnya diberi peluang untuk menyelesaikan kemelut yang melanda.

"Ia tidak akan menjejaskan Angkatan Tentera Malaysia kerana ia wujud sejak 92 tahun lalu. Kami (ATM) akan terus kekal kuat dan kita akan bangkit dari abu, Insya Allah.

"Berilah peluang kepada angkatan tentera dalam kalangan kami untuk berundur seketika dan menilai semula tindakan yang sepatutnya diambil, beri mereka (ATM) peluang," katanya ketika ditemui pemberita di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur pada Jumaat.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan media berhubung pertuduhan dihadapi beberapa pegawai tertinggi akan menjejaskan reputasi ATM secara keseluruhannya.

Ketika berjalan keluar meninggalkan pekarangan kompleks mahkamah, beliau sempat berseloroh sambil mengucapkan 'selamat menyambut Ramadan' kepada media.

Tekad bersihkan nama

Sementara itu, pada sidang media oleh peguamnya, Abdul Aziz Hamzah, menegaskan Mohd Nizam Jaafar bertekad membersihkan namanya menerusi saluran undang-undang susulan empat pertuduhan salah guna kuasa dan jenayah pecah amanah yang dihadapi di Mahkamah Sesyen semalam.

Beliau berkata, anak guamnya sudah berkhidmat selama 42 tahun dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Beliau berdepan empat pertuduhan. Dua pertuduhan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan masing-masing satu pertuduhan mengikut Seksyen 409 dan 165 Kanun Keseksaan.

"Beliau akan membela diri di mahkamah. Dia mahu menjawab semua pertuduhan berkenaan dan membersihkan namanya," katanya.

Terdahulu, ketika prosiding pertuduhan berlangsung semalam, Abdul Aziz memaklumkan kepada mahkamah bahawa Mohd Nizam menangguh dan menjadualkan semula tiga prosedur pembedahan yang perlu dilaluinya demi membantu siasatan SPRM.

Ditanya media mengenai penyakit dan masalah kesihatan dihadapi anak guamnya, Abdul Aziz enggan mendedahkan situasi itu secara terperinci.

"Beliau memang mempunyai beberapa masalah kesihatan, tetapi perkara itu adalah peribadi. Saya tidak boleh mendedahkan apa-apa mengenainya," katanya.

BERITA HARIAN
24.01.2026 (SABTU)

Dakwaan kartel perolehan, salah guna kuasa

Bekas PTD mengaku tak salah dua tuduhan terima RM145,000

Muhammad Hafizuddeain dibenar ikat jamin RM250,000 serta syarat tambahan bagi 4 pertuduhan

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua tuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram yang keseluruhannya berjumlah RM145,000.

Muhammad Hafizuddeain, 58, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan terhadap pertuduhan yang dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan, beliau didakwa menerima hasil daripada aktiviti haram iaitu wang berjumlah RM115,000 dan RM30,000 yang dimasukkan ke akaun bank miliknya.

Kesemua kesalahan berkenaan didakwa dilakukan di sebuah bank di Ampang antara 19 September hingga 28 November 2024 serta 19 Mei 2025.

Sehubungan itu, Muhammad Hafizuddeain didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] dan boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) akta sama.

Boleh dipenjara 15 tahun

Jika disabitkan kesalahan, dia boleh dikenakan hukuman maksimum penjara 15 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mahadi Abdul Jumaat memohon mahkamah menggunapakai ikat jamin berjumlah RM250,000 serta syarat tambahan yang dikenakan terhadap tertuduh bagi empat pertuduhan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, kelmarin.

Beliau turut memohon kes berkenaan dibicarakan bersama berikutan akan menggunakan saksi serta fakta kes yang sama.

Peguam Aizul Rohan Anuar kemudian mengesahkan perkara itu dan tiada bantahan untuk permohonan pihak pendakwaan.

Mohd Nasir kemudian, membenarkan permohonan pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur ditetapkan pada 30 Mac depan.

Muhammad Hafizuddeain (dua dari kanan) hadir di Mahkamah Sesyen, Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

Sementara itu, Muhammad Hafizuddeain berkata, "Alhamdulillah hari ini (semalam) saya sihat, kita ikuti prosesnya, kita lihat macam mana nanti."

Beliau ditemui di lobi Kompleks Mahkamah Shah Alam sebaik selesai menghadapi dua pertuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram di Mahkamah Sesyen 1, di sini.

Kelmarin, di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Muhammad Hafizuddeain mengaku tidak bersalah terhadap atas empat tuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram yang keseluruhannya berjumlah RM2.12 juta.

Isteri ketiga kepada Hafizuddeain, Salwani Anuar, 27, pula didakwa atas empat pertuduhan rasuah berjumlah RM77,000.

Wanita berkenaan bagaimanapun turut mengaku tidak bersalah seperti mana pengakuan dibuat suaminya yang terlebih dahulu dituduh di Mahkamah Sesyen berasingan.

BERITA HARIAN
24.01.2026 (SABTU)

'Ingatkan hanya RM10j, rupanya ratusan juta'

Kuala Lumpur: Siasatan kes penyelewengan pelaburan membabitkan individu bergelar Tan Sri bermula dengan dakwaan hanya membabitkan RM10 juta.

Bagaimanapun, selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mula menyiasat, mendapati penyelewengan itu dipercayai terlalu besar dan mencecah ratusan juta ringgit.

Sumber berkata, suspek mendapat kepercayaan daripada pelbagai pihak untuk membuat pelaburan itu dan ada mangsa membuat pelaburan yang cukup besar.

"Siasatan mendapati suspek yang juga bekas pengarah syarikat itu disyaki menyalah guna dana pelaburan berjumlah RM6 juta.

"Bagaimanapun, hasil siasatan yang dijalankan pegawai penyiasat mendapati nilai dana yang diseleweng berkemungkinan mencecah ratusan juta ringgit. Ia diseleweng tanpa pengetahuan pelabur yang percaya akan mendapatkan pulangan yang lumayan," katanya, di sini semalam.

Tokoh kewangan disyaki tipu pelaburan lebih RM300j direman

Keratan akhbar BH semalam.

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan, pihaknya menahan seorang ahli perniagaan bergelar Tan Sri kerana disyaki menipu wang pelabur dipercayai mencecah jumlah lebih RM300 juta sejak dua tahun lalu.

Katanya, lelaki berusia 60-an yang juga ahli kewangan Islam ditahan selepas tiba di ibu pejabat agensi itu di Putrajaya, kelmarin.

SPRM turut menahan seorang wanita yang juga ahli lembaga pengarah syarikat terbabit yang berpangkalan di Kuala Lumpur, Rabu lalu untuk membantu siasatan.

"Kita mendapat maklumat Tan Sri berusia 60-an itu dan seorang wanita berumur 50-an disyaki terbabit penipuan pelabur berskala besar.

"Ramai pelabur dari seluruh negara dilaporkan kehilangan ratusan juta ringgit. Malah, kita menganggarkan kerugian dialami pelabur itu mencecah lebih RM300 juta sejak dua tahun lalu," katanya.

HARIAN METRO
24.01.2026 (SABTU)

SOON mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan memberi rasuah kepada pegawai JAS.

NAFI SUAP PEGAWAI JAS RM50,000

Ejen kilang mengaku tidak bersalah atas pertuduhan beri rasuah

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Ejen kilang yang menjalankan operasi pelupusan sisa elektronik secara haram mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan memberi rasuah RM50,000 kepada pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Tertuduh, Soon Kein Chong, 40, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim N Kanageswari selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh secara rasuah memberikan suapan wang tunai sebanyak RM50,000 kepada pegawai JAS sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atasnya.

Ia selepas tertuduh disyaki melakukan kesalahan tidak mempunyai lesen premis, tiada kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, tiada kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan kesalahan larangan menempatkan buangan terjadual di premis yang tidak ditetapkan.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira jam 1 tengah hari di Jalan Zamrud, Kawasan Perindustrian Nilai, pada 12 Februari tahun lalu.

Berikutan itu, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika disabitkan, boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM20,000

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Muaz Ahmad Khairuddin menawarkan jaminan sebanyak RM20,000 dengan dua syarat tambahan.

Peguam Azrul Zulkifli Stork yang mewakili tertuduh bersetuju dengan jumlah jaminan berkenaan selain memaklumkan anak guamnya tiada pasport antarabangsa dan boleh melapor diri di Pejabat SPRM di Seremban.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM20,000 dengan syarat tambahan perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM berdekatan setiap bulan.

Sebutan semula bagi serahan dokumen pada 12 Februari.

SINAR HARIAN
24.01.2026 (SABTU)

Kerajaan larang Malaysia jadi lokasi pembuangan *e-waste* - PM

BANGI - Kerajaan memberi laluan penuh kepada pihak berkuasa untuk membanteras aktiviti rasuah dan salah guna kuasa termasuk kegiatan pengimportan sisa elektronik (*e-waste*) secara haram di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Jemaah Menteri pada Jumaat secara tegas melarang perbuatan menjadikan Malaysia sebagai tempat pembuangan *e-waste*.

"Pengalaman kita tentang kontrak can tender, walaupun kuat kita beri tekanan dan gesaan tetapi kita nampak masih ada kelemahan dan keterlanjuran.

"Ketetapan kita dan Jemaah Menteri ialah melarang sama sekali Malaysia menjadi tempat pembuangan *e-waste*. Jadi sebab itu, hal-hal ini harus dipantau dan saya beri laluan penuh (kepada pihak berkuasa)," katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Al Amin, Seksyen 8, Bandar Baru Bangi di sini.

Sebelum ini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memperhebatkan siasatan berhubung kegiatan pengimportan *e-waste* secara haram, susulan risikan mendedahkan antara 2,000 hingga 3,000 kontena *e-waste* diseludup masuk ke negara ini melalui pelabuhan utama.

Sementara itu, Anwar berkata, beberapa pihak antaranya SPRM, Jabatan Audit Negara, Bank Negara dan Lembaga Hasil Dalam Negeri memberikan laporan penuh siasatan mengenai isu rasuah, salah guna kuasa atau hal berkaitan kepadanya pada Jumaat.

"Tugas mereka (pihak berkuasa) membersihkan saki-baki karenah rasuah dan salah guna kuasa," tegasnya. - *Bernama*

Ejen kilang *e-waste* haram didakwa rasuah pegawai JAS

SEREMBAN - Ejen kilang yang menjalankan operasi pelupusan sisa elektronik (*e-waste*) secara haram mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas pertuduhan memberi rasuah sebanyak RM50,000 kepada pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Tertuduh, Soon Kein Chong, 40, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim N Kanageswari.

Mengikut pertuduhan, Kein Chong secara rasuah memberikan suapan wang tunai RM50,000 kepada pegawai JAS sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atasnya.

Ia selepas tertuduh disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] iaitu tidak mempunyai lesen premis, tiada kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, tiada kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan larangan menempatkan buangan berjadual di premis yang tidak ditetapkan.

Perbuatan itu dilakukan di Kawasan Perindustrian Nilai, 12 Februari tahun lalu.

Berikutan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan hingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muaz Ahmad Khairuddin menawarkan jaminan sebanyak RM20,000 dengan dua syarat tambahan.

Peguam, Azrul Zulkifli Stork yang mewakili tertuduh bersetuju dengan jumlah jaminan berkenaan selain memaklumkan anak guamnya tiada pasport antarabangsa dan bersedia melaporkan diri di Pejabat SPRM di Seremban setiap bulan seperti dimohon pihak pendakwaan.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM berdekatan setiap bulan.

Sebutan semula kes bagi serahan dokumen pada 6 Mac depan.

SINAR HARIAN
24.01.2026 (SABTU)

Henti bawa masuk *e-waste*

Cadangan moratorium enam bulan kemasukan sisa elektronik itu disifatkan kurang berkesan

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

HALIZA

RANDOLPH

SHAH ALAM – Cadangan pelaksanaan moratorium selama enam bulan terhadap kemasukan import sisa elektronik (*e-waste*) disifatkan kurang berkesan, sebaliknya memerlukan ketegasan kerajaan untuk menghentikan terus kemasukan sisa berbahaya itu ke negara ini.

Pakar alam sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman berkata, isu lambakan *e-waste* bukan perkara baharu, malah telah berlarutan sejak bertahun-tahun lalu tanpa penyelesaian menyeluruh.

Menurut beliau, pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai kewujudan sehingga 2,000 hingga 3,000 kontena *e-waste* yang diseludup masuk ke negara ini menunjukkan masalah tersebut berada pada tahap kritikal dan memerlukan tindakan segera.

"Cadangan moratorium enam bulan itu saya rasa tidak perlu kerana isu ini sudah lama berlaku.

"Sepatutnya, sejak dahulu lagi kita sudah boleh meminimumkan malah menghentikan terus kemasukan *e-waste* secara haram.

"Isu ini sekejap hangat, sekejap senyap. Jadi, lebih baik ambil tindakan tegas dengan melarang terus kemasukan *e-waste* tanpa memberi tempoh kelonggaran," katanya ketika mengulas langkah SPRM menubuhkan *task force* khas bagi memperkukuh penguatkuasaan terhadap aktiviti *e-waste*.

Haliza berkata, tindakan penguatkuasaan tidak boleh bergantung kepada satu agensi semata-mata, sebaliknya perlu disertai reformasi struktur secara menyeluruh bagi menutup kelemahan sistem sedia ada.

"Sehingga kini, kita masih belum mempunyai dasar atau undang-undang khusus berkaitan *e-waste*.

"Keadaan ini membuka ruang kepada kelemahan penguatkuasaan dan penyalahgunaan permit oleh pihak tertentu," jelasnya.

Beliau menegaskan, kewujudan ratusan pusat pemprosesan *e-waste* haram bukan sahaja melanggar undang-undang, malah memberi kesan besar terhadap alam sekitar termasuk pencemaran air, udara dan tanah.

"Isu ini perlu dipandang serius kerana kesannya sangat ketara kepada alam sekitar dan kesihatan awam.

"Peranan SPRM amat penting untuk mengenal pasti pihak-pihak di sebalik kegiatan ini termasuk individu berkepentingan yang mungkin mempunyai kuasa," tegasnya.

Mengulas modus operandi pengendali *e-waste*, Haliza berkata, kegiatan tersebut kini semakin berani dan dilakukan secara terbuka.

"Jika dahulu operasi dijalankan di kawasan tersorok seperti hutan, kini kawasan perindustrian dan kedai barangan lusuh pula menjadi tumpuan. Permit barangan lusuh yang berada di bawah pelbagai pihak berkuasa turut disalahgunakan," dedahnya.

Justeru, beliau mencadangkan agar sistem pemberian permit dan penguatkuasaan diselaraskan di bawah satu entiti khusus bagi mengelakkan pertindihan kuasa.

"Saya berpandangan pengurusan *e-waste* seharusnya diletakkan di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana mereka lebih arif tentang kawasan di bawah bidang kuasa masing-masing, selain pengurusan sisa pepejal memang antara fungsi PBT," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Perlindungan Alam Sekitar, Randolph Jeremiah menyifatkan cadangan SPRM untuk mengkaji industri kitar semula bahan *e-waste* dan plastik secara teliti merupakan tindakan wajar.

Jelasnya, perkara itu penting terutama dari aspek pengumpulan data untuk membentuk tindakan polisi dan perundangan yang kukuh.

"Bagaimanapun dengan perlaksanaan moratorium tersebut, berkemungkinan peningkatan penyeludupan haram dan operasi kitar semula akan meningkat.

"Untuk menangani isu ini, penguatkuasaan dari segi pemantauan dan pemeriksaan perlu diperkukuh selaras dengan peningkatan risiko yang dijangka," ulasnya.

Laporan *Sinar Harian* pada Khamis.

SINAR HARIAN
24.01.2026 (SABTU)

Hafizuddeain didakwa lagi, wang haram cecah RM2.26j

HAFIZUDDEAIN DIDAKWA LAGI

Wang haram:
RM2.12 juta + RM145,000 = RM2,267,400

KHAMIS (22 Jan 2026)
4 pertuduhan: **RM2,122,400**

Jumlah wang didakwa dimasukkan:
- **RM969,000**
- **RM474,850**
- **RM488,550**
- **RM190,000**

Akaun:
Maybank & Bank Muamalat
Lokasi:
Jalan Melaka, Perak & Bukit Damansara
Tempoh:
2 Feb 2024 - 7 Nov 2025
Akta: **Seksyen 4(1)(b) AMLA 2001**

JUMAAT (23 Jan 2026)
2 pertuduhan baharu:
RM145,000

Jumlah wang didakwa:
- **RM115,000**
- **RM30,000**

Lokasi:
Bank di Ampang/Ampang Point
Tempoh:
2 Feb 2024 - 19 Mei 2025
Akta:
Seksyen 4(1)(b) AMLA 2001
Sebut semula: **30 Mac**

ISTERI KETIGA (KHAMIS)
Salwani (27): **RM77,000**
Mengaku tidak bersalah 4 pertuduhan (kes berkaitan)

Bekas PTD nafi dua pertuduhan baharu libat RM145,000

SHAH ALAM - Bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral (B) Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan didakwa lagi di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas dua pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM145,000.

Hafizuddeain, 58, yang tiba pada 8.29 pagi mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

"Faham pertuduhan, mengaku tidak bersalah," katanya yang hadir ke mahkamah dengan memakai baju berwarna hitam.

Muhammad Hafizuddeain ialah PTD pertama yang didakwa di mahkamah berhubung kes pengubahan wang haram berkaitan tender perolehan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Mengikut semua pertuduhan, bekas pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) itu didakwa menerima hasil daripada aktiviti haram iaitu wang berjumlah RM115,000 dan RM30,000 yang dimasukkan ke akaun bank miliknya.

LAPORAN MUKA DEPAN

FOTO: BERNAMA

Muhammad Hafizuddeain (kanan) bersama peguamnya Aizul Rohan selepas hadir di Mahkamah Sesyen Shah Alam bagi menghadapi dua pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram bernilai RM145,000.

Kesalahan tersebut didakwa dilakukan di sebuah bank di Ampang antara 19 September 2024 dan 19 Mei 2025, dan turut dinyatakan berlaku di sebuah cawangan bank di Ampang Point, Ampang antara 2 Februari 2024 hingga 19 Mei 2025.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah kesalahan itu atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mahadi Abdul Jumaat mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin menggunakan pakai jumlah RM250,000 termasuk syarat tambahan yang ditetapkan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis, bagi empat kes terdahulu.

"Saya mohon kes ini dipindahkan ke Kuala Lumpur untuk dibicarakan bersama kerana ia menggunakan saksi serta fakta kes serupa," katanya.

Peguam Aizul Rohan Anuar tidak membantah cadangan pihak pendakwaan.

Mohd Nasir membenarkan permohonan tersebut dan menetapkan sebutan semula kes pada 30 Mac depan.

Pada Khamis, Muhammad Hafizuddeain mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas empat pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram mencecah RM2,122,400 dari 2024 hingga tahun lalu.

Di Mahkamah Sesyen berasingan, isteri ketiganya, Salwani Anuar @ Kamaruddin, 27, mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM77,000, pada 2024 dan tahun lalu.

Menerusi Ops Parasit, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 7 Januari lalu menahan seorang pegawai tinggi bersama dua isterinya berkaitan projek perolehan tender Tentera Darat dan keesokan harinya pegawai itu direman selama tujuh hari, manakala kedua-dua isterinya masing-masing direman tiga dan enam hari.

Siasatan SPRM berkaitan kes itu bermula sejak 7 Oktober 2025 dan disifatkan sebagai sensitif kerana melibatkan pegawai berpangkat tinggi serta kepentingan awam, selain pada 23 Disember 2025, sepasukan pegawai SPRM hadir ke Kementerian Pertahanan untuk memulakan siasatan awal terhadap beberapa projek membabitkan Tentera Darat sejak 2023.

SINAR HARIAN
24.01.2026 (SABTU)

2 Sinar Nasional SABTU 24 JANUARI 2026 SINAR HARIAN

Dari kain pelikat ke kandang tertuduh

Bekas PAT nafi salah guna kuasa, pecah amanah tabung tentera RM3.75 juta

Mohd Nizam Jaffar (kanan) di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pagi Jumaat bagi mengaku empat pertuduhan, antaranya salah guna kuasa dan pecah amanah.

FAKTA PANTAS KES

Jumlah keseluruhan didakwa: RM3,752,481.90

Pecahan:
Suapan (2 pertuduhan): RM552,481.90
Pecah amanah TKAT: RM3,000,000
Terima wang: RM200,000

ITEM 'BUNGKUSAN HAMPER RAYA' DALAM PERTUDUHAN

Bekalan bungkusan barang Hari Raya 2025:
- Kain pelikat
- Kain batik
- 'Multifunctional folding pliers'
- Beg galas
- Tuala mandi

FAKTA RINGKAS TERTUDUH

- Umur: 60 tahun
- Bertongkat berpakaian traveller
- Tertuduh menjaga ibu bapa 88 & 82 tahun
- Berkhidmat 42 tahun dalam ATM

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN & NOOR AINON MOHAMED

LAPORAN MUKA DEPAN

KUALA LUMPUR – Dari kain pelikat dan kain batik untuk bungkusan raya, kini berakhir di kandang tertuduh.

Bekas Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jeneral (B) Tan Sri Mohd Nizam Jaffar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas dua kes guna kedudukan untuk suapan berjumlah RM552,481.90 serta masing-masing satu pertuduhan pecah amanah Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) membabitkan RM3 juta dan menerima RM200,000 sejak 2024.

Mohd Nizam, 60, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

"Faham (pertuduhan), tidak mengaku bersalah. Yang Arif," kata Mohd Nizam yang memakai kot berwarna hitam ketika berdiri di kandang tertuduh dengan memegang tongkat.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, dia sebagai pegawai badan awam iaitu Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (AKSPA) Angkatan Tentera Malaysia (ATM), yang mempengerusikan Jawatankuasa Eksekutif TKAT, didakwa menggunakan kedudukan untuk suapan bagi diri sendiri melibatkan jumlah RM267,481.90 dan RM285,000.

Dia dituduh melantik lima syarikat bagi kerja pembekalan kain pelikat, kain batik, 'multifunctional folding pliers', beg galas dan tuala mandi untuk bungkusan barang hari raya tahun 2025 kepada TKAT.

Kesalahan didakwa dilakukan di Kementerian Pertahanan Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kementah, di sini pada 24 Juni 2024.

Dia dituduh mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama, memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan ketiga, Mohd Nizam didakwa ketika menjawat jawatan sama, diamanahkan wang RM3 juta di akaun bank milik TKAT, melakukan pecah amanah jenayah dengan membuat pelaburan tambahan di sebuah syarikat tanpa kelulusan Jawatankuasa Pelaburan TKAT di lokasi sama pada 4 Oktober 2024.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara antara dua hingga 20 tahun, sebatan dan boleh juga dikenakan denda.

Bagi pertuduhan keempat, dia selaku PAT ATM, didakwa menerima wang RM200,000 tanpa balasan daripada seorang pengarah syarikat berusia 57 tahun, yang diketahui mungkin mempunyai kera-mengera dalam urusan yang akan dijalankan tertuduh di Wisma Transit Kuala Lumpur, Jalan Buku Lima, Kementah, pada Mac 2025.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Ahmad Akram Gharib mencadangkan ikat jamin RM300,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan.

"Ia termasuk syarat tambahan supaya pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan tidak mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai," katanya bersama Timbalan Pendakwa Raya Elyza Amira Habeeb Rahman dan Nidzuwan Abd Latip.

Bagaimanapun, peguam Abdul Aziz Hamzah merayu ikat jamin minimum.

"Selain menyara keluarga, anak guam saya juga menjaga ibu bapa yang berusia 88 dan 82 tahun.

"Mohd Nizam telah berkhidmat dalam ATM selama 42 tahun malah sentiasa memberi kerjasama kepada pihak berkuasa sekali gus memberi gambaran anak guam sentiasa memberi komitmen kesetiaan tanpa berbelah bahagi.

"Sepanjang siasatan, anak guam terpaksa menangguhkan dan menjadualkan semula tiga prosedur pembedahan bagi memberi ruang siasatan dilengkapkan dengan segera.

"Kami juga tidak membantah syarat tambahan berkenaan," katanya bersama peguam Surya Putra Taulan.

Mahkamah membenarkan tertuduh dikat jamin RM180,000 bagi semua pertuduhan serta menerima syarat tambahan dicadangkan pendakwaan. Sebutan semula kes ditetapkan pada 31 Mac depan.

BERITA HARIAN
25.01.2026 (AHAD)

Kes penyelewengan pakar pelaburan bergelar Tan Sri

SPRM beku 14 akaun, jejak aliran dana diselewengkan

Banyak lagi akaun bank dijangka akan dibekukan pada masa terdekat

Oleh Hah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka dua kertas siasatan dan membekukan 14 akaun bank berhubung penyelewengan dana pelaburan membabitkan seorang pakar pelaburan bergelar Tan Sri.

Ia susulan dua individu ditahan selepas SPRM menggeledah lima premis di sekitar Lembah Klang pada Khamis dan Rabu lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, ketika dihubungi *BH* mengesahkan perkara itu dan berkata tindakan SPRM ketika ini menjurus kepada jejak aliran dana yang diseleweng bagi tujuan pemulihan.

Beliau berkata, SPRM turut membekukan 14 akaun bank dalam operasi itu.

"Kita percaya dalam masa terdekat ini, akan ada banyak lagi akaun bank dibekukan," katanya.

Individu bergelar Tan Sri itu direman selama empat hari sehingga hari ini selepas perintah reman dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah di Mahkamah Majistret Putrajaya, kelmarin.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

> "SPRM turut membekukan 14 akaun bank dalam operasi itu. Kita percaya dalam masa terdekat ini, akan ada banyak lagi akaun bank dibekukan"
>
> *Azam Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM*

Perdaya 1,700 mangsa

Azam berkata siasatan awal dalam penyelewengan pelaburan mendapati sekurang-kurangnya 1,700 menjadi mangsa.

Semua mangsa itu dipercayai melabur dalam dua syarikat antara 2021 hingga 2024 dengan sebahagian daripadanya melabur sejumlah pelaburan besar dan mengharapkan pulangan lumayan.

Katanya bertindak atas alasan itu, siasatan SPRM dijalankan kerana ia membabitkan sejumlah wang yang besar.

"Malah SPRM komited melaksanakan siasatan dengan profesional dan tegas kerana kes ini membabitkan kepentingan awam," katanya.

BERITA HARIAN
25.01.2026 (AHAD)

Pegawai kanan TLDM, pengarah syarikat direman bantu siasatan kes rasuah

Kuala Lumpur: Seorang pegawai kanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) direman kerana disyaki terbabit rasuah dengan mengesyor dan melantik syarikat kroni mendapatkan kerja di tempat beliau bertugas.

Turut ditahan reman, seorang pengarah syarikat kerana disyaki terbabit dan bersubahat dalam aktiviti rasuah berkenaan.

Perintah reman selama tujuh hari hingga Khamis ini terhadap kedua-dua individu berkenaan dikeluarkan Majistret A Hafiizh Abu Bakar selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Tinggi Ipoh kelmarin.

Harta melebihi emolumen

Sumber memaklumkan, kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 40 dan 50-an itu ditahan Khamis lalu memberi keterangan di pejabat SPRM Perak, di Ipoh.

"Kedua-dua suspek dipercayai bersubahat melakukan perbuatan berkenaan sejak 2017 hingga 2020.

"Siasatan awal turut mendapati pegawai kanan TLDM itu disyaki memiliki harta melebihi jumlah emolumen yang diterima seperti pemilikan kira-kira lapan aset tak alih terdiri daripada tiga buah rumah, tiga rumah kedai dan dua hotel yang didaftarkan atas nama beliau," katanya.

Sumber memaklumkan, siasatan mendapati terdapat kemasukan sejumlah wang daripada sumber yang diragui bernilai kira-kira RM2 juta ke dalam akaun peribadi dan dua akaun syarikat perhotelan milik pegawai tersebut.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Saiful Ezral Arifin ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

BERNAMA

Seorang pengarah syarikat dan seorang pegawai kanan TLDM dibawa ke Mahkamah Tinggi Ipoh, kelmarin.

BERITA HARIAN
25.01.2026 (AHAD)

Keratan akhbar BH 20 Januari lalu.

Siasatan dapati wujud kelemahan tadbir urus IJM Corp

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan wujud kelemahan ketara dalam tadbir urus korporat membabitkan siasatan terhadap syarikat IJM Corp, terutama dalam konflik kepentingan ketika membuat keputusan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata, siasatan setakat ini mengenal pasti pembabitan pihak yang mempunyai kepentingan dalam membuat keputusan yang dilihat memberikan kelebihan kepada beberapa individu tertentu.

Mengulas mengenai dakwaan manipulasi dalam proses perolehan syarikat, beliau berkata, siasatan masih berjalan bagi mengenal pasti individu yang terbabit.

"SPRM juga sedang giat mengesan pembabitan pihak ketiga dalam urusan perolehan dan kontrak syarikat berkenaan.

"Kita masih dalam proses mengenal pasti beberapa individu lain yang turut terbabit, termasuk kewujudan pihak ketiga atau proksi," katanya kepada *Harian Metro*, semalam.

Ditanya mengenai aset bernilai RM2.5 bilion yang dikaitkan dengan kes itu, Azam berkata, pihaknya masih menunggu maklum balas rasmi daripada agensi penguatkuasaan luar negara untuk menentukan lokasi sebenar aset berkenaan.

"Kami juga sedang menunggu maklum balas bagi mengesahkan status pendaftaran aset berkenaan, sama ada ia didaftarkan atas nama individu, syarikat, ataupun proksi," katanya.

Beliau berkata, analisis kewangan sedang dijalankan secara terperinci bagi mengesan sebarang aliran wang yang mencurigakan ke luar negara.

Dalam pada itu, Azam menegaskan kerjasama antarabangsa sudah digerakkan bagi melancarkan siasatan berkenaan.

"Setakat hari ini, perbincangan dijalankan dengan agensi penguat kuasa dan perisikan luar negara bagi menjejak aset berkenaan," katanya.

SINAR HARIAN
26.01.2026 (ISNIN)

SPRM sahkan menyita aset bernilai RM9.7 juta berkaitan kes penyelewengan dana pelaburan. - *Gambar hiasan*

SPRM sita rumah, tanah dan kenderaan mewah cecah RM9.7j

KUALA LUMPUR – Rumah, tanah serta kenderaan mewah mencecah RM9.7 juta antara sitaan terkini dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan siasatan kes penyelewengan dana pelaburan.

Sumber memaklumkan, sitaan terbaharu itu membabitkan enam rumah bernilai RM6.54 juta, satu lot tanah bernilai RM1.8 juta serta dua kenderaan mewah dianggarkan berharga RM1.35 juta.

Selain itu, sebanyak 14 akaun bank turut disita bagi tujuan siasatan, namun nilai keseluruhan amaun dalam akaun terbabit masih dalam proses pengesahan pihak bank.

Dalam perkembangan sama, seorang individu wanita bergelar Datuk direman selama lima hari dibebaskan dengan jaminan kira-kira jam 2 petang pada Sabtu.

Manakala seorang lagi individu bergelar Tan Sri direman pada Khamis lalu turut dibebaskan dengan jaminan sekitar jam 12 tengah hari pada Ahad.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

Menurutnya, sehingga kini seramai 10 saksi dipanggil bagi dirakam percakapan bagi membantu siasatan.

"SPRM sedang mengesan saksi lain bagi melengkapkan siasatan," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan SPRM mendapati hampir RM300 juta dikutip daripada kira-kira 1,700 pelabur antara 2021 hingga 2024 bagi tujuan pelaburan ke atas dua syarikat dikaitkan dengan individu bergelar Tan Sri.

Namun, semakan menunjukkan dana dikutip diseleweng dan dibelanjakan untuk tujuan selain dipersetujui dalam perjanjian dengan pelabur.

Ekoran itu, SPRM membuka dua kertas siasatan terhadap individu yang juga merupakan seorang tokoh perbankan dan kewangan Islam terkenal.

Sumber berkata, SPRM turut menahan dua individu lain dan melakukan penggeledahan di lima premis sekitar Lembah Klang pada Rabu dan Khamis lalu.

HARIAN METRO
27.01.2026 (SELASA)

SIASATAN RASUAH PEROLEHAN PROJEK TLDM

SPRM beku 21 akaun bank, sita aset RM2j

Oleh Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus mempergiat tindakan dalam siasatan Op Layar berkaitan dakwaan rasuah perolehan projek Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan membekukan 21 akaun bank serta menyita aset dianggarkan RM2 juta.

Menurut sumber, tindakan itu diambil susulan siasatan ke atas syarikat dipercayai terbabit rasuah bagi mengesyor dan melantik syarikat kroni seorang pegawai kanan TLDM.

Katanya, pembekuan akaun itu termasuk tujuh akaun syarikat dan 14 akaun perbankan milik beberapa individu dianggarkan RM700,000.

Sumber berkata, setakat ini SPRM turut membuat semakan ke atas beberapa syarikat dengan Jabatan Akauntan Negara (AGC).

Menurutnya, siasatan yang dijalankan Bahagian Perisikan SPRM turut menyita dua buah hotel milik pegawai kanan TLDM berkenaan bernilai kira-kira RM2 juta.

"Pada masa ini SPRM sedang mengesan aset-aset lain yang dimiliki suspek dan turut mengesan pemilik-pemilik syarikat yang bersekongkol dengan suspek," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM Datuk Saiful Ezral Arifin ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan berkata, sehingga semalam SPRM sudah merakam percakapan tujuh individu disyaki terbabit.

INFO

- *Pembekuan akaun termasuk tujuh akaun syarikat dan 14 akaun perbankan milik beberapa individu dianggarkan RM700,000*

SINAR HARIAN
27.01.2026 (SELASA)

21 akaun bank milik syarikat, individu berjumlah RM700,000 turut dibeku

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan 21 akaun bank selain menyita aset dianggarkan RM2 juta menerusi Op Layar yang dikaitkan dengan dakwaan rasuah perolehan projek Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Pembekuan akaun itu merangkumi tujuh milik syarikat dan 14 perbankan milik beberapa individu yang dianggarkan berjumlah kira-kira RM700,000.

Ia susulan siasatan ke atas beberapa syarikat dipercayai terbabit rasuah bagi mengesyorkan dan melantik syarikat kroni seorang pegawai kanan TLDM.

Menurut sumber, siasatan yang dijalankan Bahagian Perisikan SPRM itu turut menyita dua buah hotel milik pegawai kanan TLDM tersebut bernilai kira-kira RM2 juta.

"Setakat ini SPRM turut membuat semakan ke atas beberapa syarikat dengan Jabatan Akauntan Negara sama ada terdapat tender atau sebut harga oleh syarikat-syarikat berkenaan.

"Pada masa ini SPRM sedang mengesan aset-aset lain yang dimiliki oleh suspek dan turut mengesan pemilik-pemilik syarikat yang bersekongkol dengan suspek," katanya.

KES RASUAH PEGAWAI TLDM

Dalam pada itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapati dua buah hotel terbabit terletak kurang 10 kilometer daripada Pangkalan TLDM Lumut, Perak.

Tinjauan di beberapa aplikasi carian juga mendapati harga penginapan satu malam bagi hotel terbabit kurang daripada RM150.

Difahamkan, kedua-dua hotel terbabit merupakan jenis hotel bajet.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Saiful Ezral Arifin ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

"SPRM telah merakam percakapan tujuh individu yang disyaki terlibat dalam kes tersebut," ujarnya pada Isnin.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan SPRM telah menahan reman dua individu membabitkan pengarah syarikat dan pegawai kanan TLDM berusia 40 dan 50-an untuk siasatan kes terbabit.

INFO

- Tujuh akaun bank milik syarikat dan 14 akaun milik beberapa individu dianggarkan berjumlah kira-kira RM700,000 dibekukan.
- Dua buah hotel milik pegawai kanan TLDM terbabit bernilai kira-kira RM2 juta turut disita
- SPRM turut membuat semakan ke atas beberapa syarikat dengan Jabatan Akauntan Negara bagi mengenal pasti sekiranya terdapat tender atau sebut harga oleh syarikat-syarikat berkenaan

BERITA HARIAN
27.01.2026 (SELASA)

Dua hotel bajet terletak sekitar kurang 10 kilometer dari Pangkalan TLDM, Lumut, Perak.

Rasuah perolehan projek TLDM

SPRM sita 2 hotel dipercayai milik pegawai kanan TLDM

21 akaun bank babit 7 milik syarikat, 14 perbankan individu dibeku

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang pegawai kanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin, dikesan memiliki dua hotel bajet yang lokasinya tidak jauh dari pangkalan pasukan itu di Lumut, Perak.

Carian *BH* mendapati, kedua-dua hotel bajet yang menawarkan harga murah iaitu sekitar RM50 hingga RM70 bagi penginapan satu malam itu terletak sekitar kurang 10 kilometer dari Pangkalan TLDM.

Walaupun berstatus hotel bajet, *BH* difahamkan, siasatan SPRM mendapati, kedua-dua hotel berkenaan bernilai sekurang-kurangnya RM2 juta mengikut penilaian aset semasa.

Setakat ini tidak dapat dipastikan, sama ada dua hotel itu diisytiharkan sebagai pemilikan harta oleh pegawai berkenaan, namun mengikut etika Kementerian Pertahanan (MINDEF), kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Dua hotel berkenaan dan 21 akaun bank merangkumi tujuh milik syarikat dan 14 milik individu bernilai RM700,000 di antara yang disita SPRM dalam Ops Layar yang dijalankan susulan dakwaan rasuah perolehan projek dalam TLDM.

Difahamkan, SPRM juga sedang membuat semakan ke atas beberapa syarikat dengan Jabatan Akauntan Negara, sama ada terdapat tender atau sebut harga oleh syarikat berkenaan.

Pergiat siasatan

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Saiful Ezral Arifin ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan berkata, SPRM sedang mempergiatkan siasatan ketika ini.

Katanya, sehingga semalam, SPRM merakam percakapan tujuh individu yang disyaki terbabit dalam kes itu.

Beberapa hari lalu, SPRM menahan seorang pengarah syarikat dan pegawai kanan Tentera TLDM kerana disyaki terbabit rasuah dengan mengesyorkan serta melantik syarikat kroninya untuk mendapatkan kerja sebut harga di tempat pegawai kanan itu bertugas.

Susulan itu, kedua-dua suspek direman tujuh hari hingga 29 Januari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Kedua-dua suspek dipercayai bersubahat melakukan perbuatan itu sejak tahun 2017 sehingga 2020.

Sumber dilaporkan berkata, siasatan awal SPRM mendapati suspek pegawai kanan TLDM terbabit disyaki memiliki harta melebihi nilai emolumen yang diterima seperti pemilikan kira-kira lapan aset tak alih terdiri daripada tiga buah rumah, tiga buah rumah kedai dan dua hotel yang didaftarkan atas namanya.

BERITA HARIAN
27.01.2026 (SELASA)

Dakwaan salah guna kuasa bekas Panglima Tentera Darat

Isteri ketiga mengaku tak salah terima wang haram

Kuala Terengganu: Isteri ketiga kepada bekas Panglima Tentera Darat (PTD), Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5,000, tahun lalu.

Salwani Anuar @ Kamarudin, 27, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan, Salwani didakwa menerima wang hasil aktiviti haram apabila RM5,000 dimasukkan ke dalam akaun CIMB Islamic Bank Berhad miliknya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di CIMB Cawangan Jerteh, Besut pada 16 Januari 2025.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Subseksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah Subseksyen 4(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara sehingga 15 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda nilai hasil aktiviti haram itu atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.

Mahkamah membenarkan tertuduh dikat jamin RM30,000 dengan syarat jaminan seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Mahkamah turut menetapkan kes disebut semula pada 30 Mac depan dan dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Maziah Mohaide dan Rabiatul Adawiyah Mohd Noorlee, manakala tertuduh diwakili peguam Fahmi Abd Moin.

Khamis lalu, di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, tertuduh mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan rasuah membabitkan jumlah RM77,000.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang juga pengawal sebuah syarikat, didakwa menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM50,000, RM7,000 serta dua transaksi masing-masing RM10,000 yang dimasukkan ke dalam akaun bank milik syarikat berkenaan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah bank di Damansara Heights antara 24 November 2024 hingga 25 November 2025.

Salwani (kanan) tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

Bagi keempat-empat pertuduhan itu, tertuduh didakwa mengikut Subseksyen 4(1)(b) Akta 613 dibaca bersama Seksyen 87(1)(a) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 15 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai hasil aktiviti haram atau RM5 juta, jika sabit kesalahan.

HARIAN METRO
28.01.2026 (RABU)

Dua pegawai, Penolong Penguasa Imigresen dihadapkan ke mahkamah

Johor Bahru: Dua pegawai imigresen dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan setuju menerima wang yang mempunyai kaitan dengan tugas rasmi, manakala seorang Penolong Penguasa Imigresen pula didakwa atas tuduhan pecah amanah.

Tertuduh, Shamsul Hezzam Sudin, 50; Mohd Asrof Tukiman, 48, dan Ruhaya Hamzah, 39, semuanya mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dihadapi mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Shamsul Hezzam yang juga Pegawai Imigresen Kanan Gred KP2 bertugas di Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Johor didakwa setuju menerima wang tunai RM8,000 tanpa balasan daripada seorang lelaki.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah dekat Jalan Pahlawan, Bukit Saujana di sini, antara 7 hingga 8 Julai tahun lalu.

Bagi Mohd Asrof yang menghadapi tiga pertuduhan pula didakwa sebagai Pegawai Imigresen Gred KP2 di AKPS, Pejabat Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini, setuju menerima wang keseluruhannya RM6,490 tanpa balasan melalui akaun milik seorang lelaki kepada akaun miliknya.

RUHAYA (kiri) mengaku tidak bersalah atas pertuduhan pecah amanah ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam. - Gambar NSTP/NAJMI NOR'AZAM

Semua perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah bank dekat Taman Seri Bahagia di sini, pada 21 Mei hingga 2 Jun tahun lalu.

Shamsul Hezzam dan Mohd Asrof tahu perkara dilakukan itu ada kaitan dengan tugas rasminya bagi membantu mendapatkan cap pengesahan keluar dan masuk ke Malaysia secara tidak teratur (pasport terbang) tanpa kehadiran fizikal pemilik-pemilik pasport yang tidak mematuhi syarat ditetapkan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara boleh sampai dua tahun dan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Dalam prosiding semalam, Ruhaya yang juga Penolong Penguasa Imigresen KP29 dan memegang jawatan Bendahari Kelab Kebajikan Rekreasi, Inovasi dan Sukan (KKRIS), Jabatan Imigresen Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, dengan curang menggunakan untuk dirinya wang berjumlah RM61,300 daripada akaun milik kelab kebajikan itu.

Bagi perbuatan yang dilakukan di sebuah bank di Kulai, antara 26 Januari 2023 hingga 15 November 2023, wanita itu didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum lima tahun dan dengan sebat dan hendaklah juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Chan Lee Lee dan Pegawai Pendakwa SPRM, Alice Voon Mei Ling.

Shamsul Hezzam kemudian dibenarkan diikat jamin sebanyak RM8,000, manakala Mohd Asrof dan Ruhaya masing-masing diikat jamin RM10,000.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 27 Februari dan 11 Mac depan bagi serahan dokumen.

BERITA HARIAN
28.01.2026 (RABU)

2 pegawai imigresen dituduh rasuah kes 'pasport terbang'

Seorang penolong penguasa pula didakwa seleweng RM61,300 wang kelab kebajikan

Oleh Izz Laily Hussein
bhnews@bh.com.my

Shamsul Hezzam — Mohd Asrof Tukiman — Ruhaya Hamzah

Johor Bahru: Dua pegawai imigresen dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan bersetuju menerima wang berkaitan tugas rasmi, manakala seorang penolong penguasa Imigresen didakwa atas tuduhan pecah amanah.

Tertuduh, Shamsul Hezzam Sudin, 50, Mohd Asrof Tukiman, 48, dan Ruhaya Hamzah, 39, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Pegawai Imigresen Kanan Gred KP2 di Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Johor, Shamsul Hezzam didakwa bersetuju menerima wang tunai RM8,000 tanpa balasan daripada seorang lelaki di sebuah rumah di Jalan Pahlawan, Bukit Saujana, antara 7 hingga 8 Julai 2025.

Bagi Pegawai Imigresen Gred KP2 di AKPS, Pejabat Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Mohd Asrof, dia menghadapi tiga pertuduhan menerima wang keseluruhan RM6,490 tanpa balasan melalui akaun bank milik seorang lelaki antara 21 Mei hingga 2 Jun 2025 di Taman Seri Bahagia.

Kedua-duanya didakwa mengetahui perbuatan itu berkaitan tugas rasmi mereka dalam membantu mendapatkan cap pengesahan keluar dan masuk ke Malaysia secara tidak teratur (pasport terbang) tanpa kehadiran fizikal pemilik pasport, di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mohon ikat jamin rendah

Sementara itu, Penolong Penguasa Imigresen KP29 dan Bendahari Kelab Kebajikan Rekreasi, Inovasi dan Sukan (KKRIS), Jabatan Imigresen Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Ruhaya, didakwa menggunakan secara curang wang RM61,300 daripada akaun kelab kebajikan berkenaan antara 26 Januari hingga 15 November 2023.

Wanita itu didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman maksimum lima tahun penjara, sebatan dan denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Chan Lee Lee dan Pegawai Pendakwa SPRM, Alice Voon Mei Ling.

Peguam Omar Kutty Abdul Aziz memohon ikat jamin rendah bagi Shamsul Hezzam atas alasan tertuduh menghidap gastrik kronik, berkhidmat 20 tahun, berpendapatan RM4,000-RM4,300 sebulan serta mempunyai dua tanggungan termasuk ibu berusia 76 tahun yang sakit tua dan isteri menghidap darah tinggi serta endometriosis.

Peguam Abd Rahim Ali memohon jaminan rendah bagi Mohd Asrof kerana mempunyai lapan tanggungan, termasuk isteri jururawat yang menghidap penyakit imun.

Peguam Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazaly memohon jaminan rendah bagi Ruhaya, ibu tunggal dengan seorang anak.

Mahkamah membenarkan Shamsul Hezzam diikat jamin RM8,000, manakala Mohd Asrof dan Ruhaya masing-masing RM10,000.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 27 Februari dan 11 Mac bagi serahan dokumen.

SINAR HARIAN
28.01.2026 (RABU)

Rasuah dalam kementerian, pusat zakat

Badrul Hisham (tengah) bersama Rafique (kanan) ketika di Mahkamah Tinggi Johor Bahru pada Selasa.

Chegubard akan hadir ke SPRM hari ini bongkar penyelewengan babit pemimpin tertinggi

LAPORAN MUKA DEPAN

Oleh NOR AZURA MD AMIN dan NORAFIZA JAAFAR

JOHOR BAHRU – Aktivis politik, Badrul Hisham Shaharin atau Chegubard akan mendedahkan penyelewengan yang didakwa melibatkan pimpinan tertinggi sebuah kementerian serta pusat zakat di sebuah negeri hari ini.

Chegubard mendakwa, pihaknya kini mempunyai beberapa data dan maklumat berkaitan dakwaan berkenaan yang disifatkan penting untuk siasatan lanjut.

"Saya akan hadir ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya pada jam 3 petang, Rabu (hari ini) bagi memberikan keterangan lanjut kepada pihak berkuasa.

"Salah satu pendedahan melibatkan ketua sebuah agensi perkhidmatan awam yang didakwa memiliki harta dalam jumlah yang mencurigakan.

"Yang kedua melibatkan sebuah pusat zakat di sebuah negeri yang disyaki menyeleweng dan menyalahgunakan kedudukan termasuk menggunakan wang zakat untuk pembelian tanah serta mengagihkan bantuan berdasarkan kroni dan kenalan," katanya.

BADRUL HISHAM

Beliau bersama peguam, Muhammad Rafique Rashid Ali sebelum itu, hadir ke Mahkamah Tinggi Johor Bahru pada Selasa bagi pendengaran semakan jenayah membabitkan kes melibatkan permohonan pendakwa raya untuk menyemak semula keputusan Hakim Mahkamah Sesyen.

Mahkamah Sesyen sebelum ini, membenarkan permohonan pihak pembelaan supaya diberikan satu salinan rakaman percakapan polis milik wartawan *Bloomberg*, Ram Anand berkaitan siasatan kes kasino di Forest City yang menjadi antara isu utama dalam perbicaraan berkenaan.

HARIAN METRO
30.01.2026 (JUMAAT)

Pegawai imigresen didakwa bantu 'lepas' warga asing di KLIA

Kuala Lumpur: Seorang pegawai imigresen dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tujuh pertuduhan gagal melaporkan pemberian suapan berjumlah RM5,100 bagi membantu melepaskan warga asing daripada pemeriksaan Jabatan Imigresen Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, dua tahun lalu.

Mohd Rahmat Mat Yusoff, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas ketujuh-tujuh pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

Bagi pertuduhan pertama hingga ketujuh, Mohd Rahmat didakwa sebagai Pegawai Imigresen Gred KP22 yang bertugas di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia telah diberikan suapan iaitu wang berjumlah RM5,100 secara pemindahan dalam talian daripada akaun bank milik seorang lelaki ke akaun bank tertuduh, sebagai dorongan bagi membantu melepaskan warga asing daripada pemeriksaan Jabatan Imigresen Malaysia di Lapangan Terbang Kuala Lumpur Terminal 1 dan Terminal 2.

Bagaimanapun, Mohd Rahmat gagal melaporkan pemberian suapan itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau pegawai polis paling hampir di sebuah bank di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Putrajaya antara 28 Jun hingga 16 Ogos 2024.

Pegawai imigresen itu diduduh mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 25 (2) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara hingga 10 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Elyza Amira Habeeb Rahman menawarkan jaminan RM10,000 untuk semua pertuduhan dengan seorang penjamin serta syarat tambahan melaporkan diri dua bulan sekali di SPRM berhampiran, pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan tidak mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Sementara itu, peguam Nik Mohamaed Ikhwan Nik Mahamud yang mewakili tertuduh memohon supaya jaminan dikurangkan kira-kira RM5,000 atas alasan anak guamnya mempunyai seorang isteri tidak bekerja serta tiga anak berusia antara 13 hingga 18 tahun.

"Pihak pembelaan tidak membantah syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh pihak pendakwaan. Selain mengambil kira anak guam saya telah berkhidmat di Jabatan Imigresen hampir 25 tahun," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan seperti dimohon pihak pendakwaan.

Rosli menetapkan 27 Februari untuk sebutan kes bagi serahan dokumen.

BERITA HARIAN
30.01.2026 (JUMAAT)

Pegawai imigresen dituduh terima RM5,100 lepaskan warga asing di KLIA

Kuala Lumpur: Pegawai Jabatan Imigresen didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas tujuh pertuduhan menerima suapan RM5,100 sebagai balasan melepaskan warga asing daripada pemeriksaan di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA).

Mohd Rahmat Mat Yusoff, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik semua pertuduhan dibacakan di depan Hakim Rosli Ahmad.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketujuh, tertuduh sebagai Pegawai Imigresen Gred KP22 yang bertugas di Ibu Pejabat Imigresen didakwa diberikan suapan wang RM5,100 secara pemindahan dalam talian daripada akaun seorang lelaki.

Suapan itu sebagai dorongan bagi tertuduh membantu melepaskan warga asing daripada pemeriksaan yang dilakukan imigresen di KLIA Terminal 1 dan Terminal 2 dan tertuduh gagal melaporkan pemberian suapan terbabit kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Semua pertuduhan itu didakwa dilakukan di bank di Putrajaya antara 28 Jun hingga 16 Ogos 2024.

Pendakwaan dikemuka mengikut Seksyen 25 (1) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 25 (2) akta sama yang memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Elyza Amira Haeeb Habib Rahman menawarkan jaminan RM10,000 untuk semua pertuduhan dengan seorang penjamin serta syarat tambahan melaporkan diri dua bulan sekali di SPRM berhampiran.

Pihak pendakwaan turut memohon syarat tambahan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan tidak mengganggu saksi pendakwaan hingga kes selesai.

Bagaimanapun, peguam Nik Mohamaed Ikhwan Nik Mahamud yang mewakili tertuduh memohon supaya jaminan dikurangkan kepada RM5,000 atas alasan anak guamnya perlu menyara isteri tidak bekerja serta tiga anak berusia antara 13 hingga 18 tahun.

"Pihak pembelaan tidak membantah terhadap syarat tambahan ditetapkan pihak pendakwaan.

Mohd Rahmat hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)

Selain mengambil kira anak guam saya sudah berkhidmat di Imigresen hampir 25 tahun," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin bersertа syarat tambahan seperti dimohon pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan 27 Februari depan.

HARIAN METRO
30.01.2026 (JUMAAT)

MOHD Razali (depan, kanan) didakwa di Mahkamah Sesyen atas tiga pertuduhan menerima suapan wang berjumlah A$20,000, serta bayaran keseluruhan RM61,600 bagi pembelian tiket penerbangan ke luar negara untuk isterinya dua tahun lalu.

Didakwa terima 3 suapan lulus projek

Bekas Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan mengaku tak bersalah

Oleh Muhamad Luqman Khairi
luqman.khairi@metro.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga tuduhan menerima rasuah 20,000 dolar Amerika Syarikat (kira-kira RM78,000) dan RM64,600 untuk pembelian tiket penerbangan isterinya.

Bagaimanapun, Datuk Mohd Razali Alias mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Suzana Hussin.

"Saya mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan," katanya di dalam kandang tertuduh.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa secara rasuah menerima suapan wang 20,000 dolar AS daripada seorang pengarah syarikat.

Suapan itu sebagai dorongan untuk tertuduh meluluskan sijil pengesahan dan penerimaan perkhidmatan untuk tujuan pembayaran bagi Perolehan Perkhidmatan Senggaraan dan Perkhidmatan Sokongan Sistem Pusat Operasi Pertahanan Siber (CDOC) Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP).

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Malaysian Defence Intelligence Organisation (MDIO), Kem Kementah, di sini, antara Ogos dan November 2024.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta yang sama.

Jika disabitkan kesalahan, beliau boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun, denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan.

Mengikut pertuduhan kedua dan ketiga, Mohd Razali didakwa menerima masing-masing RM26,800 dan RM37,800 daripada pengarah syarikat yang sama untuk pembelian tiket penerbangan isterinya.

Tiket penerbangan pergi dan balik itu adalah bagi perjalanan antara Kuala Lumpur dan Malaga, Sepanyol serta antara Kuala Lumpur dan Estonia.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di lokasi sama masing-masing pada 15 November 2024 dan 28 April 2025.

Jika disabitkan kesalahan, beliau boleh dihukum boleh dihukum mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya, Law Chin How menawarkan tertuduh dikat jamin RM200,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam Datuk Geethan Ram Vincent yang mewakili Mohd Razali, memohon jaminan minimum RM10,000 atas alasan anak guamnya memberikan kerjasama penuh sepanjang siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Setakat ini, beliau dipanggil lima kali ke Pejabat SPRM, beliau hadir tanpa gagal, selain tertuduh belum dibuktikan bersalah," katanya.

Hakim Suzana kemudiannya menetapkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Sebutan semula kes ditetapkan 18 Mac depan untuk serahan dokumen.

> "Setakat ini, beliau dipanggil lima kali ke Pejabat SPRM
> Geethan Ram

Ahli perniagaan nafi rasuah RM2k

Shah Alam: Seorang ahli perniagaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan memberi suapan wang tunai RM2,000 kepada seorang pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada Oktober tahun lepas.

Tan Kim Seng, 65, didakwa secara rasuah memberikan suapan itu kepada seorang Pegawai Kawalan Kanan Alam Sekitar di JAS Putrajaya ketika itu sebagai dorongan supaya tindakan undang-undang tidak diambil terhadapnya atas kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) pada 1.20 tengah hari di Kampung Telok Gong, Klang, pada 16 Okt 2025.

Dia didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan jika ia berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Alimi Mustapha, mencadangkan ikat jamin antara RM10,000 hingga RM15,000 dengan syarat tambahan supaya tertuduh melaporkan diri di pejabat SPRM, menyerahkan pasport, dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Peguam Tan Han Sam memohon jumlah jaminan dikurangkan kepada RM5,000 memandangkan tertuduh memberi kerjasama sewaktu siasatan SPRM.

FANJUN (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan bersubahat memberi rasuah RM50,000 kepada seorang pegawai JAS, tahun lalu.

Dituduh sogok pegawai JAS RM50k

Seremban: Bekas ahli lembaga pengarah syarikat pelupusan sisa elektronik (e-waste) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan bersubahat memberi rasuah RM50,000 kepada pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) tahun lepas.

Jiang Fanjun, 43, yang merupakan warga China, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohamad Kamil Nawam.

Mengikut pertuduhan, lelaki terbabit didakwa bersubahat dengan warga tempatan Soon Kein Chong, 40, dengan memberikan suapan berjumlah RM50,000 kepada pegawai JAS berkenaan.

Perbuatan itu didakwa sebagai dorongan supaya tindakan undang-undang tidak diambil terhadap Kein Chong di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi kesalahan tidak memiliki lesen premis, tiada kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, tiada keluhusan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar dan larangan menempatkan buangan terjadual di premis yang tidak ditetapkan.

BERITA HARIAN
30.01.2026 (JUMAAT)

Ketua Pengarah JAS, Timbalan ditahan SPRM

Suspek dipercayai disiasat berkait kegiatan pengimportan haram e-waste

Oleh Hab Hafiz Aziz
hbnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah dan seorang Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, bagi membantu siasatan berhubung kegiatan pengimportan haram sisa elektronik atau e-waste ke negara ini.

Sumber berkata, kedua-duanya ditahan kira-kira jam 8.30 petang, ketika hadir selepas dipanggil untuk memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Siasatan sedang dijalankan bagi menelisi dakwaan salah guna kuasa dan rasuah berkaitan pengurusan sisa elektronik (e-waste) yang dipercayai berlaku dalam tempoh beberapa tahun ke belakangan ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, mengesahkan penahanan kedua-dua pegawai tinggi JAS itu.

Beliau berkata, siasatan sedang dijalankan secara menyeluruh dan profesional mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

SPRM bertindak tegas

Tegasnya, SPRM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam perbuatan rasuah, tanpa mengira kedudukan atau jawatan.

Kedua-dua berdepan siasatan mengikut Akta SPRM 2009 dan perkembangan lanjut siasatan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Pada Rabu lalu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata pihaknya sedang memperhebatkan siasatan berhubung pengimportan sisa elektronik waste) secara haram ke negara ini.

Beliau berkata, tindakan itu dijambil susulan risikan SPRM mendedahkan di antara 2,000 hingga 3,000 kontena sisa elektronik diselubung ke negara ini melalui pelabuhan utama.

"Jumlah itu menunjukkan skala sebenar penyelundupan sisa elektronik yang semakin membimbangkan dan memerlukan tindakan penguatkuasaan menyeluruh. Jika tidak dikendalikan secara tuntas, ia berpotensi mengebabkan penemaran serius kepada negara," katanya.

Ahmad Khussiri berkata, syarikat-syarikat yang terlibat dalam kegiatan itu dipercayai milik warga asing dan mengimport sisa elektronik, plastik serta kertas untuk tujuan kitar semula.

"Komponen berharga seperti tembaga, aloi dan emas diambil, manakala baki sisa dilupuskan melalui pembakaran, penanaman atau pembuangan terus sehingga mencemarkan udara dan sumber air," katanya.

Ahmad Khussiri berkata, SPRM tidak menolak kemungkinan wujud perlindungan daripada pihak berkuasa tertentu yang sepatutnya menghalang kemasukan sisa berkenaan.

Pada Khamis lalu, SPRM menahan enam pemilik syarikat dipercayai dalang kemasukan e-waste ke negara ini serta membekukan 14 akaun bernilai RM7.2 juta.

Ini ini turut mendapat reaksi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mengarahkan semua agensi penguatkuasaan undang-undang jenayah dan kewangan memerangi isu rasuah yang wujud dalam kegiatan pengimportan sisa elektronik itu.

Jiang Fanjun dibawa ke Mahkamah Sesyen, Seremban, semalam (Foto Ahmad Rasdzi/BH)

Warga China kena dakwa subahat beri suapan kepada pegawai JAS

Seremban: Bekas ahli lembaga pengarah sebuah syarikat pelupusan sisa elektronik (e-waste) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan bersubahat memberi rasuah RM50,000 kepada pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) tahun lalu.

Tertuduh, Jiang Fanjun, 43, yang juga warga China, mengaku tidak bersalah secarus pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Mohamad Kamil Nizam.

Mengikut fakta pertuduhan, Jiang Fanjun didakwa bersubahat dengan warga tempatan, Soon Kein Chong, 40, dengan memberi suapan berjumlah RM50,000 kepada pegawai JAS berkenaan.

Perbuatan itu didakwa sebagai dorongan supaya tindakan undang-undang tidak diambil terhadap Kein Chong mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi kesalahan tidak memiliki lesen premis, tiada kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, tiada kebenaran laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar dan larangan menempatkan buangan terjadual di premis yang tidak ditetapkan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Jalan Zamrud, Kawasan Perindustrian Nilai, kira-kira jam 4 tengah hari, 12 Februari tahun lalu mengikut Seksyen 28 (1) (c) dibaca bersama Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi.

Mahkamah menetapkan 6 Mac ini sebagai tarikh sebutan semula kes. BERNAMA

Bekas ketua perisik ATM hadapi tiga dakwaan rasuah

Kuala Lumpur: Bekas ketua perisik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berdepan tiga pertuduhan rasuah iaitu menerima suapan wang untuk diri sendiri dan isteri, berjumlah AS$20,000 dan RM60,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Leftenan Jeneral Datuk Mohd Razali Alias, 60, yang sebelum ini mengetuai Malaysian Defence Intelligence Organisation (MDIO) ATM sebagai Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, mengaku tidak bersalah sebaik tiga pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Suzana Husain.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa secara rasuah menerima suapan untuk wang berjumlah AS$20,000 daripada Pengarah Syarikat Intelligence PC Centre Sdn Bhd, Sheikh Ahmad Nafiq Sheikh A Rahman, 45.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di MDIO, Kem Kementah, Jalan Parang Tembak di sini, antara Ogos dan November 2024.

Wang itu sebagai dorongan untuk beliau sebagai Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, meluluskan sijil pengesahan dan penerimaan perkhidmatan untuk tujuan pembayaran bagi Perolehan Perkhidmatan Sengaraan dan Perkhidmatan Sokongan Sistem Pusat Operasi Pertahanan Siber (CDOC) Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP).

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, iaitu jika disabitkan penjara sehingga 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana yang lebih tinggi.

Bagi tuduhan kedua, tertuduh atas jawatan sama didakwa menerima untuk isterinya, Datin Azarina Hakla, 58, iaitu pembayaran RM26,000 bagi pembelian tiket penerbangan pergi dan balik di antara Kuala Lumpur dan Malaga, Sepanyol, tanpa balasan daripada individu sama, yang diketahui mempunyai hubungan dengan tugas rasminya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di lokasi sama, pada 15 November 2024 dan didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan [Akta 574], sabit kesalahan boleh pengara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Sementara itu, bagi pertuduhan ketiga, dia didakwa menerima untuk isterinya RM37,800 bagi pembelian tiket penerbangan pergi dan balik di antara Kuala Lumpur dan Estonia tanpa balasan daripada individu sama yang diketahui mempunyai hubungan dengan tugas rasminya.

Kesalahan itu dilakukan di lokasi sama pada 28 April 2025, mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman sama.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya Law Chin Kow, manakala tertuduh diwakili peguam Datuk Geethan Ram Vincent.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu mahkamah kemudian membenarkan Mohd Razali dijamin RM50,000 bagi semua tuduhan oleh seorang penjamin dan pasport simpan oleh mahkamah sehingga kes selesai, selain menetapkan 16 Mac ini untuk sebutan semula kes itu.

Mohd Razali (kiri) hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam (Foto Rosdi Alias/BH)

BERITA HARIAN
31.01.2026 (SABTU)

Ketua Pengarah JAS, timbalan direman 7 hari

2 lagi ditahan kes salah guna kuasa, rasuah pengurusan sisa elektronik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Ketua Pengarah bergelar datuk, Timbalan Ketua Pengarah dan seorang penolong pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) masing-masing direman tujuh hari hingga Khamis depan, berkaitan siasatan isu pengurusan sisa elektronik (e-waste).

Seorang lagi orang awam pula direman tiga hari hingga Ahad ini membabitkan siasatan sama.

Majistret Ezrene Zakariah membenarkan permohonan reman terhadap semua suspek di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, semalam.

Terdahulu, empat suspek termasuk Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JAS itu tiba di Kompleks Mahkamah Putrajaya di sini, bagi pendengaran perintah reman, susulan penahanan mereka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan siasatan isu pengurusan e-waste.

Mereka berpakaian lokap warna jingga dan bergari itu tiba kira-kira jam 9 pagi diiringi pegawai SPRM.

BH kelmarin, melaporkan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JAS ditahan jam 6.30 petang selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Difahamkan, siasatan SPRM kini menumpukan kepada dakwaan salah guna kuasa dan rasuah berkaitan pengurusan e-waste yang dipercayai berlaku dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini..

Penahanan mereka disahkan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

Beliau berkata, kedua-dua mereka disiasat mengikut peruntukan Akta SPRM 2009.

Beri kerjasama penuh

Sementara itu Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup, berkata kementerian itu memberi jaminan akan bekerjasama sepenuhnya kepada SPRM dalam menjalankan siasatan secara telus serta terperinci.

Beliau berkata, pihaknya sesekali tidak akan bertoleransi terhadap sebarang bentuk salah guna kuasa, penyelewengan atau amalan rasuah membabitkan mana-mana kakitangan di bawah kementeriannya.

Ketua Pengarah JAS dan timbalan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

BERITA HARIAN
31.01.2026 (SABTU)

Ketua Staf Markas Angkatan Bersama ATM dituduh pecah amanah RM5 juta

Kuala Lumpur: Ketua Staf Markas Angkatan Bersama, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Mejar Jeneral Datuk Mohamed Fauzi Khamis, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas satu pertuduhan pecah amanah membabitkan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera bernilai RM5 juta.

Mohamed Fauzi, 56, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di depan Hakim Suzana Hussin.

"Faham pertuduhan tersebut, saya mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan," katanya.

Mengikut pertuduhan, beliau sebagai Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera didakwa melakukan pecah amanah jenayah ke atas harta tabung itu berjumlah RM5 juta dengan membuat pelaburan tambahan dalam sebuah syarikat, tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Tabung Kebajikan Angkatan Tentera.

Mohamed Fauzi hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di Kementerian Pertahanan di sini pada 27 November 2023 lalu.

Jika sabit kesalahan, beliau boleh dihukum mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntuk penjara dua hingga 20 tahun, sebatan dan denda.

Susulan itu, Timbalan Pendakwa Raya, Law Chin How, menawarkan jaminan sebanyak RM300,000 dengan seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

"Walaupun tertuduh masih memegang jawatan, terdapat kemungkinan risiko besar kerana beliau kerap ke luar negara untuk hadiri program di luar negara," katanya.

Bagaimanapun peguam mewakili tertuduh, Datuk Ahmad Zaharil Muhaiyar yang juga dikenali sebagai 'peguam kotak pensel', memohon kepada mahkamah agar kadar jaminan dikurangkan kepada RM70,000.

"Anak guam saya mempunyai tiga anak yang masih bersekolah dan masih memegang jawatan serta tidak membantah syarat untuk menyerahkan pasport kepada mahkamah," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan tertuduh diikat jamin dengan seorang penjamin RM100,000 dengan seorang penjamin dan tarikh sebutan semula kes pada 16 Mac depan.

BERITA HARIAN
31.01.2026 (SABTU)

4 penguat kuasa antara lima ditahan kes rasuah pusat urut

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat penguat kuasa dan seorang pesara agensi penguat kuasa kerana disyaki terbabit rasuah membabitkan rangkaian pusat urut terkemuka di negara ini.

Menurut sumber, kelima-lima suspek lelaki berusia lingkungan 30 hingga 60 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya ketika hadir memberi keterangan antara jam 5 hingga 7 petang kelmarin.

Sumber itu memaklumkan semua suspek disyaki menerima suapan daripada syarikat perniagaan pusat urut untuk melancarkan operasi serta memudah cara proses pengeluaran permit pekerja asing syarikat berkenaan.

"Sehingga kini juga, SPRM telah mengambil keterangan daripada 16 saksi bagi membantu siasatan," katanya kepada BERNAMA.

Menurut sumber, empat daripada tiga penguat kuasa dan pesara berkenaan direman empat hari hingga 2 Februari selepas Majistret Ezrene Zakariah membenarkan permohonan reman oleh SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam, manakala seorang lagi suspek telah dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Sumber memaklumkan SPRM juga telah melakukan penggeledahan di enam lokasi di Lembah Klang membabitkan pejabat serta kediaman suspek yang telah dikenal pasti dan disyaki ada kaitan dengan aktiviti rasuah berkenaan.

Katanya, SPRM juga telah mengambil tindakan membekukan 124 akaun perbankan milik individu dan syarikat disyaki ada kaitan dengan kes berkenaan membabitkan nilai kira-kira RM13.3 juta.

"Rangkaian pusat urut ini dipercayai menggunakan sistem perakaunan dua lapis, dengan 80 peratus jualan tunai tidak dilaporkan, menyebabkan anggaran kebocoran cukai sebanyak RM7.56 juta setahun.

"Disyaki terdapat bayaran rasuah RM2.7 juta setahun kepada beberapa pegawai daripada beberapa agensi penguat kuasa termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai wang perlindungan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan mengenai tangkapan berkenaan dan berkata kes disiasat di bawah Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009. BERNAMA

HARIAN METRO
31.01.2026 (SABTU)

Oleh Ilah Hafiz Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

KETUA Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar dan seorang Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes berkaitan pengurusan *e-waste*.

SERBUAN DISABOTAJ

SPRM sahkan ada 'orang' JAS cuba gagalkan operasi e-waste dijalankan pegawai penyiasat

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki mengesahkan terdapat 'orang' Jabatan Alam Sekitar (JAS) cuba mensabotaj operasi berkaitan pengurusan sisa elektronik (*e-waste*) yang dijalankan oleh pegawai penyiasat.

Azam mendedahkan perkara itu dalam satu klip audio siar yang disiarkan di laman Tiktok SPRM di sini, semalam.

Beliau turut mengaitkan perbuatan itu dengan pegawai-pegawai tertinggi jabatan berkenaan.

"Hari ini, dua orang pegawai kanan iaitu Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah (JAS) telah ditahan kerana mereka menerima rasuah.

"Dan semalam (kelmarin), orang-orang mereka telah sabotaj serbuan yang kita buat.

"Jadi di sini menunjukkan bagaimana kalau orang yang bukan saja tak sihat, yang Ketua Pengarah ini saya tengok tak sihat tetapi (bila) ambil duit sihat. Apabila pemikiran 'tak sihat' maka unsur-unsur negatif akan masuk dan terima rasuah yang akhirnya menjejaskan orang lain," katanya.

Azam mengesahkan penahanan dua pegawai JAS jam 6.30 petang kelmarin selepas mereka hadir memberi keterangan di ibu pejabat di Putrajaya.

Media sebelum ini melaporkan, SPRM akan memperhebatkan siasatan berhubung kegiatan pengimportan *e-waste* secara haram, susulan risikan yang mendedahkan antara 2,000 hingga 3,000 kontena *e-waste* telah diseludup masuk ke negara ini melalui pelabuhan utama.

> "Apabila pemikiran 'tak sihat' maka unsur-unsur negatif akan masuk
> Azam

Malah hasil risikan terbaru dijalankan SPRM mendedahkan, warga asing disyaki menjadi dalang mengimport *e-waste*, plastik dan kertas secara haram untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

Ia termasuk pihak berkuasa disyaki bersubahat, berkait kes pencemaran berterusan angkara *e-waste* dibawa masuk secara haram ke negara ini.

Isnin lalu, dilaporkan sebanyak 16 akaun bank dibekukan membabitkan nilai kira-kira RM10.2 juta selain wang tunai bernilai RM87,000 dan barang kes bernilai kira-kira RM220,000 disita.

Ini dilakukan susulan siasatan dakwaan rasuah dalam pemprosesan *e-waste*, pembuangan sisa efluen serta buangan berjadual melalui Op Nature.

NRES sedia beri komitmen bantu siasatan SPRM

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedia memberikan komitmen penuh bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan isu pengurusan sisa elektronik (e-waste).

Menterinya Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata, kementerian mengambil maklum laporan penahanan dua pegawai kanan Jabatan Alam Sekitar oleh SPRM dan menegaskan NRES tidak akan bertoleransi terhadap sebarang bentuk salah guna kuasa, penyelewengan atau amalan rasuah yang melibatkan mana-mana petugas di bawah kementerian itu.

"Saya sudah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian (Datuk Dr Ching Thoo Kim) untuk memastikan segala fungsi dan operasi harian JAS berjalan seperti biasa tanpa sebarang gangguan bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat dan pemantauan alam sekitar tetap diutamakan," katanya semalam.

Arthur turut meminta semua pihak supaya tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menjejaskan siasatan pihak berkuasa.

"NRES akan mengambil tindakan susulan pada peringkat dalaman selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) sekiranya perlu," katanya.

> "NRES akan mengambil tindakan susulan pada peringkat dalaman sekiranya perlu"
> Arthur

Terdahulu, media melaporkan bahawa SPRM telah menahan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JAS untuk siasatan dakwaan salah guna kuasa dan rasuah berkaitan pengurusan e-waste yang dipercayai berlaku dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. - BERNAMA

HARIAN METRO
31.01.2026 (SABTU)

SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk perintah reman, semalam.

H/Metro - 31/1/26 - Sabtu

Tiga pegawai alam sekitar direman tujuh hari

Putrajaya: Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar serta seorang Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes berkaitan pengurusan sisa buangan elekrik dan elektronik (*e-waste*).

Seorang lagi orang awam direman tiga hari hingga esok berhubung siasatan sama.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam.

Keempat-empat individu lengkap berpakaian lokap warna jingga dan bergari tiba di pekarangan mahkamah jam 9.30 pagi diiringi pegawai SPRM.

Media melaporkan kedua-dua pegawai kanan ditahan jam 6.30 petang kelmarin selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Siasatan SPRM kini menumpukan dakwaan salah guna kuasa dan rasuah pengurusan *e-waste* yang dipercayai berlaku dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki mengesahkan penahanan itu kelmarin memaklumkan siasatan sedang dijalankan secara menyeluruh.

HARIAN METRO
31.01.2026 (SABTU)

Rasuah penguat kuasa RM2.7 juta setahun lindungi rumah urut

Lima individu ditahan SPRM bagi siasatan kes rasuah rangkaian pusat urut terkemuka.

SPRM turut buka siasatan salah guna kuasa pegawai kanan kerajaan dalam urusan pembelian tanah guna dana zakat

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesyaki wujud bayaran rasuah RM2.7 juta setahun kepada beberapa pegawai penguat kuasa sebagai wang perlindungan rangkaian pusat urut terkemuka di negara ini.

Ia susulan penahanan lima lagi individu membabitkan empat penguat kuasa dan seorang pesara agensi kerajaan pada Khamis.

Empat daripada mereka direman empat hari sehingga 2 Februari ini manakala seorang lagi dibebaskan dengan jaminan pada Jumaat.

Menurut sumber, SPRM membekukan 124 akaun perbankan milik individu dan syarikat bernilai kira-kira RM13.3 juta.

"Rangkaian pusat urut ini dipercayai menggunakan sistem perakaunan dua lapis di mana 80 peratus jualan tunai tidak dilaporkan menyebabkan anggaran kebocoran cukai RM7.56 juta setahun.

"Disyaki terdapat bayaran rasuah RM2.7 juta setahun kepada beberapa pegawai agensi penguat kuasa termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai wang perlindungan," katanya.

Sumber berkata, semua suspek disyaki menerima suapan untuk melancarkan operasi pusat urut serta memudah cara permit pekerja asing.

"Sehingga kini, SPRM mengambil keterangan 16 saksi bagi membantu siasatan.

"Susulan ini juga, SPRM turut melakukan penggeledahan di enam lokasi di Lembah Klang termasuk pejabat dan kediaman suspek dikenal pasti," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 16/17 Akta SPRM 2009.

Rabu lalu, *Sinar Harian* melaporkan SPRM menahan reman lima individu bagi membantu siasatan kes rasuah penguat kuasa melibatkan sebuah rangkaian pusat urut terkemuka yang mempunyai 32 cawangan di seluruh negara.

Dalam pada itu, satu kertas siasatan dibuka berhubung dakwaan salah guna kuasa melibatkan seorang pegawai kanan kerajaan negeri dalam urusan pembelian tanah menggunakan dana zakat di Pulau Pinang.

Menurut sumber, siasatan dimulakan susulan pendedahan dibuat seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dalam persidangan negeri hujung tahun lalu.

"Pasukan siasatan hadir ke beberapa pejabat disyaki terlibat dalam kes ini bagi mendapatkan dokumen berkaitan.

"Selain itu, SPRM juga merakam percakapan dua individu dipercayai mempunyai kaitan dengan kes ini," katanya.

Pengarah SPRM Pulau Pinang, Datuk Karunanithy Y Subbiah ketika dihubungi, mengesahkan perkara itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

SINAR HARIAN
31.01.2026 (SABTU)

Didakwa pecah amanah RM5 juta

Mejar Jeneral Mohamed Fauzi didakwa salah guna dana TKAT tanpa kelulusan jawatankuasa

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR - Ketua Staf Markas Angkatan Bersama, Mejar Jeneral Datuk Mohamed Fauzi Kamis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat, atas satu pertuduhan pecah amanah Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) sebanyak RM5 juta, tiga tahun lalu.

Mohamed Fauzi, 56, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Suzana Hussin.

"Faham dengan pertuduhan tersebut, saya mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan," katanya yang hadir ke mahkamah dengan memakai kot berwarna biru.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa ketika menjawat Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (AKSPA) merangkap Pengerusi Jawatankuasa

Pelaburan TKAT, telah diamanahkan penguasaan ke atas wang berjumlah RM5 juta milik tabung kebajikan itu di akaun sebuah bank.

Bapa kepada tiga anak berkenaan dituduh melakukan pecah amanah jenayah ke atas harta tersebut dengan menyalahgunakannya iaitu membuat pelaburan tambahan dalam sebuah syarikat tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan TKAT.

Kesalahan didakwa dilakukan di Kementerian Pertahanan Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kementah, di sini pada 27 November 2023.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Law Chin How, Nurul Qistini Qamarul Abrar dan Nurul Izzati Sapifee.

Peguam 'kotak pensel' Datuk Ahmad Zaharil Muhaiyar turut hadir bagi mewakili Mohamed Fauzi.

Semasa prosiding di hadapan Suzana, Ahmad Zaharil, merayu anak guamnya diberi ikat jamin pada kadar minimum.

Menurutnya, jumlah jaminan RM300,000 yang dicadangkan pihak pendakwaan kepada pegawai kanan tentera itu bersifat keterlaluan.

"Kes ini agak menarik kerana anak guam merupakan seorang pegawai kanan berpangkat mejar jeneral yang dihormati dan memakai dua bintang atas bahunya.

"Tuduhan yang dilemparkan bukan melibatkan kes menggelapkan wang, sebaliknya menyalah guna harta, jadi saya percaya anak guam akan hadir dalam setiap sebutan kes di mahkamah ini," katanya.

Selepas pertuduhan, Chin How mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM300,000 dengan seorang penjamin.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Suzana membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM100,000 dengan seorang penjamin dan memerintahkan pasportnya diserahkan kepada mahkamah sebagai syarat jaminan.

Sebutan kes ditetapkan pada 16 Mac depan.

FOTO: ROSLI TALIB

Mohamed Fauzi (tengah) ketika tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Jumaat.

SINAR HARIAN
31.01.2026 (SABTU)

Kakitangan MPPD didakwa guna kedudukan dapatkan kontrak

SEREMBAN - Penolong Pegawai Tadbir Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas enam pertuduhan menyalahgunakan kedudukannya untuk mendapatkan kontrak perkhidmatan bagi syarikat menantunya.

Tertuduh, Hamiza Hasnin, 53, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim N Kanageswari selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam (UKPA) MPPD, telah menggunakan kedudukannya untuk suapan kontrak perkhidmatan antaranya kerja pembekalan makan dan minum, pembekalan baju untuk program serta pembekalan bahan promosi yang melibatkan jumlah keseluruhan RM39,170 untuk syarikat milik menantunya.

Tertuduh telah mencadangkan sebut harga syarikat terbabit sebagai pembekal bagi perkhidmatan tersebut kepada Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor MPPD.

Selain itu, tertuduh turut didakwa menggunakan kedudukannya untuk suapan wang berjumlah RM8,141 untuk dirinya sendiri dengan mencadangkan sebut harga syarikat menantunya sebagai pembekal bagi kerja pembekalan dan menghantar keperluan bahan promosi Program Surfcasting MPPD 2023 di Pantai Saujana dan Pantai Bagan Pinang berjumlah RM8,570.

Hamiza (kiri) dibawa pegawai SPRM ke mahkamah pada Jumaat.

Perbuatan tersebut dilakukan antara 23 Jun 2022 hingga Mac 2024 di pejabat MPPD.

Mahkamah menetapkan jaminan RM10,000 dengan tertuduh perlu menyerahkan pasport dan melaporkan diri di pejabat SPRM berhampiran setiap bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan 13 Mac depan.